

ANALISIS PRODUK AR-RAHN DI INSTITUSI
KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA MENURUT
PERSPEKTIF FIQH

SITI HAZIRAH BINTI CHE HARUN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2022

**ANALISIS PRODUK *AR-RAHN* DI INSTITUSI
KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA MENURUT
PERSPEKTIF FIQH**

SITI HAZIRAH BINTI CHE HARUN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2022

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SITI HAZIRAH BINTI CHE HARUN**

No. Matrik: **17133571/3**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**ANALISIS PRODUK AR-RAHN DI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DI
MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF FIQH**

Bidang Penyelidikan: **FIQH DAN USUL (FIQH MUAMALAT)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 22/11/2022

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 21/11/2022

Nama:

Jawatan:

ANALISIS PRODUK *AR-RAHN* DI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF FIQH

ABSTRAK

*Ar-rah*n merupakan antara kontrak yang digunakan dalam produk pembiayaan Islam bagi membantu individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memperolehi wang dengan segera dan mudah. Para fuqaha' telah bersepakat bahawa hukum kontrak pajak gadai (*ar-rah*n) adalah diharuskan berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan Sunnah. Bertitik tolak daripada dalil keharusan yang berbentuk umum, maka struktur kontrak *ar-rah*n di Malaysia adalah berbentuk hibrid di mana terdapat gabungan beberapa kontrak Islam yang lain dalam satu produk pembiayaan iaitu *al-qard al-hasan* (pinjaman tanpa faedah), *ar-rah*n (cagaran), *al-wadi'ah* (simpanan) dan *al-ujrah* (upah simpan) seperti yang diamalkan oleh Institusi Kewangan Islam Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2019 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara (BNM) memutuskan bahawa produk pembiayaan *ar-rah*n yang diamalkan oleh perbankan Islam Malaysia adalah tidak memenuhi keperluan Syariah yang ditetapkan. Keputusan ini telah memberi implikasi besar terhadap operasi perbankan Islam di Malaysia yang menawarkan produk *ar-rah*n.

Sehubungan itu, kajian ini meneliti isu-isu Syariah yang berbangkit daripada produk pembiayaan *ar-rah*n yang ditawarkan sebelum Februari 2020 dan produk pembiayaan *ar-rah*n yang telah dikemaskini. Seterusnya isu-isu tersebut akan dianalisis dari perspektif fiqh. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian berbentuk kualitatif dipilih dengan menggunakan dua pendekatan kajian yang berlandaskan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan mengguna pakai metode dokumentasi dengan merujuk kepada perbincangan *ar-rah*n dalam kalangan fuqaha' klasik dan kontemporari di samping lembaran pendedahan produk serta polisi dokumen *ar-rah*n BNM. Manakala kajian lapangan mengaplikasi metode temubual yang melibatkan informan dalam kalangan pakar muamalat dan eksekutif Syariah di perbankan Islam terpilih. Seterusnya,

data yang diperolehi akan dianalisis melalui analisis kandungan dan tematik. Hasil kajian mendapati isu Syariah berkaitan *ar-rah*n adalah berbeza berdasarkan produk yang ditawarkan sebelum tahun 2020 dan yang dikemaskini bermula Februari tahun 2020. Isu Syariah sebelum tahun 2020 yang ditimbulkan BNM adalah isu keterikatan setiap kontrak dan isu penggabungan kontrak. Namun begitu, pengkaji mendapati terdapat isu Syariah lain iaitu isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar dan isu memanfaatkan marhun yang timbul daripada produk pembiayaan *ar-rah*n sedia ada. Manakala, isu syariah dalam produk *ar-rah*n yang dikemaskini pada tahun 2020 dapat dilihat dalam kontrak *tawarruq* di mana produk *ar-rah*n semasa menggu pakai kontrak *tawarruq* yang melibatkan isu berkaitan dengan komoditi, isu berkenaan ketiadaan penyerahan dan pegangan, isu berkaitan pengaturan awal, *wakalah* dan isu yang boleh membawa kepada *bay'inah*. Namun begitu pihak bank mempunyai mekanisme yang cukup bagus untuk mengurangkan kekerapan berlakunya isu-isu tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga kemungkinan berlaku isu-isu teknikal yang tidak dapat dielakkan akibat sistem yang tidak berfungsi dengan baik dan kecuaian pihak bank dalam mengandalikan akad *ar-rah*n mahupun *tawarruq*.

Kata Kunci: Pajak Gadai, *Ar-rah*n, Isu-Isu Syariah, *Tawarruq*

ANALYSIS OF *AR-RAHN* PRODUCTS IN ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS IN MALAYSIA ACCORDING TO FIQH PERSPECTIVE

ABSTRACT

*Ar-rah*n is one of the contracts used in Islamic financing products to help the community as well as Small and Medium Enterprises earn money quickly and easily compared to other financing products. The fuqaha' have agreed that the law of pawn contracts (*ar-rah*n) is obligatory based on the arguments of the Qur'an and Sunnah. Based on the general necessity, the application of *ar-rah*n contract in Malaysia is a hybrid where there is a combination of several other Islamic contracts in one financing product, namely *al-qard al-hasan* (interest-free loan), *ar-rah*n (collateral) *al-wadiah* (savings) and *al-ujrah* (savings wages) as practiced by Islamic financial institutions in Malaysia. However, in 2019, the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia decided that the financing products practiced by Malaysian Islamic banking did not meet the prescribed Shariah requirements. This decision has major implications for Islamic banking operations in Malaysia. Accordingly, this study examines the Shariah issues arising from the existing *ar-rah*n financing products and subsequently those issues will be analysed from the perspective of fiqh. In order to achieve these objectives, two research approaches namely the library and field study are employed. The library study is a documentation method that refers to *ar-rah*n discussions among classic and contemporary fuqaha' as well as product disclosure sheets and BNM policy documents. While the field study applies to interviews involving Shariah/muamalat experts and Shariah executives in selected banking. Next, the data obtained will be analyzed through content analysis by analyzing Shariah issues in *ar-rah*n based on the results of BNM. The results of the study found that Shariah issues related to *ar-rah*n are divided into two, namely before 2020 and those updated starting in 2020. The results of the study in *ar-rah*n before 2020

found apart from the Shariah issues raised by Bank Negara namely the inter-conditionality and interdependency of each contract and conflict in the essence of the combined contracts, there are other Shariah issues, namely the issue of custodial fee charges more than the actual cost and the issue of benefitting the marhun from existing ar-rahn financing products. Meanwhile, Shariah issues in *ar-rahn* updated in 2020 can be seen in *tawarruq* contracts where current *ar-rahn* products adopt *tawarruq* contracts involving commodity related issues, issues regarding non-delivery and holding, issues related to preliminary arrangements, *wakālah* and issues that can lead to *bay'nah*. However, the bank has a good enough mechanism to reduce the frequency of such issues. However, there are also technical issues that inevitably occur as a result of a malfunctioning system of the bank's negligence in handling the *ar-rahn* contract.

Keywords: Pawnshop, *Ar-rahn*, Shariah Issues, Shariah Compliant, *Tawarruq*

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

وبعد،

Sekalung penghargaan buat penyelia, Dr Nor Fahimah Mohd Razif di atas bimbingan dan nasihat sepanjang usaha menyempurnakan kajian ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada kesemua pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul yang sering memberi buah fikiran dan memudahkan segala urusan sepanjang tempoh pengajian Sarjana. Begitu juga ucapan terima kasih buat kakitangan bahagian Ijazah Tinggi APIUM, perpustakaan APIUM dan UM atas kerjasama yang dihulurkan.

Ucapan terima kasih diucapkan kepada informan-informan yang sudi meluangkan masa memberi kerjasama dan input terutamanya En.Husnan Syazwan Narzari (Ketua, bahagian pengawasan shariah, bank rakyat Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis 19 April 2021 dan En. Muhamad Fadhli Abdullah (Eksekutif Syariah, Bank Muamalat, Kuala Lumpur), dalam temubual bersama penulis pada 22 April 2021.

Seterusnya, penghargaan yang teramat istimewa buat keluarga khususnya buat suami tercinta Zulkifli Ibrahim yang telah banyak membantu dan memberi sokongan, tidak lupa juga ayah dan ibu, Che Harun Sulaiman dan Roheemah Laeh yang telah banyak berkorban semenjak mula sehingga hujung kajian dan pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik yang disayangi, kehadiran kalian telah menyemarakkan semangat untuk menamatkan kajian dan pengajian ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak menghulurkan bantuan secara langsung dan tidak langsung serta menjadi perangsang dalam mengharungi cabaran ini. Semoga jasa kalian memperoleh barakah dan kemuliaan di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

SITI HAZIRAH CHE HARUN

17133571/3

Pt Kampung Lubok Kawah,
17000 Pasir Mas, Kelantan.
Sitinazirah18@gmail.com

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN.....	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
SENARAI KEPENDEKAN.....	xii
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan dan Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian.....	11
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop dan Batasan Kajian.....	13
1.7 Kajian-Kajian Lepas	15
1.8 Metodologi Kajian.....	30
1.8.1 Reka Bentuk Kajian	30
1.8.2 Metode Pengumpulan Data.....	30
1.8.3 Sumber Data	31
1.8.4 Metode Analisis Data	33
1.9 Sistematika Kajian.....	37
1.10 Kesimpulan.....	38
BAB 2: KONTRAK-KONTRAK MUAMALAT BERKAITAN PRODUK AR-RAHN MENURUT PERSPEKTIF FIQH	39
2.1 Pendahuluan	39
2.2 <i>Ar-rahn</i>	39
2.2.1 Definisi <i>Ar-rahn</i>	39
2.2.2 Hukum dan Dalil <i>Ar-rahn</i>	41
2.2.3 Rukun dan Syarat Gadaian	43
2.2.4 Penamatan Kontrak <i>Ar-rahn</i>	50
2.3 <i>Qard Al-Hasan</i>	51

2.3.1 Definisi <i>Qard Al-Hasan</i>	51
2.3.2 Hukum dan Dalil Pensyariatan <i>Qard Al-Hasan</i>	53
2.3.3 Rukun dan Syarat <i>Qard Al-Hasan</i>	55
2.3.4 Pembatalan <i>Qard Al-Hasan</i>	57
2.4 <i>Al-Wadi'ah</i>	58
2.4.1 Definisi <i>Al-Wadi'ah</i>	58
2.4.2 Hukum dan Dalil <i>Al-Wadi'ah</i>	58
2.4.3 Rukun dan Syarat <i>Al-Wadi'ah</i>	61
2.4.4 Jenis-Jenis <i>Al-Wadi'ah</i>	62
2.4.5 Pembatalan <i>al-Wadi'ah</i>	63
2.5 <i>Al-Ijarah</i>	64
2.5.1 Definisi <i>Al-Ijarah</i>	64
2.5.2 Hukum dan Dalil <i>Al-Ijarah</i>	66
2.5.3 Rukun dan Syarat <i>Al-Ijarah</i>	66
2.5.4 Jenis-Jenis <i>Al-Ijarah</i>	69
2.5.5 Penamatan Akad <i>Al-Ijarah</i>	71
2.6 <i>Al-Tawarruq</i>	72
2.6.1 Definisi <i>Al-Tawarruq</i>	72
2.5.3 Rukun dan Syarat <i>Al-Tawarruq</i>	75
2.5.3 Jenis-jenis kontrak <i>al-tawarruq</i>	79
2.5.4 Pandangan Ulama' Terhadap <i>Bay Al-Tawarruq</i>	82
2.5.5 Penamatan Kontrak <i>Al-Tawarruq</i>	85
2.6 Kesimpulan.....	85
BAB 3: MODUS OPERANDI PRODUK <i>AR-RAHN</i> DI BANK-BANK TERPILIH	87
3.1 Pendahuluan	87
3.2 Latar Belakang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	87
3.3 Modus Operandi Produk <i>Ar-rahn</i> Di Bank Rakyat.....	92
3.3.1 Struktur Produk <i>Ar-rahn</i> sebelum tahun 2020.....	92
3.3.2 Struktur Produk Ar-rahn Yang Dikemaskini Bermula Tahun 2020	94
3.4 Latar Belakang Bank Muamalat Malaysia Berhad.....	99
3.4 Modus Operandi Produk <i>Ar-rahn</i> Bank Muamalat	102

3.4.1 Struktur Produk <i>Ar-rahn</i> Sebelum Tahun 2020.....	102
3.4.2 Struktur Produk <i>Ar-rahn</i> Yang Dikemaskini Bermula Tahun 2020.....	103
3.5 Analisis struktur produk <i>ar-rahn</i> di Bank Rakyat dan Bank Muamalat	111
3.5.1 Perbezaan Aplikasi Produk <i>ar-rahn</i> Dahulu dan Semasa.....	113
3.5.2 Perbezaan Struktur Produk Ar-rahn di Bank Rakyat dan Bank Muamalat ..	113
3.6 Kesimpulan.....	115
 BAB 4: ANALISIS ISU-ISU SYARIAH DALAM APLIKASI PRODUK AR-RAHN DI PERBANKAN ISLAM TERPILIH MENURUT PERSPEKTIF FIQH	
.....	116
4.1 Pendahuluan	116
4.2 Analisis Isu-Isu Syariah dalam Aplikasi Produk <i>Ar-rahn</i>	116
4.2.1 Isu-isu Syariah yang dikenalpasti dalam aplikasi produk <i>ar-rahn</i> sebelum tahun 2020.....	116
4.2.1.1 Isu Keterikatan Setiap Kontrak.....	116
4.2.1.2 Isu Penggabungan Kontrak.....	118
4.2.1.3 Isu Caj Upah Simpan Lebih dari Kos Sebenar.....	120
4.2.1.4 Isu memanfaatkan Marhun.....	122
4.2.1.5 Isu berkaitan Fi/Yuran bagi Barang Gadaian yang Disimpan.....	124
4.2.2 Isu-isu Syariah yang dikenalpasti dalam aplikasi produk <i>ar-rahn</i> yang dikemaskini bermula tahun 2020.....	126
4.2.2.1 Isu Berkaitan dengan Komoditi.....	127
4.2.2.2 Isu Berkaitan Penyerahan dan Pegangan.....	130
4.2.2.3 Isu Berkaitan Pengaturan Awal (Pre-arrangement).....	134
4.2.2.4 Isu Berkaitan <i>Bay' Inah</i>	136
4.2.2.5 Isu Berkaitan Perwakilan.....	138
4.2.2.6 Isu-isu Teknikal.....	140
4.6 Kesimpulan.....	142
 BAB 5: PENUTUP	143
5.1 Pengenalan.....	143
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	143
5.2.1 Objektif 1: Menjelaskan kontrak-kontrak yang mendasari produk menurut perspektif fiqh.....	144
5.2.2 Objektif 2: Mengenalpasti modus operandi produk <i>ar-rahn</i> di bank-bank terpilih.....	145

5.2.3 Objektif 3: Menganalisis isu-isu syariah dalam aplikasi produk <i>ar-rahn</i> di bank-bank terpilih menurut perspektif fiqh.	146
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	148
5.4 Kesimpulan.....	149
BIBLIOGRAFI.....	150
LAMPIRAN.....	158

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
1.1	Proses Analisis Data	34
2.1	Perbezaan <i>Al-Tawarruq al-fiqhi</i> dan <i>al-Tawarruq al-Munazzam</i>	82
3.1	Ciri-ciri Pajak Gadai-i	95
3.2	Ciri-ciri Muamalat Ar-Rahnu	106
3.3	Persamaan Fi dan Caj Pembiayaan Ar-Rahnu Kontrak Lama dan Semasa	108
3.4	Pengiraan Kadar Keuntungan	108
3.5	Formula Umum Ibra'	110
3.6	Ilustrasi Ibra'	110
3.7	Perbezaan Kontrak Ar-rahn (Lama dan Semasa)	113
3.8	Perbezaan Struktur Produk Ar-rahn di Bank Rakyat dan Bank Muamalat	114

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
2.1	Struktur Tawarruq Fighi	80
2.2	Struktur Tawarruq Munazzam	81
3.1	Struktur Lama Pembiayaan Ar-rahn di Bank Rakyat	92
3.2	Struktur Semasa Pembiayaan Ar-rahn di Bank Rakyat	94
3.3	Struktur Lama Pembiayaan Ar-rahn di Bank Muamalat	101
3.4	Struktur Semasa Pembiayaan Ar-rahn di Bank Rakyat	103
3.5	Struktur Produk Ar-rahn di Bank Rakyat dan Bank Muamalat	111

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
1	Surat Lantikan Informan Temubual
2	Transkrip temubual eksekutif Syariah Bank Rakyat dan Bank Muamalat

SENARAI KEPENDEKAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions
APKI 2013	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APKI 2013)
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
BSAS	Bursa Suq Al-Sila‘
CA/SA	Current Account / Saving Account
CPO	Crude Palm Oil
IFI	Islamic Financial Institutions
IFSA 2013	Islamic Financial Services Act 2013
IKI	Institusi Kewangan Islam
ISRA	International Shari‘ah Research Academy
LME	London Metal Exchange
MG-I AKAUN	Muamalat Gold-i Akaun
MG-I FIZIKAL	Muamalat Gold-i Fizikal
MPS BNM	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut:¹

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	alif	a , ’
ب	ba’	B
ت	ta’	T
ث	tha’	Th
ج	jim	J
ح	ha’	h
خ	kha’	Kh
د	dal	D
ذ	dhal	Dh
ر	ra’	R
ز	zay	z
س	sin	s
ش	shin	sh
ص	sad	ṣ
ض	dad	ḍ
ط	ta’	ṭ
ظ	za’	ẓ
ع	‘ayn	‘
غ	ghayn	gh
ف	fa’	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k

¹ Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, edisi 4, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2020), 39-43.

ل	<i>lam</i>	l
م	<i>mim</i>	m
ن	<i>nun</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>ha'</i>	h
ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	h,t

ii. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ	a	قَنَّاتٌ	<i>qanata</i>
ـ	i	سَلِيمٌ	<i>salima</i>
ـ	u	جُعْلٌ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ، ـى	ā	أَبْرَى بَابٌ	<i>bāb, kubrā</i>
ـى	ī	وَاعِلٌ	<i>wakīl</i>
ـو	ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

iii. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ــو	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
ــي	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
ــوــ	uww	قَوْةٌ	<i>quwwah</i>
ــيــ	iy, ī	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiyy/ī</i>

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Latar Belakang

Modal merupakan sesuatu perkara yang amat penting dan diperlukan oleh setiap manusia, mahupun individu atau firma serta entiti perniagaan mahupun kerajaan. Perusahaan besar dan entity perniagaan kebanyakannya mendapatkan sumber modal mahupun duit melalui pinjaman atau pembiayaan yang disediakan oleh institusi-institusi perbankan di Malaysia. Mankala Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mempunyai jumlah wang yang sedikit menggunakan *ar-rah*n sebagai produk untuk memperolehi duit dengan caj yang lebih rendah.

*Ar-rah*n atau juga dikenali sebagai sistem gadaian telah lama diamalkan dan dikenali dalam kehidupan masyarakat seharian dan telah berkembang dengan maju sehingga sekarang sejak dari dulu lagi.²

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى مِنْ يَهُودِيًّا طَعَامًا
إِلَى أَجْلٍ وَرَهَنَهُ دِرْعًا لَهُ مِنْ حَدِيدٍ

Maksudnya: “Dari Aisyah *radiallāhu ‘anha* yang bermaksud Nabi SAW pernah membeli makanan dari seorang yahudi dengan harga yang di hutang. Sebagai tanggungan atas hutangnya itu Nabi SAW menyerahkan baju besinya.”³

Berdasarkan hadis di atas membuktikan bahawa *ar-rah*n telah diamalkan oleh nabi SAW pada zaman awal Islam. Islam mengharuskan gadaian (*ar-rah*n) sebagai salah satu metode untuk menyelesaikan masalah kesempitan wang yang dihadapi oleh umatnya. Amalan pinjam-meminjam wang atau duit dengan jaminan dalam bentuk harta (*ar-rah*n) merupakan salah satu cara peminjaman wang yang dibenarkan oleh ajaran Islam dan dibenarkan syarak sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

² Mohd. Nasir Mohd. Yatim & Amirul Hafiz Mohd Nasir, *The Principles and Practice of Islamic Banking & Finance*, Selangor, Malaysia: Prentice Hall/ Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2007), 188.

³ Musa Shahin Lashin, “*Şâfi’î al-Bukhârî* dan Muslim, *Kitab Fathu al-Mun’am*, Bab *ar-rah*n, no. hadith 3621.

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَمَمْ بَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنٌ مَقْبُوضَةٌ

(Al-Baqarah: 283)

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).”⁴

Allah menegaskan berdasarkan ayat di atas bahawa setiap amalan pinjam meminjam hendaklah dilaksanakan dengan bertulis dan bersaksi dalam apa jua keadaan sekalipun. Namun, keadaan itu juga boleh terkecuali apabila berlaku perkara darurat. Dalam keadaan bermusafir, seseorang yang membuat pinjaman hendaklah menyerahkan suatu barang gadaian sebagai cagaran terhadap hutangnya.⁵

Telah ditetapkan sistem yang sempurna serta praktikal berdasarkan ajaran Agama Islam untuk dilaksakan bagi memastikan tiada unsur-unsur riba dan unsur-unsur *gharar* (penipuan) dalam kalangan umatnya. Walau bagaimanapun, semenjak warga British memerintah di negara ini, amalan gadaian sering diamalkan oleh masyarakat terutamanya masyarakat China. Oleh kerana sistem gadaian ini banyak diusahakan oleh masyarakat china, ianya terdedah kepada transaksi yang bertentangan dengan syarak. Sistem pajak gadai ini sangat popular dalam kalangan masyarakat namun terdedah kepada unsur-unsur yang tidak patuh syariah seperti riba dan *gharar*.⁶ Oleh yang demikian, kebanyakan umat Islam terdedah kepada institusi riba sejak daripada dulu lagi. Institusi riba lama kelamaan menjadi semakin berkembang dan berleluasa oleh kuasa-kuasa besar yang berfahaman kapitalis dengan penguasaan ekonomi daripada kalangan mereka. Hal ini mengakibatkan umat Islam terpaksa melibatkan diri dalam pengurusan sistem ekonomi konvensional yang terdedah kepada elemen yang berdasarkan riba. Malahan alahan terdapat segelintir

⁴ Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Ar-Rahman*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 85.

⁵ Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, *Tafsir Mubin*, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2009), 3:204.

⁶ Mu'min Ab. Ghani, “Sejarah Perkembangan Riba dalam Tamadun Manusia”, *Jurnal Syariah* 4 (1996), 124.

pendukung fahaman sekularisme menyatakan bahawa tanpa riba sebuah ekonomi itu tidak akan maju serta mundur.⁷

Sebagai seorang muslim, kita ditegah daripada berurus dalam kegiatan yang tidak patuh Syariah dan bertentangan dengan syarak. Umat Islam mula bangkit dan para ilmuwan Islam mendorong umatnya supaya menkaji dan berfikir serta mencari penyelesaian untuk menggantikan kehidupan berasaskan kapitalis dengan sistem yang berlandaskan tuntutan agama Islam.⁸ Pada era 60-an, pajak gadai Islam dan *ar-rahn* telah diwujudkan akibat evolusi kewangan Islam ini telah membuka pelbagai peluang sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional. Bermula tahun 1992, segelintir daripada pihak kerajaan dan swasta telah mula mengambil langkah dengan memperkenalkan sistem pajak gadai Islam masing-masing.⁹ Hasilan daripada itu, sebanyak 697 buah sistem pajak gadai yang telah berjaya beroperasi di seluruh Malaysia sehingga penghujung tahun 2021.¹⁰

Muassasah Gadaian Islam Terengganu merupakan institusi pajak gadai Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia oleh kerajaan Terengganu pada 23 Januari 1992, pajak gadai ini telah ditubuhkan di bawah Pejabat Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu yang dibiayai oleh kerajaan Terengganu. Dari segi perundangan, pelaksanaan Muassasah Gadaian Islam Terengganu ini tertakluk di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Akibat daripada itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan telah berminat dan tertarik dengan pelaksanaan Muassasah Gadaian Islam Terengganu yang mana memenuhi kehendak Syariat Islam. Pada Mac 1992, Kedai Ar-

⁷ Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005), 105.

⁸ Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof, *Perbankan Islam di Malaysia*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2008), 5.

⁹ Nurul Huda Md Yusuff, Azila Abdul Razak dan Fidlizan Muhammad, “Kepatuhan Proses Gadaian Dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia,” *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9 (2015), 57-74.

¹⁰ Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, “Statistik Terpilih KPKT Sehingga Mac 2021”, (Putrajaya, 2021), 50.

Rahn telah diwujudkan melalui anak syarikatnya, iaitu Permodalan Kelantan Berhad dengan permulaan modal sebanyak RM2 juta dan ia merupakan institusi gadaian yang terawal di Malaysia.¹¹

Di Malaysia, pajak gadai Islam terbahagi kepada dua bentuk peruntukan undang-undang yang perlu dipatuhi, antaranya ialah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) yang terdiri daripada beberapa badan pergerakan koperasi, Muassasah Gadaian Islam Terengganu dan kerajaan negeri yang mula menceburkan diri. Sebagai contoh, pada Januari 1997, Kerajaan Perlis telah menubuhkan pajak gadai Islam. Di samping itu, Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad, Koperasi Pengguna Pahang Berhad, Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah dan Badan-Badan Berkanun Terengganu. Adapun, Institusi-Institusi Kewangan Islam di Malaysia, *ar-rah*n adalah dibawah pengawasan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. (IFSA 2013).

*Ar-rah*n yang diamalkan oleh institusi kewangan atau perbankan Islam di Malaysia merupakan produk muamlat Islam yang hibrid, gabungan beberapa mekanisme (kontrak) melibatkan beberapa mekanisme kontrak Islam iaitu *al-qard al-hasan* (pinjaman tanpa faedah), *ar-rah*n (cagaran), *al-wadi‘ah* (simpanan) dan *al-ujrah* (upah simpan). Kini terdapat sebahagian institusi kewangan Islam yang menawarkan kontrak ar-rahn seperti Bank Rakyat, Bank Muamalat, Bank Islam, Agrobank dan Coop-Bank Pertama.

Sistem pajak gadai Islam ini ditubuhkan bukan untuk mengaut keuntungan semata-mata, ia ditubuhkan atas dasar fardhu kifayah. Sistem ini juga memberi pilihan kepada masyarakat Islam dan anggota-anggota Koperasi bagi menangani masalah kewangan yang dihadapi. Maka, dengan ini mana-mana masyarakat yang memerlukan

¹¹ ‘Sabri Ahmad, “Ar-Rahnu Pajak Gadai Islam Pertama di Dunia” Laman Sesawang Emaskini dicapai 26 Oktober 2020, <https://www.emaskini.com/ar-rahnu-pajak-gadai-islam-pertama-di-dunia/>

wang atau pinjaman dengan kadar segera tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai konvensional yang mana ia merupakan satu penindasan kepada peminjam. Selain itu, kemudahan ini selari dengan dasar dan prinsip perjalanan sistem berkoperasi, iaitu bersifat tolong menolong serta bantu membantu antara satu sama lain.

Justeru, masyarakat Islam harus bertanggungjawab untuk meneroka dan mengkaji dalam bidang kajian ini iaitu *ar-rah*n untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan rujukan kepada sumber-sumber wahyu di samping kaedah-kaedah dan sumber-sumber Islam yang lain.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Pada 31 Julai 2019, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia telah memutuskan bahawa struktur semasa produk *ar-rah*n yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan Islam (IKI) berdasarkan gabungan kontrak *qard* (pinjaman), *ar-rah*n (cagaran), *wadi’ah* (simpanan) dan *ujrah* (upah simpan) tidak memenuhi keperluan Syariah yang ditetapkan dalam Dokumen Polisi (PD) *rah*n berdasarkan hujah-hujah yang berikut:

Keberkaitan dan kebergantungan kontrak *rah*n, *wadi’ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf'an* (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bay' wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan syarak. Dalam struktur produk ini, salah satu kontrak tidak akan efektif tanpa kewujudan kontrak lain. *Al-qard* hanya diberikan dengan syarat menyimpan emas dan membayar upah dengan simpanan emas tersebut.

Hal ini secara tidak langsung berkaitan di antara *qard* dan caj upah simpan yang membawa kepada isu *qard jarra naf'an*.

Kombinasi *ar-rahn* dan *qard* dalam produk *ar-rahn* bagi menjana keuntungan tidak menepati objektif kontrak (*muqtada' aqd*)¹² *rahn* dan *qard* memandangkan objektif asal kedua-dua kontrak adalah untuk cagaran dan kebajikan (*charity*).¹³

Isu pematuhan *ar-rahn* menurut syariat telah lama dibincangkan secara akademik, kajian oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh¹⁴ pada tahun 2008 mendapati bahawa caj upah simpan barang melalui produk *ar-rahn* yang diasaskan konsep wadi‘ah yad dhamanah bertentangan dengan konsep dan hakikat *ar-rahn*. Kebanyakan *ar-rahn* di Malaysia menggunakan kontrak pinjam tanpa faedah (*qard*) dan upah simpah (*ujrah*) di mana upah tanpa faedah itu pada asalnya adalah harus. Hal ini kerana *ar-rahn* pada asalnya adalah kontrak sokongan kepada kontrak hutang (*qard*). Justeru, apabila pihak yang berhutang dikenakan caj tambahan melebihi kadar hutang maka, lebihan tersebut mengandungi unsur riba sebagaimana hadis:

وَقَالَ الْخَارِثُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ أَبِي أُسَامَةَ حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ حَمْزَةَ ، أَنَّ سَوَارُ بْنُ مُضْعِبَ ،
عَنْ عُمَارَةَ الْهُمْدَانِيِّ ، قَالَ : سَمِعْتُ عَلَيْا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "كُلُّ قَرْضٍ جَرَرْ مَفْعَةً فَهُوَ رِبًا"

Ertinya: Telah berkata Al-Harits Ibn Abi Usamah, telah menceritakan kepada kami oleh Hafsh Ibn Hamzah, telah menghabarkan kepada kami Sawwar Ibn Mush‘ab dari Umarah Al-Hamdanii, ia berkata saya mendengar dari Ali *radiallāhu ‘anhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Setiap akad *qard* dengan mengambil manfaat adalah riba”.
¹⁵

Justifikasi pengenaan caj tersebut adalah berdasarkan Polisi Dokumen *Wadi‘ah* klaus 16.1 yang dikeluarkan pada tahun 2016 menyebut:

A *wadi‘ah* contract shall be construed as a *qard* contract and shall be governed by the principles of *qard* if:

¹² *Muqtada' aqad* bermaksud objektif sesuatu kontrak itu sendiri.

¹³ Bank Negara Malaysia, “The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (the SAC) 194th and 195th Meeting,” laman sesawang Bank Negara Malaysia, diakses 20 Disember 2019, <https://www.bnm.gov.my/-/sac-194th-195th-meeting>.

¹⁴ ¹⁴ Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, “Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu penilaian Semula”, *Jurnal Fiqh Apium* 5 (2008), 48-65.

¹⁵ Shaykh Muhammad Amin Ibn 'Umar Ibn 'Abidin, Hadith *hasan* riwayat al-Harits ibn Abi Usamah, *Kitab al-Buyu'*, bab ar-riba, no. hadith 881.

- a) the *wadi 'ah* asset is fungible asset (*mal mithli*) such as money; and
- b) the custodian is allowed to utilise the asset.

Pernyataan di atas membuktikan bahawa kontrak *wadi'ah* boleh ditafsirkan sebagai kontrak *qard* jika barang itu merupakan *mal mithli* seperti wang, maka ini bermakna segala penentuan terhadap hutang adalah turut terpakai kepada *wadi'ah*.¹⁶ Apabila upah digabungkan dengan akad simpanan atau *wadi'ah*, maka ianya terdedah kepada wujudnya elemen pinjaman yang menjana manfaat (*qard jarra naf'an*) ataupun pinjaman yang digabungkan dengan urusan jual beli (*bay' wa salaf*).

Sebagai contoh, Ali meminjamkan wang RM10 ribu kepada Ahmad dengan syarat Ahmad membelanja beliau makan. Jadi, hukum belanja makan itu boleh dianggap sebagai riba. Ini adalah prinsip mana-mana “pinjaman yang menghasilkan manfaat yang disyaratkan adalah riba”. Ataupun apabila pembeli ingin membeli barang yang berharga RM100, namun jika terdapat kontrak pinjaman, harga akan jadi lebih rendah, jadi kerendahan harga itu memberi manfaat kepada pemberi pinjam.

Di samping itu, produk *ar-rahn* atau pajak gadai Islam juga dikaitkan dengan larangan penggabungan jual beli dengan hutang (*bay' wa salaf*) sepermata sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَمْرُو بْنِ شُعَيْبٍ بْنِ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانٌ فِي بَيْعٍ وَلَا رَبْعٍ مَا لَمْ يُضْمِنْ¹⁷

Maksudnya: Daripada ‘Amru bin Shuaib daripada bapanya daripada datuknya: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang penggabungan *salaf* (hutang) dengan jual beli, dua akad dalam satu transaksi (jual beli), dan keuntungan tanpa ada jaminan (tanpa mengambil risiko).

¹⁶ Bank Negara Malaysia, “Policy Document Wadiyah,” laman sesawang Bank Negara Malaysia, diakses 25 Disember 2019, https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Wadiyah_PD.pdf/

¹⁷ Husain Bin Audah Awaysasyah “Šahīh al-Bukhārī dan Muslim”, *Kitab Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah*, Bab Ijarah, no. hadith 49.

Contohnya, seseorang telah berjanji untuk memberi hutang dengan syarat penghutang akan menyewa rumah yang dimiliki pemutang. Ibn Qudamah telah menyebut berkaitan larangan yang timbul bilamana seseorang telah menetapkan sesuatu syarat dalam pinjaman dengan menyewa rumah milik pemutang.¹⁸ Nabi SAW mlarang perbuatan ini kerana ia boleh membawa kepada unsur riba. Sebab larangan *bay' wa salaf* adalah penetapan membuat penjualan (atau kontrak pertukaran lain) bersyarat atas kontrak pinjaman dan jual beli. Jelaslah bahawa larangan ini timbul di mana pelaksanaan kedua-dua kontrak itu dilakukan bersyarat ke atas satu sama lain (*'uqud mutaqabilah*).¹⁹ Ini kerana kontrak jual beli berkuatkuasa jika kontrak hutang dibuat, dengan maksud wujud unsur keterikatan antara satu kontrak dengan kontrak lain yang membawa kepada elemen riba.

Berdasarkan modus operandi produk *ar-rahn* di perbankan Islam Malaysia, pihak bank menawarkan pinjaman dengan syarat penerima pinjaman membayar caj upah simpan, bahkan terdapat institusi-institusi yang menawarkan produk *ar-rahn* dengan upah simpan yang berbeza. Upah simpan yang dikenakan ke atas penggadai yang hanya menyimpan tanpa meminjam adalah lebih rendah berbanding caj upah ke atas penggadai yang membuat pinjaman. Walaupun caj upah simpan (*ujrah*) secara asasnya adalah diharuskan, namun gabungan kontrak ujrah dengan pinjaman yang diikat dengan syarat akan mewujudkan elemen riba.

Rentetan daripada isu-isu syariah yang ditimbulkan di atas, MPS BNM memutuskan bahawa produk *ar-rahn* atau pajak gadai Islam di perbankan Islam tidak lagi patuh syariah. Oleh itu, institusi kewangan Islam telah diarahkan untuk meninjau semula

¹⁸ Ibn Qudamah, *Al-Mughnī*, (Riyadh: Dar 'Ālam al-Kutub, 1997), 437.

¹⁹ Munawwaruzzaman Mahmud, Muhammad Hisyam Hassan dan Nur Fathin Khairul Anuar, "Bay' wa salaf in Islamic banking current practices", *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10 No.2 (2018), 209.

produk *ar-rahn* agar betul-betul menepati Polisi Dokumen *Ar-rahn* yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2020.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan pengkaji, perbankan Islam yang menawarkan produk *ar-rahn* pada masa kini melalui lima buah institusi. Bagi peniaga-peniaga yang mengusahakan PKS, ia menjadikan produk *ar-rahn* sebagai suatu produk dan platform untuk solusi yang terbaik buat masyarakat muslim di Malaysia. Berbekalkan aset emas mahupun barang kemas yang dimiliki, pinjaman dapat dilaksanakan dengan kadar caj upah simpan yang lebih rendah kepada mereka-mereka yang memerlukan modal berbanding mendapatkan pembiayaan peribadi. Bukan sahaja PKS, malah individu-individu yang mempunyai masalah kewangan juga menjadikan *ar-rahn* sebagai solusi terbaik dalam menyelesaikan masalah berkaitan kesempitan wang berbanding membuat pembiayaan peribadi mahupun memohon pinjaman daripada Ah Long.²⁰

Menyedari hakikat kepentingan produk *ar-rahn* kepada masyarakat Islam ini, maka perbankan Islam perlu menawarkan produk *ar-rahn* yang sesuai dengan kehendak syarak dalam masa yang sama turut memberi keuntungan kepada pihak bank. Memandangkan polisi dokumen *ar-rahn* secara jelas melarang kewujudan syarat yang mengikat kontrak *ar-rahn* dan upah simpan, maka perbankan Islam mengalami kesukaran untuk menjustifikasi keuntungan dalam penawaran produk *ar-rahn*. Oleh demikian, perbankan Islam telah menstruktur semula kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn* dan kini kelima-lima buah bank yang menawarkan produk *ar-rahn* seperti Bank Rakyat, Bank Muamalat, Bank Islam, Coop-bank Pertama dan Agrobank telah menukar produk *ar-rahn* yang berasaskan kontrak *qard*, *rahn*, *wadi'ah* dan *ujrah* kepada kontrak lain seperti *rahn* dan *tawarruq* secara rasmi.

²⁰ Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom, “An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia” (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9, Selangor, 2014), 561.

Kontrak *tawarruq* jika diperhalusi sejarah dan perkembangannya dalam sistem kewangan Islam adalah merupakan kontrak yang sering diperdebatkan dalam kalangan fuqaha' klasik mahupun kontemporari. Walaupun majoriti fuqaha' daripada mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali mengharuskan *tawarruq*, namun terdapat beberapa fuqaha' yang telah mengharamkan *tawarruq* seperti Ibnu Taimiyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyah. Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa niat dan tujuan seseorang itu melakukan transaksi bukan untuk memanfaatkan komoditi yang telah dibeli, sebaliknya hanya untuk mendapatkan tunai, ianya tidak dibenarkan walaupun ketika itu dia sangat memerlukan wang dan tidak boleh meminjam.²¹ Sementara Ibn al-Qayyim juga tidak membentarkan *bay' al-tawarruq*.²² Amalan kontrak *tawarruq* seterusnya menerima kritikan hebat apabila badan-badan berautoriti dalam industri kewangan Islam seperti AAOIFI dan Majma' al-Fiqh al-Islami mengeluarkan resolusi pengharaman kontrak *tawarruq* yang diamalkan oleh bank-bank Islam pada masa kini.²³

Walau bagaimanapun MPS BNM pada 28 Oktober 2010 telah memutuskan bahawa *tawarruq* sebagai kontrak pendasar kepada produk kad kredit-i adalah dibenarkan.²⁴ Amalan kontrak *tawarruq* dan tadbir urus serta operasinya semakin diperkuatkan dan ditambah baik melalui penguatkuasaan polisi dokumen *tawarruq* pada bulan 28 Disember 2018. Perkembangan positif ini telah menyebabkan kontrak *tawarruq* mendominasi produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam. Keadaan ini mencetuskan kebimbangan kerana menurut kajian yang dijalankan oleh Ethica sebagai penyedia perkhidmatan latihan utama dalam industri kewangan Islam mendapati *tawarruq* adalah salah satu faktor yang menggugat kredibiliti sistem kewangan Islam

²¹ Ibnu Taimiyah, Taqi al-Dīn Ahmad, *Majmū'ah al-Fatāwa lil Syaykh al-Islām Taqi al-din Ahmad Ibni Taimiyah*, (al-Mansūrah: Dār al-wafā', 2005), 29: 442.

²² Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abi 'Abd Allāh Muḥammad bin Abi Bakr al-Zar'i, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Ālamīn*, (Beirut: Dār al-Jeel, 1973), 3:170.

²³ Al-Majma' al-Fiqhi al-Islami bi Rabitah al-'Alam al-Islami, "Hukm Bay' al-Tawarruq", Qararat al-Majma' al-Fiqhi al-Islami bi Rabitah al-'Alam al-Islami, *Resolusi no. 5* (1998), 320-321.

²⁴ Bank Negara Malaysia, "Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia," (2010 - 2011) 8.

dalam kalangan pelanggan.²⁵ Terdapat kritikan-kritikan terhadap amalan *tawarruq* di Malaysia seperti isu helah kepada riba, isu bank sebagai ejen, isu persamaannya dengan kontrak *bay' al-inah*, isu kesahan tujuan kontrak dan juga isu-isu lain yang timbul.²⁶

Berdasarkan situasi ini, maka satu kajian perlu dijalankan untuk menganalisis isu-isu syariah dan isu-isu berkaitan yang timbul di dalam produk *ar-rahn* yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam sama ada isu tersebut timbul daripada aplikasi produk *ar-rahn* yang dahulu mahupun produk *ar-rahn* terkini yang menjadikan kontrak *tawarruq* sebagai kontrak pendasar.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn*?
2. Bagaimanakah modus operandi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih?
3. Apakah isu-isu Syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih menurut perspektif fiqh?

1.4 Objektif Kajian

1. Menjelaskan kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn*.
2. Mengenalpasti modus operandi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih.
3. Menganalisis isu-isu Syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih menurut perspektif fiqh.

²⁵ Ethica Institute of Islamic Finance, “Is Tawarruq Really Islamic Finance?” laman sesawang Ethica Institute of Islamic Finance, diakses 20 November 2019, <https://ethica.institute/Is-Tawarruq-Really-Islamic-Finance.aspx>

²⁶ Habeebah Simisola Fa-Yusuf dan Ndeye Djiba Ndiaye, “Issues with the Use of Tawarruq in Malaysia,” *Journal of Islamic Banking and Finance* 5.2 (2017), 30-36.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana dapat memberi faedah kepada pihak tertentu terutamanya institusi perbankan Islam mahupun Bank Negara Malaysia serta masyarakat muslim di negara kita. Antara kepentingan besar dlm kajian ini kepada institusi perbankan Islam ialah dapat menjelaskan dengan baik berkaitan isu-isu yang berbangkit dalam penawaran produk perbankan Islam terutama sekali *ar-rah*n dan *tawarruq* sekaligus membantu perbankan Islam untuk meneroka kontrak baru. Ini kerana walaupun perbankan Islam telah bertukar arah kepada alternatif *ar-rah*n iaitu aplikasi *tawarruq*, tetapi terdapat banyak isu syariah melibatkan kontrak *tawarruq*, dan BNM sedang berusaha untuk mengurangkan kontrak *tawarruq* yang ada dalam pasaran. kajian ini dijadikan sebagai garis panduan kepada institusi perbankan Islam di Malaysia dengan menjelaskan konsep sebenar berkaitan aplikasi kontrak *ar-rah*n yang bertepatan dengan syarak, sama ada ketika *ar-rah*n diharuskan sebelum timbul isu- isu yang mengatakan bahawa *ar-rah*n tidak lagi patuh Syariah. Hal ini dapat membezakan antara yang patuh Syariah dan tidak patuh Syariah serta faktor yang membawa kepada penyalahgunaan dalam kontrak tersebut. Tambahan pula, hasil kajian ini penting untuk perhatian kepada institusi yang terlibat secara langsung iaitu perbankan-perbankan Islam dengan penawaran produk *ar-rah*n ini supaya dapat mewujudkan sistem kawalan risiko yang menyeluruh daripada berlakunya ketidakpatuhan syariah.

Seterusnya, kajian ini dapat melahirkan polisi serta cadangan yang dapat membantu semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mereka memperbaiki kelemahan-kelemahan serta mengemaskini pengurusan dan strategi bagi menjayakan muamalat yang berlandaskan Syariah.

Di samping itu, dengan adanya kajian ini turut membantu masyarakat terutamanya muslim dan golongan PKS membuat pilihan yang tepat dalam memilih produk patuh

Syariah berdasarkan penjelasan dan pendedahan kontrak muamalat yang dibuat dalam kajian ini. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui bahawa sesuatu hukum itu boleh berubah berdasarkan ijтиhad yang dibuat mengikut pertimbangan tertentu.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberi manfaat dengan mengenalpasti cabaran, perkembangan dan prospek pelaksanaan sistem *ar-rah*n yang ditawarkan di Malaysia. Disebabkan oleh terdapat banyak institusi yang menawarkan produk ini, maka terdapat perbezaan dari segi polisi dan praktikalnya di setiap institusi tersebut. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat perbezaan produk *ar-rah*n dan mencari titik persamaan.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

*Ar-rah*n pada asalnya merupakan kontrak sokongan kepada kontrak pinjaman. Pihak yang memberi pinjam mempunyai hak untuk menuntut barang cagaran (*ar-rah*n) sebagai jaminan kepada hutang yang diberikan. Namun inovasi telah berlaku terhadap kontrak *ar-rah*n sehingga kontrak itu dikomersialkan dan diperkenalkan sebagai satu produk pembiayaan kepada masyarakat. Dalam masa yang sama produk pembiayaan dan pinjaman yang lain masih mengandungi unsur cagaran (*ar-rah*n). Walau bagaimanapun kajian ini hanya memfokuskan kepada produk *ar-rah*n sebagai produk pembiayaan dan bukannya kontrak sokongan dalam produk pembiayaan sedia ada.

Kajian ini hanya terbatas kepada kepada kontrak *ar-rah*n di perbankan Islam terpilih di Malaysia. Di Malaysia, terdapat lima buah institusi perbankan Islam yang menawarkan produk *ar-rah*n, iaitu Bank Rakyat, Bank Muamalat, Bank Islam, Coopbank Pertama dan Agrobank. Memandangkan terdapat lima buah perbankan Islam di Malaysia yang menawarkan produk *ar-rah*n, maka kajian ini hanya memilih dua buah bank sahaja iaitu Bank Rakyat dan Bank Muamalat. Pemilihan ini dibuat berdasarkan

variasi produk yang ditawarkan dan perbezaan yang ketara antara produk asal *ar-rah*n dan produk yang telah diperbaharui.

Pengkaji memilih Bank Rakyat kerana Bank Rakyat mempunyai portfolio produk *ar-rah*n yang paling tinggi berbanding bank-bank Islam yang lain. Menurut laporan tahunan Bank Rakyat pada tahun 2017, Bank Rakyat telah berada di tangga teratas dengan sebanyak 60% syer pasaran. Sektor ini menyumbang sebanyak 11.7% iaitu RM240 juta dalam pendapatan pada tahun tersebut.²⁷ Selain itu, produk *ar-rah*n Bank Rakyat sangat dikenali dan mendapat sambutan daripada masyarakat dan mempunyai banyak rangkaian cawangan di setiap pusat bandar di setiap negeri. Sejak produk pajak gadai Islam *Ar-rah*n ini diperkenalkan, produk ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat melebihi jangkaan pihak pengurusan Bank Rakyat sendiri. Produk ini bukan sahaja mendapat sambutan daripada orang Melayu, bahkan golongan bukan Muslim juga menggunakan perkhidmatan ini. Kini, kesemua cawangan Bank Rakyat di seluruh negara telahpun menawarkan produk *ar-rah*n supaya dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat terutamanya golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah.²⁸ Maka Bank Rakyat dipilih sebagai subjek kajian kerana mempunyai portfolio produk *ar-rah*n yang paling tinggi di Malaysia.

Seterusnya, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dipilih sebagai subjek untuk dikaji kerana institusi ini satu-satunya institusi perbankan Islam yang menggunakan konsep syariah yang kedua ditubuhkan selepas daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Pastinya, BMMB mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri khususnya dalam pembangunan produk-produk yang berlandaskan syarak. Oleh kerana terdapat pelbagai kontrak dalam aplikasi produk *ar-rah*n yang ditawarkan pada masa kini,

²⁷ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Laporan Tahunan 2017”, laman sesawang Bank Rakyat, diakses 30 Jan 2020, https://www.bankrakyat.com.my/c/mengenai/maklumat_kewangan/annual

²⁸ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Pembayaran-i Pajak Gadai ar-Rahnu” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 10 Januari 2020, https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembayaran_i/pajak_gadai_i_ar_rahnu-39/pawn

maka pengkaji merasakan perkara ini perlulah dikaji untuk melihat perbezaan antaranya dan juga menganalisis isu-isu Syariah di dalam produk *ar-rahn*.

1.7 Kajian-Kajian Lepas

Setelah meneliti kajian lepas berkenaan dengan tajuk kajian yang dikemukakan ini, didapati kajian-kajian tersebut secara tidak langsung ada hubung kaitnya dengan perbincangan berkaitan *ar-rahn* yang diaplikasikan di Malaysia.

Pengkaji mengkategorikan kajian-kajian lepas berkaitan *ar-rahn* kepada empat bentuk tema, tema yang dibentuk adalah berdasarkan persoalan kajian yang dibina iaitu konsep *ar-rahn* menurut fuqaha', aplikasi kontrak *ar-rahn*, kritikan terhadap produk *ar-rahn* dan kajian berkaitan *tawarruq*.

i. Konsep *ar-rahn*

Para fuqaha' terdahulu telah membincangkan secara terperinci tentang *ar-rahn*. Hal ini jelas dengan wujudnya bab khusus berkaitan *ar-rahn*. Kebanyakan kitab-kitab yang dikarang oleh fuqaha' klasik membincangkan secara terperinci berkaitan konsep-konsep *ar-rahn* bermula pengertian *ar-rahn*, hukum-hukum, syarat-syarat *ar-rahn* serta permasalahan yang berkaitan *ar-rahn*. Antaranya ialah “*Mughni al-Muhtaj*”²⁹ yang dikarang pada tahun 1994 oleh al-Syarbini al-Khatib, “*kitab Manhaj al-Muslim, Kitab Aqai'id Wa Adab Wa Akhlaq Wa Ibadat Wa Muamalat*”³⁰ pada tahun 2000 yang

²⁹ Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (al-Qahirah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Halabi Wa Auladuh: 1993), 2:121-145.

³⁰ Abi Bakr Jabir al-Jazari (1421/2000), *Manhaj al-Muslim, Kitab Aqai'id Wa Adab Wa Akhlaq Wa Ibadat Wa Muamalat*, (al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Salafiyyah, 2000), 309-311.

dikarang Abu Bakr Jabir Al-Jaza'ri, seterusnya “*kitab Qalyubi Wa Umayrah*”³¹ karangan Imam Qalyubi.

Seterusnya, kajian dan perbincangan berkaitan *ar-rahn* diperkembangkan dan diperluaskan oleh karya-karya kontemporari yang berjudul “*al-Fiqh ‘ala Madhahib al-Arba’ah*”³² ditulis oleh ‘Abd Rahman al-Jaziri pada tahun 1986, seterusnya “*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*”³³ yang dikarang oleh Wahbah al-Zuhaili pada tahun 1989, dan “*Fiqh al-Sunnah*”³⁴ karangan al-Sayyid Sabiq yang ditulis pada tahun 1987. Kebanyakan karya-karya kontemporari yang dikarang membahaskan berkenaan konsep *ar-rahn* dari pelbagai mazhab. Selain itu, para fuqaha’ kontemporari membincangkan dengan terperinci berkaitan rukun-rukun, syarat-syarat *ar-rahn* serta memperhalusi secara mendalam tentang pensyariatan, rukun-rukun, hukum-hukum *ar-rahn* dan kesan-kesannya serta permasalahan berkaitan penambahan *marhun* (barang gadaian) dan *marhun bih* (hutang) *ijab* dan *qabul* (lafaz gadaian) serta perbezaan pandangan antara *rahin* (penggadai) dan *murtahin* (pemegang gadai).

Ar-rahn pada masa kini bukanlah satu tajuk yang asing dan terdapat pelbagai karya-karya kontemporari, kajian, jurnal serta artikel yang membahaskan berkenaan konsep *al rahn*. Antara karya-karya yang wujud di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu UIAM ialah “*Ar-rahn Al-Thaliq li Al-Manqul: Dirasah Muqaranah*” oleh Dr. Ahmad Salamah,³⁵ “*Al-Huquq al-‘Ainiyah: Ar-rahn al-Rasmi- Ar-rahn al-Hijazi- Huquq al-Imtiyazi*” oleh Ibrahim al-Dasuqi Abu Al-Lail³⁶, “*Sharah Al-*

³¹ Imam Qalyubi dan Umayrah, *Qalyubi wa Umayrah*, juzuk 2 (Misr: Dar Ihya’ al-Kutub al ‘Arabiyyah, t.t), 261-272.

³² Abdul Rahman al-Jaziri, *al-Fiqh ‘ala Madhahib al-Arba’ah*, juzuk 3 (Beirut: Dar al- Kutub al- Islamiyyah, (1470H), 150- 155.

³³ Al-Doktor Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juzuk 5, ed. Ke-4 (Damascus: Dar al-Fikr, (1989), 170-292.

³⁴ Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, juzuk 3 (Beirut. Dar al-Kitab al-Arabi, (1987), 128- 133.

³⁵ Ahmad Salamah Dr. (1968), *Ar-rahn Al-Taliq Li al- Manqul: Dirasah Muqaranah*, Matba‘ah Jami‘ah ‘Ain Shams.

³⁶ Ibrahim al-Dasuqi Abu al-Lail Dr. (t.t.), *Al-Huquq al-‘Ainiyyah al-Ta'manat al-‘Ainiyyah : Ar-rahn al-Rasmi – Ar-rahn al-Hiyazi – Huquq al-Imtiyazi ,Jami‘ah al-Kuwait*.

Qanun Al-Madani Al-‘Ainiyyah Al-Tabi‘yyah Al Rahn Al-Mujarrad, Ar-rahn Al-iyazi, uquq Al-Imtiyaz” oleh Mohamad Wahid al-Din,³⁷ , “*Al-Bayan Fi Fiqh Al-Imam Al-Shafi‘i*” oleh Al-Imam Yahya B. Abi Al-Khair B. Salim B. As‘ad.³⁸ Di dalam karya-karya ini dijelaskan perkara berkenaan dengan definisi, dalil-dalil, konsep, kaedah dan pelaksanaan ar-rahn menurut fiqh Islam. Terdapat juga sebuah buku di dalam Bahasa Melayu yang bertajuk “*Gadai Syariah di Indonesia – Konsep, Implementari dan Institusionalisasi*” oleh Dr Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H³⁹ di dalam buku ini dinyatakan tentang pengertian, konsep dan pelaksanaannya dalam syariah Islamiah di Indonesia. Di samping itu dijelaskan persamaan dan perbezaan antara *ar-rahn* dengan gadai dan juga perlaksanaan *ar-rahn* secara praktikalnya.

Manakala, beberapa buah artikel dan jurnal antaranya “*Skim Ar-rahn-Antara Keaslian dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam*”⁴⁰ yang ditulis oleh Asmadi Mohamed Naim pada tahun 2002 diikuti dengan artikel yang bertajuk “*Comparing the Concept of Rahn and Debenture in Islamic Finance Perspective*”⁴¹ yang ditulis oleh Syairazi Muhammad Husni Mohd Sharoni dan Rusni Hassan pada tahun 2018, kedua-duanya menerangkan berkenaan konsep *ar-rahn* dari segi pengertian, rukun, syarat dan lain-lain. Namun begitu, artikel yang ditulis oleh Syairazi Muhammad Husni Mohd Sharoni dan Rusni Hassan lebih kepada membahaskan berkenaan perbandingan antara rahn dan *debenture* dari segi definisi, jenis, kewajipan orang yang berkontrak, syarat-syarat, keterikatan dan rujukan. Sementara jurnal “*Skim Ar-rahn-Antara Keaslian*

³⁷ Mohamad Wahid al-Din Suar (1995), Sharah Al-Qanun Al-Madani Al-‘Ainiyyah Al-Tabi‘yyah Ar-rahn Al-Mujarrad, Ar-rahn Al-Hiyazi, Huquq Al-Imtiyaz, al-Kitab al-Thalith, Maktabah Dar al-thaqifah, Jordon.

³⁸ Yahya B. Abi Al-Khair B. Salim B. As‘ad al-Imam (2002), *Al-Bayan Fi Fiqh Al-Imam Al-Shafi‘i*, Juz 7, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

³⁹ Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H Dr. (2006), *Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari dan Institusionalisasi*, Gadjah Mada University Press.

⁴⁰ Syairazi Muhammad Husni and Rusni Hassan, “Comparing the Concept of Rahn and Debenture in Islamic Finance Perspective”, (e-Proceedings of the Global Conference on Islamic Economics and Finance, Kuala Lumpur, 2018), 99-111.

⁴¹ Asmadi Mohamed Naim, “*Skim Ar-rahn-Antara Keaslian dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam*”, *Jurnal Pembangunan Sosial* 4 & 5, (Jun & Dis 2002), 141-166.

dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam” lebih memfokuskan kepada hukum-hukum berkaitan barang gadaian iaitu terdiri daripada aspek nafkah barang gadaian dan penggunaan dan mengambil manfaat daripada barang gadaian (*al-intifa’ bi al marhun*). Penulis juga menjelaskan bahawa transaksi gadaian konvensional adalah diharamkan kerana berasaskan konsep riba.

Daripada penelitian yang dibuat, pengkaji mendapati kebanyakan penulisan-penulisan di atas lebih menjurus kepada perbincangan yang khusus kepada mazhab pengarangnya sahaja. Dengan kata lain, seandainya pengarang bermazhab syafi’i, maka perbincangan yang dilakukan adalah mengikut mazhab syafi’i, demikianlah sebaliknya. Walaupun begitu, terdapat juga penulisan yang menjelaskan pandangan-pandangan mengikut mazhab-mazhab yang bukan khusus seperti jurnal *Skim Ar-rahn-Antara Keaslian dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam* mengemukakan pandangan-pandangan yang berbeza seperti mazhab Syafi’i, Hanafi dan Hanbali. Hasil daripada karya-karya penulisan ini telah mengolah dengan baik dan terperinci berkenaan *ar-rahn* dari segi konsepnya menurut syariat Islam. Dari segi kelompongan pula, pengkaji mendapati bahawa tiada isu-isu syariah dibincangkan berkaitan konsep *ar-rahn*, hanya pendapat-pendapat imam-imam mazhab dan konsep serta pengertian yang berkaitan dengan kontrak ar-rahn sahaja yang diutarakan.

ii. Aplikasi kontrak *ar-rahn* di Malaysia.

Banyak kajian ilmiah telah dijalankan di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Za’ba dan Undang-undang Universiti Malaya (UM) mengenai gadaian, antaranya ialah Kajian oleh Anisah Mohamad “*Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam: Kajian Kes Ke atas Kedai Ar-rahn di Kelantan,*” (tahun 1997)⁴² mendapati antara asbab golongan bukan Muslim turut tertarik kepada sistem gadaian Islam ialah disebabkan caj upah

⁴² Anisah Mohamad, “*Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam: Kajian Kes Ke atas Kedai Ar-rahn di Kelantan*”, (Disertasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997).

simpan yang dikenakan olehnya tidak membebankan sama sekali dan barang gadaian lebih selamat. Seterusnya, kajian oleh Suriani Sulong yang bertajuk “*ar-rahnu: Teori dan amalannya di Bank Rakyat*,” (2001)⁴³ mengupas secara lebih terperinci berkenaan *ar-rahnu* dengan memfokuskan kepada satu organisasi sahaja iaitu Bank Rakyat. Di dalam kajian ini, pengkaji mendapati produk *ar-rahnu* bukan sahaja menarik minat masyarakat Islam bahkan golongan bukan Islam di mana mereka tertarik kerana *ar-rahnu* tidak mengenakan faedah yang berlebihan dan menjamin kebajikan para penggadai. Manakala, kajian oleh Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, yang bertajuk “*Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam (ar-rahnu): kajian di kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat cawangan Alor Setar, Kedah*”⁴⁴ pada tahun 2006 menyentuh tentang penerimaan pelanggan terhadap produk *ar-rahnu*. Kajian beliau adalah bertujuan bagi menjelaskan konsep gadaian menurut fiqh Islam sebagaimana yang telah dihuraikan oleh *fuqaha*. Di samping itu, kajian beliau turut menilai pelaksanaan Skim *ar-rahnu* di Kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat Alor Setar Kedah. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa hukum-hukum gadaian di dalam Islam bertujuan bagi menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti gadaian.

Seterusnya, diikuti pula kajian berkaitan aplikasi *ar-rahnu* oleh Mohd Noor Sukrie Mohd Ridzuan yang bertajuk, “*Penilaian terhadap Skim Ar-Rahnu PRIMAS di Koperasi Nasional Malaysia Berhad dari perspektif Islam*” pada tahun 2016⁴⁵ hanya memfokuskan kepada pelaksanaan Skim *Ar-Rahnu* di PRIMAS sahaja kerana ia adalah institusi pajak gadai di Malaysia yang menawarkan skim *ar-rahnu* yang menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Institusi ini juga

⁴³ Suriani Sulong, “Ar-rahnu: Teori dan Amalannya Di Bank Rakyat”, (Disertasi Akademi Pengajian Islam, UM, 2001).

⁴⁴ Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, “Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam (ar-rahnu): kajian di kedai Ar Rahnu Bank Rakyat cawangan Alor Setar, Kedah” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

⁴⁵ Mohd Noor Sukrie Mohd Ridzuan, “Penilaian terhadap Skim Ar-Rahnu PRIMAS di Koperasi Nasional Malaysia Berhad dari perspektif Islam” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

telah menggunakan tulisan Mandarin dan Tamil pada papan tanda premis perniagaannya dan juga iklan-iklannya untuk menarik pelanggan-pelanggan dari golongan bukan Islam. Kajian beliau juga menghuraikan prosedur operasi dan menilai sejauh mana ketepatan pelaksanaan *ar-rah*n di Skim Ar-Rahnu PRIMAS dengan Syariat Islam.

Di samping itu, terdapat disertasi di peringkat sarjana yang telah dihasilkan berkaitan dengan sistem pajak gadai Islam. Antaranya ialah sebuah disertasi yang dikarang oleh Shamsiah Mohamad yang bertajuk “*Pelaksanaan Gadaian Islam di Intitusi Gadaian Islam di Malaysia: Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu tahun 1994*”⁴⁶ berkenaan prinsip yang digariskan oleh Islam iaitu mengenakan upah yang tidak wajar kepada peminjam. Kajian beliau turut mendapati bahawa penggunaan upah simpan berdasarkan jumlah pinjaman yang berasaskan prinsip wadi’ah adalah tidak menepati hukum syarak. Ini adalah kerana *ar-rah*n adalah cagaran atau sekuriti semata-mata tanpa ada konsep *al-wadi’ah* atau upah. Oleh itu, *ar-rah*n perlu kembali kepada konsep asalnya iaitu memberi pinjaman tanpa faedah, yang mana hanya merupakan satu perkhidmatan sahaja.

Seerusnya, terdapat karya di dalam Bahasa Melayu yang bertajuk “*Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari Dan Institusionalisasi* oleh Dr Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H.”⁴⁷ Di dalam buku ini dinyatakan tentang pengertian, konsep dan pelaksanaannya dalam syariah Islamiah di Indonesia. Dijelaskan juga persamaan dan perbezaan antara *ar-rah*n dengan gadai dan juga implementasi *ar-rah*n secara praktikalnya. Terdapat juga beberapa buah tesis seperti “*Majmu‘ah Al-Rasa‘il Al-‘Ilmiyyah – Rahn Al-Safinah*” oleh Al-Fusayli Al-Taib,⁴⁸ kertas projek seperti “*Ar-rah*n dalam Perundangan Islam dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat” oleh Zurina Abd.

⁴⁶ Shamsiah binti Mohamad, “*Pelaksanaan Gadaian Islam Di Malaysia: Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu*”, (Disertasi Sarjana, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994).

⁴⁷ Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H Dr. (2006), *Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari Dan Institusionalisasi*, (Gadjah Mada University Press, 2006).

⁴⁸ Fusayli al-Ùaib al- (t.t.), *Majmu‘ah Al-Rasa‘il Al-‘Ilmiyyah – Rahn Al-Safinah*, Jami‘ah ‘Ain Shams.

Khalid.⁴⁹ Kajian ini dimulai dengan menceritakan latar belakang sejarah yang berkaitan dengan amalan gadaian yang dilakukan oleh orang melayu. Seterusnya beliau menjelaskan tentang definisi, hukum dan kaedah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan *ar-rah*n dari sudut perundangan Islam. Bab yang terakhir beliau memfokuskan perbincangan kepada perlaksanaan *ar-rah*n di Bank Rakyat.

Di dalam kajian bertajuk “*Konsep Ar-Rahn: Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad*” oleh Anuar Hj. Talib⁵⁰ membicarakan soal konsep *ar-rah*n dan menjelaskan tentang skim *ar-rah*n yang dijalankan oleh Bank Rakyat bermula dengan penubuhan, matlamat dasar dan konsepnya serta modus operandi *ar-rah*n dan perbezaannya dengan pajak gadai konvensional. Sementara kajian yang bertajuk “*Ar-rah*n- Suatu Cadangan di Johor” oleh Adam Tumiran⁵¹ pula membicarakan tentang definisi, konsep, kaedah dan perlaksanaan *ar-rah*n dan difokuskan perbincangan kepada cadangan perlaksanaannya di negeri Johor setelah dibentangkan kebaikannya melalui institusi-institusi tertentu yang telah melaksanakannya. Kajian oleh Azizah binti Othman yang bertajuk “*Pelaksanaan Ar-rahnu, kajian di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia tahun 2015*”⁵² tertumpu kepada tiga organisasi *ar-rah*n di Malaysia yang telah mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Setiap organisasi mempunyai strategi tersendiri untuk menarik minat pelanggan-pelanggan yang datang ke premis mereka, iaitu kedai *ar-rah*n (KAR)-Permodalan Kelantan Berhad, *ar-rah*n MAIDAM, Terengganu dan *ar-rah*n di Bank Rakyat. Akhir sekali, terdapat artikel jurnal yang baru diterbitkan berkaitan produk *ar-rah*n semasa yang

⁴⁹ Zurina Abd. Khalid, Ar-rahn Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat, (Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, 1995).

⁵⁰ Anuar Hj. Talib, Konsep Ar-Rahn : Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad” (Akademi Pengajian Islam ,UM, 1995.)

⁵¹ Adam Tumiran, Ar-rahn – Suatu Cadangan di Johor, Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, (1999).

⁵² Azizah binti Othman, “Pelaksanaan Ar-rahnu Di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan Di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,Universiti Sains Malaysia, Penang, 2015.)

bertajuk Analisis Perubahan Konsep Kontrak dalam prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu dan Kesannya yang ditulis oleh Aida Rasyiqah Zulkifli & Zamzuri Zakaria. Kajian ini mendapati bahawa perubahan konsep kontrak dalam produk *ar-rahn* sememangnya mempunyai perubahan yang ketara kerana penambahan pihak yang berkontrak bahkan prosedur pelaksanaannya juga bertambah kerana berlaku urusniaga jualan komoditi, penambahan dokumen dan upah simpan berubah. Namun begitu, perubahan konsep kontrak ini memberi kesan yang positif kerana terdapat jualan komoditi dan transaksi dapat dilakukan tanpa ada unsur gharar.⁵³

Berdasarkan penelitian pengkaji, kebanyakan penulis memulakan perbincangan mereka dengan tajuk *ar-rahn* mengikut perspektif Islam. Perkara yang membezakan antara kajian-kajian tersebut adalah tempat-tempat yang menjadi subjek kajian seperti di Terengganu, Kelantan, di Institusi bank seperti Bank Rakyat serta kajian-kajian kes di tempat tersebut. Namun kajian-kajian berkaitan aplikasi ini kebanyakannya kurang dari segi penerapan isu-isu syariah dan kajian didapati tidak dikaji secara mendalam.

iii. Kritikan terhadap produk *ar-rahn*

Terdapat juga karya dan penulisan membahaskan berkaitan *ar-rahn* dari segi konsep, aplikasi produk dan kritikan terhadap *ar-rahn*. Beberapa buah artikel dan jurnal antaranya “*Upah Simpan Barang Dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula*”⁵⁴ yang ditulis oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, 2008 menjelaskan isu-isu yang timbul dalam *ar-rahn* dan menyimpulkan bahawa upah simpan barang dalam skim ar-rahn di Malaysia yang diasaskan kepada konsep *wadi’ah yad damanah* adalah bertentangan dengan konsep dan hakikat *ar-rahn* yang sebenar. Sementara itu, kajian “*An Overview of the Shariah Issues of Rahn Based Financing in Malaysia*” yang

⁵³ Aida Rasyiqah Zulkifli & Zamzuri Zakaria, “Analisis Perubahan Konsep Kontrak dalam prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu dan Kesannya”, *Jurnal of Contemporary Islamic Law* 6 (2021), 146-154.

⁵⁴ Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, “Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu penilaian Semula”, *Jurnal Fiqh Apium* 5 (2008), 48-65.

dikarang oleh Khairul Anuar Ahmad, Nor Fadilah Bahari, Wan Shahdila Shah Shahar & Nurul Wajhi Ahmad (2019) menjelaskan lagi isu-isu Syariah berkaitan upah simpan, konflik dalam kontrak-kontrak yang digabungkan dan pengambilan manfaat dari *ar-rahn*. Tambahan pula, kajian “*Critical Appraisal of Rahn-based Islamic Microcredit Facility from Shari’ah Perspective*”⁵⁵ yang ditulis oleh Mohamed Fairooz Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri, Lokmanulhakim Hussain (2013) turut memberi kritikan terhadap beberapa isu Syariah yang timbul dalam kemudahan mikro kredit Islam berasaskan *rahn* yang kini popular di kalangan institusi kewangan Islam di Malaysia iaitu pada yuran penyimpanan yang dibebankan oleh bank kepada pelanggan berdasarkan prinsip *ijarah al-hifz* (wang simpanan) dan *wadi’ah yad al-damanah* (simpananan dengan jaminan). Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian-kajian lepas di atas keseluruhannya menerangkan isu-isu Syariah yang timbul dari kontrak *ujrah* dan *wadi’ah yad dhamanah* sahaja, namun kajian yang menjelaskan berkaitan isu-isu yang timbul pada setiap kontrak dalam produk *ar-rahn* masih lagi terhad.

Seterusnya, kajian bertajuk “*Shariah non-compliant assets as rahn (pledge) in Islamic banking products: a fiqhi perspective*”⁵⁶ oleh Lokmanulhakim Hussain dan Mohammad Mahbubi Ali (2017) memaparkan kerangka kerja aset *ar-rahn* yang tidak patuh Syariah dan memberi analisis Syariah mengenai penggunaan pelbagai instrumen cagaran, termasuk aset kewangan seperti saham, amanah saham, akaun semasa dan akaun pelaburan yang tidak patuh Syariah. Manakala, artikel bertajuk “*Kepatuhan Syariah dalam Tadbir Urus Ar-Rahnu*”⁵⁷ yang ditulis oleh Asiah Alkharib Shah dan Dziauddin Sharif (2018) mencadangkan satu kerangka konseptual kepatuhan syariah bagi tadbir urus

⁵⁵ Mohamed Fairooz, Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri and Lokmanulhakim Hussain, “Critical Appraisal of the Rahn-based Islamic Microcredit Facility”, *ISRA International Journal of Islamic Finance* 7.3 (2013), 221-231.

⁵⁶ Lokmanulhakim Hussain and Mohammad Mahbubi Ali, “Shariah non-compliant assets as *rahn* (pledge) in Islamic banking products: a *fiqhi perspective*” *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9.2 (2017), 196-199.

⁵⁷ Asiah Alkharib Shah and Dziauddin Sharif, “Kepatuhan Syariah Dalam Tadbir Urus Ar-Rahnu”, *Journal of Muwafaqat* 1.2 (2018), 37-57.

ar-rahn di Malaysia dengan mencadangkan strategi pengurusan yang sesuai. Hasil kajian mendapati kepatuhan syariah dalam tadbir urus *ar-rahn* perlu disertai dengan empat unsur yang berpandukan konsep tauhidik dan pematuhan syariah yang meliputi matlamat perkhidmatan, kerangka tadbir urus Syariah, pengurusan sumber manusia dan penawaran produk atau perkhidmatan. Akhir sekali, kajian oleh Nurul Huda, Azila & Fidlizan (2015) yang berjudul “*Kepatuhan Proses Gadaian dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia*”⁵⁸ membincangkan kepatuhan institusi terhadap amalan pajak gadai Islam khususnya melibatkan aspek gadaian, penebusan dan lelongan. Berdasarkan pemerhatian, kajian-kajian di atas memfokuskan berkaitan aset, tadbir urus dan pengurusan dalam produk *ar-rahn* sahaja tanpa membincangkan isu-isu Syariah yang berbangkit.

iv. Kajian berkaitan *tawarruq*.

Literatur lepas menunjukkan perbahasan awal konsep *tawarruq* dipelopori oleh fuqaha’ al-Hanabilah seperti dalam perbahasan Ibn Taymiyyah⁵⁹ dan al-Najdi⁶⁰ dalam tulisan mereka. Bagi fuqaha mazhab Hanafi, Maliki dan Shafi‘i tidak membahaskan istilah *tawarruq* secara terperinci, sebaliknya konsep *tawarruq* hanya dibincang dalam aplikasi akad lain seperti *bay’ al-‘inah* dan *bay’ al-ajal* dan riba. Dalam konteks semasa, perbincangan *tawarruq* yang lebih terperinci dilakukan oleh fuqaha’ kontemporari dan cendekiawan semasa, sedangkan perbahasan fuqaha’ klasik hanya sekitar *al-tawarruq al-fiqhi* sahaja.

Menurut al-Buhūti, jika seseorang berkeinginan kepada tunai, lalu dia membeli komoditi yang bersamaan harga satu ribu dengan harga yang lebih tinggi untuk dijual

⁵⁸ Nurul Huda Md Yusuff, Azila Abdul Razak dan Fidlizan Muhammad, “Kepatuhan Proses Gadaian dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia”, *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9 (2015), 57-74.

⁵⁹ Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim, *Majmu‘ al-Fatāwa* (Madīnah: Mujamma‘ al-Mālik Fadh li Tibā‘ah al-Muṣḥaf al-Sharīf, 2004), 29:225.

⁶⁰ Al-Najdi, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad, *Hāshiyah al-Rawḍ al-Murbi‘* (Riyad: Dār al-Watan, 1992), 4:389.

bagi memperoleh wang, ia dinamakan *al-tawarruq*.⁶¹ Pendefinisian istilah yang seakan sama juga dinyatakan oleh Ibn Muflīh dalam karyanya.⁶²

Ibn Bāzz dalam fatwanya menyatakan *tawarruq* merupakan tindakan seseorang yang memerlukan kecairan wang dengan membeli komoditi menggunakan jumlah dirham tertentu dengan bayaran tangguh. Kemudian beliau menjualnya kepada pihak yang bukan daripada penjual asal bagi memenuhi hajatnya berkahwin, membina rumah dan sebagainya.⁶³

Fuqaha' lain seperti Al-Zuhaily⁶⁴, pakar fiqh dan muamalat semasa Taqī al-Uthmani⁶⁵, Fādhil al-Dābū⁶⁶ iaitu pakar muamalat daripada Bahrain, cendekiawan Kuwait iaitu Hasan ‘Alī al-Shazālī⁶⁷ dan Sai‘d Bouheraoua⁶⁸ daripada ISRA, Malaysia memberikan pendefinisian yang tidak jauh beza. Begitu juga pendefinisian yang diberikan *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, *Rābitah al-‘Ālam al-Islāmī* dan *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions* (AAOIFI). Rumusannya, *tawarruq* merupakan proses mendapatkan kecairan tunai yang melibatkan tiga pihak. Proses ini berbeza dengan *bay‘ al-‘inah* yang hanya melibatkan dua pihak.

Tawarruq dalam perbahasan kontemporari dikategorikan kepada dua jenis. Jenis yang pertama ialah “*al-tawarruq al-fiqhī* atau *al-tawarruq al-fard*” iaitu konsep asal

⁶¹ Al-Buhūti, *Sharḥ Muntahā al-Irādat* (Beirūt: Dar al-Fikr, t.t), 2:158.

⁶² Ibn Muflīh, *al-Mubdi‘ Sharḥ al-Muqni‘* (Beirūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1980), 2:49.

⁶³ Ibn Bāzz, “Fatwā Tawarruq” dicapai pada 15 Januari 2019, <https://binbaz.org.sa/fatwas>.

⁶⁴ Wahbah al-Zuhaily, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 789.

⁶⁵ Muhammad Taqī al-‘Uthmāni, “Aḥkām al-Tawarruq wa Taṭbiqatuhu al-Maṣrāfiyah” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 519.

⁶⁶ Ibrahim Fādhil al-Dābū, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 68.

⁶⁷ Hasan ‘Alī al-Shazālī, “al-Tawarruq Haqīqatuhu wa Hukmuhu wa al-farqu Bainahu wa Bainah al-‘Inah al-Tawarruq” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 110.

⁶⁸ Sa‘īd Bouheraoua, “al-Tawarruq al- Masrafi Dirāsah Taḥliliyyah Nuqūdiyyah Li Arā‘a al-Fiqhiyyah” (Makalah, Persidangan Majma‘al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 348.

tawarruq yang dibahaskan fuqaha klasik. Jenis kedua pula ialah “*al-tawarruq al-munazzam* atau *al-tawarruq al-maṣrāfi*. Konsep *al-tawarruq al-maṣrāfi* tawarruq” jenis yang kedua digunakan dalam institusi perbankan pada hari ini.⁶⁹ *Al-Tawarruq al-munazzam* merujuk kepada tindakan seseorang yang membeli komoditi daripada salah satu bank Islam secara hutang. Kemudian beliau melantik pihak bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga. Pelanggan akan mendapat kecairan tunai hasil dari transaksi terakhir.⁷⁰ Pada sesetengah keadaan pihak bank memberi komisen kepada penjual untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.⁷¹

Aplikasi *tawarruq* dalam institusi perbankan Islam (*al-tawarruq al-munazzam*) tidak dibenarkan oleh sebilangan fuqaha. Hal ini berpunca daripada isu-isu Syariah yang timbul. Berbanding kontrak Syariah yang lain, kontrak ini merupakan salah satu kontrak yang berpotensi untuk terdedah kepada risiko tidak patuh syariah.⁷² Antaranya isu berkaitan *dual-agency*,⁷³ kelewatan transaksi *tawarruq*,⁷⁴ urutan proses transaksi *tawarruq* dan pemberian keuntungan sebelum transaksi komoditi dijalankan.⁷⁵ Cendekiawan Syariah berpandangan pengaturan awal yang dilakukan menyebabkan konsepnya sama seperti aplikasi pinjaman berfaedah yang digunakan institusi perbankan

⁶⁹ Asmak Ab Rahman dan Shamsiah Mohamad et al., “Bay’ al-Tawarruq dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad” *Jurnal Syariah* 18(2), (2010) 333-360.

⁷⁰ Sa’id Bouheraoua “al-Tawarruq al-Maṣrāfi Dirāsah Tahlīliyyah Nuqūdiyyah Lī Arā'a al-Fiqhiyyah”, 341.

⁷¹ Ibrahim Fādhil al-Dābū, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā'uahu (al-Fiqhī al-Ma'rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)”, 68.

⁷² Mahbubi Ali dan Rusni Hassan, “Determinants of Shariah Non-Compliant Events in Islamic Banks In Malaysia: With Special Reference to Tawarruq-Based Financing,” *Al-Shajarah ISTAC* 21(3), (2016), 217-242.

⁷³ Abdul Ghafar et al., “Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle” An Option That Triggers New Issues,” 388-396.

⁷⁴ Habeebah, Fa-Yusuf dan Ndeye Djiba , “Issues with the Use of Tawarruq in Malaysia,” *Journal of Islamic Banking and Finance* 5(2), (2017), 30-36.

⁷⁵ Munawwaruzzaman, Hisyam Hassan dan Nur fathin, “Bay’ wa al-Salaf in Islamic Banking Current Practices,” 206-224.

konvensional.⁷⁶ Tambahan lagi, timbul kekhawatiran mengenai dakwaan sebilangan pihak transaksi yang dilakukan menerusi kontrak ini hanyalah rekaan semata-mata.⁷⁷

Di samping itu, terdapat kritikan lain oleh sarjana Syariah berkaitan penawaran kontrak *tawarruq* dalam produk kewangan Islam, Antaranya berkenaan penggunaan komoditi yang diurus niaga menerusi kontrak ini. Al-Qurah Dāghī, salah seorang anggota *Majma‘ Fiqh al-Islāmī* mengkritik komoditi yang digunakan dalam kontrak ini tidak praktikal. Umpamanya logam aluminium yang telah rosak dan tidak boleh digunakan kerana usia yang sudah mencelik puluhan tahun.⁷⁸

Walaupun begitu, perlu disedari bahawa pengharaman *tawarruq* tanpa mengemukakan alternatif dan solusi boleh mengganggu kestabilan ekosistem kewangan Islam. Sebaliknya, mewujudkan garis panduan yang tertentu dalam kontrak *tawarruq* dapat menjaga *maslahah* industri kewangan Islam.⁷⁹

Seterusnya, kajian yang bertajuk “*Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*”⁸⁰ oleh Hussein Azeemi Abdullah Thaidi (2014) mengkaji konsep *tawarruq* yang dilaksanakan di BIMB. Kajian turut membincangkan berkaitan konsep-konsep *tawarruq* dan pandangan ulama’ terhadap *bay’ al-tawarruq* yang terdiri daripada pandangan ulama’ silam dan juga kontemporari. Seterusnya, kajian yang bertajuk “*Kontrak Shariah Al-tawarruq: Konsep dan Aplikasinya Dalam Produk Perbankan Islam*”⁸¹ (2014) mengupas lebih lanjut berkenaan

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Abū Ghuddah, “Al-Sila‘ Al-Dawliyyah wa Dhawābiṭ al-Ta‘āmul fīhā” (Makalah, Nadwah al-Barakah al-Tāsi‘ah wa al-‘Ishrūn li al-Iqtisād al-Islāmī, Jeddah, 6-7 September 2008).

⁷⁸ Hussein Azeemi, “Analisa Eksistensi *Gharar* Terhadap Pelaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq,” 83-95.

⁷⁹ Rafee Haneef, “Is the Band on “Organised Tawarruq” the Tip of the Iceberg?” *ISRA Research Paper* (2/2009), laman sesawang ISRA, dicapai pada 8 April 2019, <https://ifikr.isra.my/>.

⁸⁰ Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan akad pembiayaan peribadi-i tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

⁸¹ Nor Fadilah Bahari dan Nurul Akhtar Baharuddin, “Kontrak Shariah Al-Tawarruq: Konsep Dan Aplikasinya Dalam Produk Perbankan Islam,” (E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah, Selangor, 2014), 26-27.

konsep *tawarruq* dan pandangan-pandangan ulamak silam serta menjelaskan modus operandi dan aplikasi *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi di perbankan Islam. Sementara kajian yang bertajuk “*Aplikasi tawarruq dalam sistem perbankan Islam: kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad*”⁸² oleh Mohd Izuwan Mahyudin (2015) menerangkan secara terperinci tentang prinsip kontrak *tawarruq* berserta perbezaan pandangan ulama’ dalam menentukan hukum berkaitan pelaksanaan kontrak *tawarruq*, seterusnya melihat beberapa isu-isu Syariah yang sering dibangkitkan dan pelaksanaan transaksi *tawarruq* khususnya di Malaysia.

Selain itu, kajian oleh Siti Aishah Kasmon (2015) yang bertajuk “*Analisis pelaksanaan tawarruq dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia: kajian di Bank Islam Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank*”⁸³ menjelaskan aplikasi *tawarruq* di BIMB dan juga RHB Islamic Bank manakala kajian yang bertajuk “*Penggunaan tawarruq di Platform Bursa Suq Al-Sila' dan pelaksanaannya dalam perbankan Islam di Malaysia*”⁸⁴ oleh Mohd Nor Hisham bin Mazlan (2016) menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan penggunaan *tawarruq* di Platform Bursa Suq Al-Sila serta pelaksanaannya dalam Perbankan Islam di Malaysia. Akhir sekali, kajian terbaru pada tahun 2019 oleh Muhammad Izzul Syahmi yang bertajuk “*Produk Deposit Berasaskan Tawarruq Di Perbankan Islam Malaysia: Analisis Terhadap Elemen Hiyal*”⁸⁵ memfokuskan elemen *hiyal* dan menganalisis mekanisme kawalan risiko syariah terhadap elemen *hiyal* di

⁸² Mohd Izuwan Mahyudin, “Aplikasi tawarruq dalam sistem perbankan Islam: kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

⁸³ Siti Aishah Kasmon, “Analisis pelaksanaan tawarruq dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia: kajian di Bank Islam Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

⁸⁴ Mohd Nor Hisham Mazlan, “Penggunaan tawarruq di Platform Bursa Suq Al-Sila' dan pelaksanaannya dalam perbankan Islam d Malaysia,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

⁸⁵ Muhammad Izzul Syahmi, “Produk Deposit Berasaskan Tawarruq Di Perbankan Islam Malaysia: Analisis Terhadap Elemen Hiyal,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2019).

dalam produk deposit berasaskan tawarruq di dua buah institusi perbankan Islam iaitu Affin Islamic Bank, dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian oleh penulis-penulis menjelaskan berkenaan konsep *tawarruq* dari perspektif syariah. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan aplikasi atau perlaksanaan mahupun penggunaan tawarruq di institusi-institusi perbankan Islam seperti BIMB, Bank Muamalat, RHB Islamic Bank, Bursa Suq Al-Sila' dan lain-lain lagi. Manakala, kajian terkini yang bertajuk "*Produk Deposit Berasaskan Tawarruq Di Perbankan Islam Malaysia: Analisis Terhadap Elemen Hiyal*" mempunyai perbezaan di mana ianya memfokuskan berkenaan elemen *hiyal* dan menganalisis mekanisme kawalan risiko syariah terhadap elemen *hiyal* di dalam produk deposit berasaskan *Tawarruq* di Perbankan Islam Malaysia. Dari segi kelompongan pula, kebanyakan kajian berkenaan aplikasi sahaja dan tidak banyak kajian yang mendalam berkaitan isu-isu Syariah dalam *tawarruq*.

Sebagai rumusan, penulisan di atas yang dibentangkan menunjukkan kritikan-kritikan berkaitan amalan *ar-rahni* di perbankan Islam yang membawa kepada ketidakpatuhan syariah. Namun, belum wujud kajian *ar-rahni* yang mengatakan produk *ar-rahni* tidak patuh syariah secara rasmi sehingga Bank Negara Malaysia (BNM) mengatakan bahawa kontrak *ar-rahni* di perbankan-perbankan Islam di Malaysia adalah tidak patuh Syariah atas faktor-faktor tertentu. Jadi, kajian lanjut mengenai perkara ini dirasakan perlu dilaksanakan. Pengkaji ingin melihat sejauh mana konsep *ar-rahni* yang dikatakan tidak patuh syariah dan apakah inisiatif perbankan Islam bagi menggantikan konsep *ar-rahni* serta menganalisis isu-isu syariah dan isu-isu berkaitan yang timbul di dalam produk *ar-rahni* yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam sama ada isu tersebut timbul daripada aplikasi produk *ar-rahni* yang dahulu mahupun yang sekarang.

1.8 Metodologi Kajian

1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajiannya.⁸⁶ Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual. Kajian kualitatif adalah berbentuk subjektif, kajian ini juga mendedahkan berkaitan penjelasan yang mendalam (*in-depth description*).⁸⁷

Justifikasi kajian jenis kualitatif dipilih kerana kajian ini melibatkan sampel kajian yang kecil. Biasanya, kajian yang melibatkan sampel kajian yang kecil akan menggunakan kajian kualitatif dengan instrumen temu bual sebagai metode pengumpulan data.⁸⁸ Dalam konteks ini, berlaku hubungan dua hala antara penyelidik dan responden.

1.8.2 Metode Pengumpulan Data

1.8.2.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Data dan maklumat akan diambil melalui bahan-bahan kajian yang boleh didapati daripada perpustakaan. Kaedah ini digunakan untuk menguatkan dapatan yang sedia ada. Kebanyakan dapatan kajian lepas telah mewakili data-data penting. Selain itu, dokumen-dokumen tersebut juga dapat diakses dengan mudah melalui salinan cetakan atau rangkaian internet. Berdasarkan penulisan tersebut, kaedah ini dapat menjimatkan masa pengkaji dalam mentranskripsikan data-data dan maklumat yang penting.⁸⁹

Kaedah ini merujuk kepada bahan bercetak seperti buku, makalah jurnal, laporan tahunan, tesis, disertasi, prosiding seminar, statut dan akhbar. Sebagai tambahan

⁸⁶ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2011), 65.

⁸⁷ John D. Anderson, *Qualitative and Quantitative Research* (Imperial COE, t.tp, 2006) 3.

⁸⁸ Ibid., 172.

⁸⁹ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*, ed ke-2 (London: Sage Publication, 2003) 188.

maklumat-maklumat lain yang berkaitan dicapai melalui rangkaian internet dan pangkalan data atas talian seperti laman sesawang.

1.8.2.2 Kajian Lapangan (*Field Research*)

Penyelidik telah melakukan dua langkah dalam menyempurnakan proses ini iaitu pertama mencari responden berpotensi untuk ditemu bual dan membuat temu janji. Langkah kedua adalah hari temu duga dilaksanakan sama ada pada waktu pagi, petang mahupun malam mengikut masa yang ditetapkan oleh responden. Penyelidik menggunakan instrumen temu bual ini bagi mendapatkan data untuk menjawab persoalan dan objektif kedua dan ketiga.

1.8.3 Sumber Data

1.8.3.1 Data Primer

Data ‘Primer merupakan data-data yang ada hubungan secara langsung dengan keadaan yang dijelaskan seperti pengkaji terlibat atau melihat sendiri dengan situasi itu. Antara contoh bentuk-bentuk data primer tersebut ialah temu bual, pemerhatian, soal selidik, eksperimen dan seumpamanya. Sumber lain bagi data primer adalah manuskrip, laporan, diari, artifak, gambar, minit mesyuarat, autobiografi dan sebagainya. Oleh itu, data yang digunakan pengkaji sebagai sumber bahan kajian adalah temu bual.

i) Temu Bual

Kaedah temu bual ialah komunikasi dua hala untuk pengkaji mendapatkan data dan maklumat daripada responden melalui kaedah temu bual individu. Justifikasi kaedah ini dipilih kerana pengkaji beranggapan bahawa respon yang akan diterima pada tahap terbaik selain dapat menyampaikan soalan dengan lebih jelas yang akan membawa kepada perolehan maklumat yang tepat. Seterusnya, kaedah temu bual yang akan

dijalankan berupa semi-struktur di mana beberapa soalan telah dirangka mengikut tema tertentu terlebih dahulu. Melalui kaedah inilah pengkaji dapat mengetahui dan mengumpulkan maklumat yang tidak dapat diperolehi dari kaedah perpustakaan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual informan terpilih daripada dua buah institusi perbankan iaitu Bank Rakyat dan Bank Muamalat, antaranya ialah:

- i) Husnan Syazwan Narzari (Ketua, bahagian pengawasan shariah, bank rakyat Kuala Lumpur), dalam temubual bersama penulis 19 April 2021, jam 11:00 pagi.
- ii) Muhamad Fadli Abdullah bank muamalat (Eksekutif, bahagian Syariah, Bank Muamalat, Kuala Lumpur), dalam temubual bersama penulis 22 April 2021, jam 2.00 petang.

Oleh itu, temubual tematik telah dijalankan kepada pihak-pihak yang berkaitan iaitu dua orang responden yang mempunyai kepakaran dalam bidang muamalat, kewangan Islam dan *ar-rah*n. Temubual yang dilakukan bertujuan bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan konsep dan aplikasi *ar-rah*n di industri perbankan di Malaysia. Informan dipilih kerana berpengalaman luas dalam institusi perbankan Islam terutamanya berpengetahuan luas mengenai isu yang berlaku dalam kontrak *ar-rah*n.

1.8.3.2 Data Sekunder

Data “sekunder merupakan data-data yang ada perantaraan di antara penulisnya dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek diperbincangkan. Data ini akan menjadi rujukan utama kajian iaitu bahan-bahan yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan. Bahan yang diterbitkan terdiri daripada kitab-kitab fiqh, makalah jurnal, buku, akta dan keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS). Bagi bahan yang

tidak diterbitkan pula adalah kertas kerja seminar, tesis, dan disertasi.⁹⁰ Selain itu, sumber-sumber data lain yang digunakan oleh pengkaji adalah laman web rasmi BNM dan juga laman web rasmi institusi-institusi perbankan Islam yang terpilih. Rujukan-rujukan tersebut digunakan untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu menghuraikan konsep *ar-rahn* di perbankan Islam terpilih menurut perspektif fiqh dan undang-undang. Kesemua sumber data tersebut digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.8.4 Metode Analisis Data


Kaedah analisis data bergantung kepada tiga jenis data iaitu analisis data primer, sekunder dan metode deduktif.

1.8.4.1 Analisis Data Primer

Terdapat enam proses dalam menganalisis data temu bual. Pertama data yang telah diperoleh akan dikumpulkan dengan membuat transkripsi. Kedua, data-data tersebut akan dikelaskan mengikut tema bagi menjawab persoalan kajian. Ketiga, pengekodan data yang bertujuan untuk menganalisis data yang telah di transkripsi daripada temu bual dan kemudiannya akan dikodkan mengikut tema yang telah ditetapkan. Keempat, menyusun data dalam jadual analisis di mana dalam proses ini data yang telah dikodkan akan dianalisis menggunakan jadual analisis. Kelima, mengenal pasti isu melalui pembentukan tema, dan corak yang ditetapkan. Sesuatu isu itu boleh dikenal pasti melalui tema yang didapati dalam transkrip temu bual. Akhir sekali penyelidik akan membuat laporan hasil daripada kajian yang dibuat bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

⁹⁰ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam* (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 40.

Jadual 1.1: Proses Analisis Data



i) Analisis Tematik

Pengkaji telah menggunakan pendekatan tematik yang diperoleh daripada data primer dengan membahagikan data daripada hasil temu bual kepada dua buah tema.

Tema tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pelaksanaan kontrak *ar-rahn* di institusi perbankan Islam terpilih.
- b) Isu-isu Syariah dalam produk *ar-rahn*.

Selepas proses tersebut, hasil dapatan temu bual akan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif mengikut tema-tema yang ditentukan. Pengkaji menggunakan kaedah tematik ini dalam bab ketiga berkaitan modus operandi *ar-rahn* di perbankan Islam dan juga bab keempat bagi menganalisis data-data serta mendalami perkara-perkara baru dalam usaha penambahbaikan terhadap kontrak *ar-rahn* di institusi perbankan Islam terpilih iaitu Bank Rakyat dan Bank Muamalat.

1.8.4.2 Analisis Data Sekunder

Data sekunder dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen.

i) Analisis Dokumen

Data yang telah diperoleh akan dianalisis, ditafsir dan ditentukan kesahihannya sebelum diolah dan dimuatkan dalam penulisan ini. Kajian ini meneliti dan menganalisis teks secara kualitatif, selaras dengan objektif kajian iaitu menjelaskan kontrak-kontrak *ar-rahn* dan mengenalpasti modus operandi *ar-rahn* serta menganalisis produk *ar-rahn* menurut perspektif fiqh.

Analisis dokumen merupakan kombinasi dengan kaedah kualitatif yang lain. Dan iaanya boleh digunakan sebagai kaedah utama dalam kajian. Seperti biografi, surat khabar, jurnal dan sebagainya. Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan data dengan melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permasalahan yang dikaji sama ada secara langsung dan sebaliknya. Sebelum sesuatu dokumen dianalisis, penelitian secara kritis hendaklah dilakukan, antara aspek yang perlu diberikan perhatian ialah keaslian dokumen, keadaan dan tempat penerbitan dokumen, gaya bahasa, sumber rujukan dokumen dan mengutamakan bahan primer.⁹¹

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis dokumen-dokumen berkaitan seperti Polisi Dokumen *ar-rahn*, *wadiyah*, *qard*, *ijarah* dan *tawarruq* yang dikeluarkan oleh BNM. Selain itu, pengkaji juga menganalisis dokumen daripada lembaran maklumat produk (PDS) yang boleh didapati di laman web perbankan Islam yang terlibat dalam menawarkan produk *ar-rahn* dan kontrak-kontrak yang berkaitan.

⁹¹ Ibid., 65.

ii) Analisis Tematik

Pengkaji juga menggunakan analisis tematik di dalam kajian-kajian lepas yang diperoleh daripada sumber data-data sekunder seperti tesis, disertasi, jurnal dan artikel serta karya-karya kontemporari.

Pengkaji mengkategorikan kajian-kajian lepas yang telah dikumpul dengan empat tema iaitu:

- a) Kajian berkaitan konsep *ar-rahn*.
- b) Kajian berkaitan aplikasi kontrak *ar-rahn* di Malaysia.
- c) Kajian berkaitan kritikan terhadap produk *ar-rahn*
- d) Kajian berkaitan *tawarruq*.

Tema-tema di atas diuraikan dalam kajian-kajian lepas dalam bab yang pertama oleh pengkaji dengan mengumpul data-data sekunder yang diperoleh kemudian pengkaji akan melelui data dengan niat mencari corak, tema, sub-tema yang muncul dan lain-lain. Ini membolehkan penyelidik mengkategorikan data di bawah seksyen yang berlainan. Maka, terhasilah 4 buah tema yang telah dikategorikan oleh pengkaji seperti di atas.

1.8.4.3 Metod Deduktif

Metod deduktif bermaksud cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir mencari pembuktian dengan berpandukan kepada “dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus.”⁹² Penulis mengaplikasikan metode ini dalam bab keempat bagi meneliti dan menganalisis seluruh perjalanan instrument kewangan yang dikaji adalah bertepatan dengan teori kajian dan membuat perbandingan. Metode ini juga

⁹² Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam, (Selangor: Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2009), 101.

akan digunakan dalam bab yang kelima bagi menghasilkan kesimpulan kepada kajian ini.

1.9 Sistematika Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai lima bab utama. Bab pertama ialah pengenalan kepada keseluruhan kajian pengkaji dengan menghuraikan masalah kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop dan batasan kajian serta kepentingan kajian. Bab ini turut memaparkan perbahasan berkaitan sorotan kajian lepas yang terkait dengan kajian ini, metodologi kajian dan sistematika kajian.

Bab kedua merupakan perbincangan berkaitan konsep kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn* iaitu kontrak *rahn*, *qard*, *wadiyah yad dhamanah*, *ijarah* dan *tawarruq* menerusi perspektif fiqh. Menerusi bab ini, pengertian, dalil, rukun dan syarat serta pembatalan kontrak dijelaskan secara jelas. Selain itu, bab ini juga akan melihat perbahasan para fuqaha' berkaitan kontrak -kontrak yang mendasari produk *ar-rahn* serta dokumen polisi yang diperuntukkan BNM bagi merumuskan perbincangan berkaitan produk *ar-rahn* dalam perbankan Islam Malaysia.

Bab ketiga pula, kajian akan menghuraikan modus operandi produk *ar-rahn* yang diaplikasikan di perbankan Islam terpilih. Dua buah perbankan Islam daripada lima buah perbankan Islam yang menawarkan produk *ar-rahn* sebagai subjek kajian iaitu Bank Kerjasama Rakyat dan Bank Muamalat. Pengkaji akan menghuraikan terlebih dahulu berkenaan latar belakang institusi perbankan Islam yang dipilih seterusnya diikuti penjelasan tentang modus operandi produk *ar-rahn* yang terbahagi kepada dua iaitu kontrak lama dan semasa, maka pengkaji akan menghuraikan kedua-dua modus operandi yang diguna pakai oleh institusi perbankan Islam tersebut.

Bab keempat, pengkaji akan menganalisis isu-isu syariah dan isu-isu berkaitan yang timbul di dalam produk *ar-rahn* yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam tersebut sama ada isu daripada *ar-rahn* yang sebelum tahun 2020 dan produk ar-rahn yang dikemaskini bermula tahun 2020. Isu-isu berbangkit terbahagi kepada beberapa kontrak daripada produk *ar-rahn* yang akan dibahaskan secara terperinci oleh pengkaji.

Bab kelima merupakan penutup dan rumusan daripada keseluruhan kajian. Kajian turut mengemukakan beberapa dapatan kajian dan cadangan kepada pihak yang berkaitan hasil daripada penilaian terhadap dapatan kajian.

1.10 Kesimpulan

Bertitik tolak daripada isu berbangkit, kajian ini memfokuskan terhadap produk *ar-rahn* di dua buah institusi perbankan yang menawarkan produk *ar-rahn*. Pengkaji mengenal pasti isu Syariah berkaitan *ar-rahn* yang berkaitan dan menilainya berdasarkan dokumen polisi *ar-rahn* dan kontrak-kontrak berkaitan yang dikeluarkan BNM serta menganalisis isu-isu syariah pada pandangan fuqaha' dan para sarjana syariah.

BAB 2: KONTRAK-KONTRAK MUAMALAT BERKAITAN PRODUK *AR-RAHN* MENURUT PERSPEKTIF FIQH

2.1 Pendahuluan

Produk *ar-rah*n merupakan satu keperluan bagi masyarakat di Malaysia terutamanya bagi golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta masyarakat yang berpendapatan rendah dan mengalami masalah kesempitan wang. Di Malaysia, *ar-rah*n adalah produk pembiayaan yang dapat menarik hati ramai masyarakat sehingga mendapat sambutan memberangsangkan sejak pertama kali ditawarkan sehingga pada masa kini.⁹³ Produk *ar-rah*n yang ditawarkan di perbankan Islam mahupun koperasi merupakan gabungan mekanisme kontrak yang terdiri daripada kontrak *rah*n, *qard*, *ujrah* dan *wadiah yad dhamanah*. Namun begitu, BNM pada 31 Julai 2019 telah membuat keputusan bahawa *ar-rah*n yang ditawarkan di setiap bank-bank Islam adalah tidak memenuhi tuntutan syarak. Justeru perbankan Islam telah mengubah struktur produk *ar-rah*n kepada kontrak yang patuh syariah iaitu dengan menggunakan konsep *tawarruq* dalam pembiayaan produk *ar-rah*n. Oleh itu, kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rah*n ini mestilah dikupas dengan teliti dari segi perbicangan definisi, hukum, dalil, rukun, syarat dan pembatalan kontrak.

2.2 *Ar-rah*n

2.2.1 Definisi *Ar-rah*n

Perkataan *ar-rah*n merupakan asal daripada perkataan dalam Bahasa Arab ialah (الرهن) membawa maksud gadaian diertikan sebagai cagaran daripada setiap sesuatu barang yang

⁹³ Hafiz Ithin, “Produk *ar-rah*n dapat sambutan,” harian metro online, 28 September 2017.

mempunyai nilai oleh pemiliknya untuk memperolehi pinjaman.⁹⁴ Gadaian merupakan cagaran yang diambil untuk tempoh tertentu sebagai jaminan kepada pinjaman wang. sekiranya tidak ditebus dalam tempoh yang dipersetujui maka barang cagaran tersebut akan berubah menjadi hak milik pemberi pinjam.⁹⁵

Mengikut perspektif fiqh, *ar-rahnu* adalah satu perjanjian dimana sesuatu harta atau barang bernilai diletakkan sebagai cagaran hutang yang boleh dibayar dengan barang yang digadaikan bilamana hutang tersebut tidak dapat dilunaskan.⁹⁶ Ianya juga membawa maksud cagaran hutang atau menjadikan sesuatu harta yang mempunyai nilai harga sebagai jaminan hutang. Seandainya hutang tersebut tidak dapat dilunaskan, barang tersebut akan menjadi pengganti kepada hutang sebagai bayaran balik kepada penerima gadai.⁹⁷

Oleh itu, barang gadaian akan dijadikan sebagai satu cagaran atau jaminan supaya penggadai melangsaikan hutangnya kepada penerima gadai. Sekiranya berlaku kegagalan dalam pembayaran hutang oleh penggadai pada masa yang telah ditetapkan, penerima gadai boleh menjual barang gadaianya itu bagi memperolehi haknya kembali.⁹⁸ Jika terdapat lebihan baki daripada jualan barang gadaianya itu, barulah boleh dipulangkan kepada pemberi gadai.⁹⁹

⁹⁴ Kamarulzaman Sulaiman, *Konsep dan Kedah Ar-rahnu Di Malaysia* (Shah Alam: Penerbit UiTM, 2013), 5.

⁹⁵ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 455, entri “gadai”.

⁹⁶ Nurasyraf Fahmi Azahari dan Asma Hakimah ab. Halim, *Ar-Rahnu dan Amalan di Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2019), 22.

⁹⁷ Nurhayati Rasmin dan Ruzian Markom, “An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia” (Prosiding PERKEM Ke-9: Urus Tadbir Ekonomi Yang Adil: Kearah Ekonomi Berpendapatan Tinggi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 563-568.

⁹⁸ Nurasyraf Fahmi Azahari dan Asma Hakimah ab. Halim, *Ar-Rahnu dan Amalan di Malaysia*, 23.

⁹⁹ Nurhayati Rasmin dan Ruzian Markom, “An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia”, 563-568.

2.2.2 Hukum dan Dalil *Ar-rahn*

Hukum melaksanakan produk *ar-rahn* adalah harus sepetimana jual beli berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadith dan ijma' fuqaha'.¹⁰⁰ Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَمَمْ بَجَدُوا كَاتِبًا فِيهَا مَقْبُوضَةً فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَلْيُؤْدِي
الَّذِي أُؤْمِنَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَقِ اللهَ رَبَّهُ ۚ وَلَا تَكُنُمُوا الشَّهَادَةَ ۖ وَمَنْ يَكُنْمِهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ ۚ وَاللهُ
يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhaninya.”

(Al-Baqarah: 283)

Mafhum dari firman Allah SAW di atas dijelaskan bahawa hukum gadaian adalah harus. Ini disebabkan gadaian disyariatkan sebagai cagaran kepada hutang dan seseorang pemutang mempunyai hak sama ada ingin meminta cagaran ataupun tidak untuk memberi pinjaman kepada penghutang..¹⁰¹

Di samping sumber daripada al-Quran, terdapat hadis-hadis tentang keharusan pajak gadai ini. Antaranya hadis yang menggambarkan kehidupan Rasulullah SAW dalam keluarganya.¹⁰²

¹⁰⁰ Abd Hakim Ab Rashid, “Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-565: Adakah Pajak Gadai Ar Rahnu Riba?”, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 4 Mei 2021, diakses 10 Mei 2021, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4770-irsyad-al-fatwa-siri-ke-565-adakah-pajak-gadai-ar-rahnu-riba>

¹⁰¹ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatu*, Juz 5. (Dimashq: Darul Fikri, 1989).

¹⁰² Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-Bukhari, *Sahih al-Bukahri*. Juz 9 (Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, t.t.).

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ
طَعَامًا وَرَهَنَهُ دِرْعَةً

“Saidatina Aisyah *radiallāhu ‘anha* meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW membeli makanan daripada seorang yahudi secara bertempoh dan baginda s.a.w telah menggadaikan baju besinya.”¹⁰³

Keterangan hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa Rasulullah SAW sendiri menggunakan barang peribadi iaitu baju besinya sebagai cagaran kepada hutang dan membenarkan amalan pajak gadai dengan menyatakan penerima gadai boleh menggunakan atau mengambil manfaat sekadar menampung perbelanjaan barang gadaian yang dijaga. Di sini, dapat dilihat bahawa Rasulullah SAW menekankan bahawa penerima gadai mestilah menjaga barang gadaian dengan sebaik mungkin daripada berlaku sebarang kecacatan.

Berdasarkan ijma’ fuqaha’ bersepakat mengatakan bahawa hukum melakukan pajak gadai adalah harus mengikut kehendak syarak¹⁰⁴ Berdasarkan Surah Al-Baqarah ayat 283 di atas menggariskan dua situasi yang digalakkan untuk pemutang meminta barang gadaian iaitu ketika berkeadaan musafir dan ketika ketiadaan jurutulis, namun dua perkara itu sebenarnya adalah perkara kebiasaan yang berlaku pada zaman tersebut. Kenyataan ini sememangnya disokong oleh perbuatan Rasulullah SAW sendiri yang mengamalkan pajak gadai dengan seorang Yahudi di Madinah. Oleh sebab itu, para fuqaha bersetuju bahawa hukum pajak gadai adalah harus dalam apa-apa keadaan dan tidak terhad kepada keadaan musafir mahupun ketika ketiadaan jurutulis.¹⁰⁵

¹⁰³ A’isyah radiallāhu anha, sahih bukhari, no hadith 2386.

¹⁰⁴ Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj* (al-Qahirah: Syarikah Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Halabi Wa Auladuh: 1993), 2:125-140.

¹⁰⁵ Nurasyraf Fahmi Azahari dan Asma Hakimah ab. Halim, Ar-Rahnu dan Amalan di Malaysia, 24.

2.2.3 Rukun dan Syarat Gadaian

Rukun adalah perkara yang penting dalam mengenalpasti sama ada setiap sesuatu perkara itu wujud ataupun tidak. Dalam makna yang lain, jika tiada salah satu daripada rukun-rukun tersebut akan menghalang kewujudan perbuatan tersebut atau boleh mengakibatkan terbatal ataupun tidak sah. Para fuqaha telah bersepakat dalam mengharuskan *ar-rahnu* atau gadaian jika memenuhi segala rukun dan syarat yang telah ditetapkan¹⁰⁶.

Berikut merupakan rukun-rukun yang penting dan wajib ada bagi memastikan akad gadaian sah iaitu:

1. Lafaz gadaian: penawaran dan penerimaan (*ijab dan qabul*)
2. Seseorang yang melakukan penggadai ialah penghutang (*rahin*)
3. Pemegang gadai/penerima gadaian ialah pemutang (*murtahin*)
4. Barang gadaian (*marhun bih*)
5. Tanggungan atau sebab gadaian: hutang¹⁰⁷

Selain rukun, penentuan sesuatu gadaian sama ada sah mahupun tidak sah adalah berdasarkan syarat-syarat lafaz gadaian (*ijab dan qabul*, syarat-syarat penggadai dan pemegang gadai, syarat-syarat barang gadaian dan syarat-syarat hutang).¹⁰⁸

Syarat lafaz gadaian (*ijab dan qabul*)

Ar-rahnu dimulakan dengan *ijab* dan *qabul* ataupun *sighah* dari kedua-dua belah pihak (penggadai dan penerima gadai) dalam bentuk perkataan dengan jelas seperti “Saya menggadaikan harta ini kepada kamu sebagai cagaran hutang saya kepada kamu

¹⁰⁶ Kamarulzaman Sulaiman, *Konsep dan Kedah Ar-rahnu Di Malaysia*, 20.

¹⁰⁷ Ahmad Sarawat, *Seri Fiqih Kehidupan* (7) Muamalat (Jakarta: DU Publishing, 2011).

¹⁰⁸ Dr. Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. ‘Dr Ahmad Shahbari Salamon’ ed. 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996) 4: 164.

sebanyak RM2000” kata penggadai dan “Saya terima” kata penerima gadaian. Adapun *ijab* dan *qabul* juga terdapat dalam bentuk *kinayah* bagi mereka yang buta huruf atau kecacatan lain. Pendapat Ibnu Qasim, *sighah* mestilah dengan lafaz yang *sorih* (jelas). *Jumhur* fuqaha’ mempunyai pendapat yang sama dalam lafaz *ijab* dan *qabul* dengan menjadikan ia sebagai rukun dan syarat sah *ar-rahn* seperti dalam syarat jual beli¹⁰⁹. Antara syarat *sighah* ialah:

1. Tidak diselangi dengan perkataan yang tiada kaitan dengan *ar-rahn* atau diam yang lama di antara *ijab* dan *qabul*.¹¹⁰ Bagaimanapun, bagi pendapat golongan Hanafi ianya tidak mengapa jika dipisahkan dengan perkataan asing asalkan dengantempoh yang tidak lama.¹¹¹.
2. Tiada satu pun perkara *takliq* (digantung) gadaian ke atas hal lain kecuali perkataan yang diperlukan semasa aqad sahaja, contohnya tidak sah dengan melafazkan “Sekiranya isteri saya mati, maka barang ini saya cagarkan pada kamu sebagai cagaran hutang saya terhadap kamu sebanyak RM2000”.
3. Perlulah berlaku dalam satu majlis aqad yang sama iaitu kedua-dua pihak yang beraqad terdapat bersama dalam satu majlis¹¹².
4. Sesuatu yang memudaratkan tidak boleh ada di dalam aqad, contohnya, ditetapkan syarat ke atas manfaat gadaian bagi penerima gadai atau yang boleh menyusahkan dan memudaratkan penerima gadai seperti diletakkan syarat supaya tidak boleh menjual barang gadaian apabila tiba masanya.
5. Kedua-dua pihak beraqad perlulah mempunyai *ahliyah* yang sempurna. Pendapat golongan Imam Hanafi sahaja yang meletakkan syarat sah *ijab* dan *qabul*¹¹³.

¹⁰⁹ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*; Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*. Juz 2 (Kaherah: Darul Hadith, 1994); Shamsuddin Muhammad bin Abi al Abbas Ahmad, *Nihayah al Muhtaj* Juz 4 (Misr: Maktabah wa Matbaah al Babi al Halalbi; al Sheikh Muhammad al Khatib al-Sharbini, *Al Iqna fi Halli Alfazu Abi Syuja* Juz 1 (Surabaya: Syarikat Bankul Indah, t.t.).

¹¹⁰ Ibrahim al-Bajuri, *Hasiah al Bajuri ala Ibn Qasim* Juz 1 (Singapura: Sulaiman Mari, t.t.).

¹¹¹ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*. Juz 2 (Kaherah: Darul Hadith, 1994).

¹¹² Dr. Wahbah Al-Zuhaili, “*Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*”.

¹¹³ Ibid.

Adapun, pandapat yang lain memasukkan ia sebagai syarat aqad bukan syarat *sighah*.

Natijahnya, kesemua *fuqaha* empat mazhab bersepakat dalam menentukan syarat sah *ar-rahn* yang diperlukan dalam *sighah*, iaitu sepetimana syarat yang ditetapkan di dalam jual beli, kecuali syarat sah yang terakhir dari ulama Hanafi beranggapan sebagai syarat *sighah*, iaitu *ijab* dan *qabul* wujud daripada orang yang membuat aqad kerana setiap perkara yang berkaitan dengan lafaz dilakukan oleh penggadai dan penerima gadai.¹¹⁴

Syarat penggadai dan penerima gadai (*al-murtahin* dan *al-rahin*)

Syarat *rahin* dan *murtahin* adalah berbeza mengikut mazhab. Berikut adalah syarat *rahin* dan *murtahin*:

1. Secara umumnya syarat bagi *aqidayn* ialah mesti mempunyai keahlian. Keahlian atau *ahliya'* menurut golongan mazhab Hanafi ialah keahlian dalam jual beli, ini membawa maksud setiap orang yang sah melakukan jual beli adalah sah melakukan *ar-rahn*. Tambahan lagi, menurut mazhab Syafi'i bahawa setiap orang yang harus melakukan jual beli, juga harus untuk melakukan gadaian. Pandangan lain pula, secara umumnya Imam Abu Zakaria¹¹⁵ menetapkan bahawa syarat *ar-rahin* dan *al-murtahin*, adalah mereka yang telah mempunyai *taklif*.
2. *Ar-rahin* dan *al-murtahin* hendaklah mereka yang berakal, telah cukup umur, tidak dipaksa dan tidak ditahan dari menguruskan hartanya atas sebab membazir merupakan pandangan mazhab Syafi'i, oleh hal demikian, tidak sah gadaian orang gila atau orang yang dipaksa atau kanak-kanak atau orang yang membazir. Namun begitu, menurut beberapa pandangan, baligh bukanlah syarat bagi orang yang melakukan akad, namun

¹¹⁴ Kamarulzaman Sulaiman, Konsep dan Kedah Ar-rahnu Di Malaysia, 22.

¹¹⁵ Abu Zakariya, Yahya bin Sharif al-Nawawi al-Dimashqi, *Raudah al-Talibin* Juz 4 (Al-Maktabah al-Islami li Tabah wa al-Nashr).

begitu, kanak-kanak yang melakukan akad gadaian harus mendapat keizinan wali mereka terlebih dahulu¹¹⁶. Bagi individu yang dihalang mengurus harta sendiri seperti kanak-kanak belum baligh, orang gila dan terencat akal, maka harta mereka perlu diurus oleh penjaga atau wali. Dalam keadaan ini, penjaga/wali tersebut tidak boleh menggadaikan harta individu di bawah jagaannya kecuali dalam dua situasi seperti berikut:¹¹⁷

Pertama: Wujud keadaan yang memaksa penjaga dalam mencagarkan hartanya, contohnya tiada harta lain yang boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan keperluan individu di bawah jagaan wali/penjaga melainkan harta yang dimiliki oleh individu jagaan. Antara perbelanjaan keperluan yang boleh dipertimbangkan ialah perubatan Pendidikan pakaian dan sebagainya.

Kedua: Penjaga mendapat keuntungan daripada harta yang dijaga, contohnya suatu barang yang dibeli boleh menghasilkan faedah, sekiranya penjaga hartanya tidak dapat menghasilkan keuntungan kecuali dengan berhutang dan menggadaikan harta itu.

3. Kedua-dua pihak rahin dan murtahin melakukan kontrak gadaian atas pilihan sendiri dan tidak dipaksa oleh mana-mana pihak (*al-ikhtiar*), melakukannya dengan secara paksa adalah tidak sah.¹¹⁸

Kesemua syarat yang telah dihuraikan oleh para *fujaha* mengenai *aqdan* sebenarnya terdapat dalam syarat am yang disebut sebagai ‘*ahli*’. Pandangan yang berbeza tidak akan mengubah syarat-syarat keahlian *aqdan* tetapi hanya berkait dengan beberapa perkara *furu’iyyah* yang tidak mencacatkan syarat-syarat pokok bagi pemberi gadai dan penerima gadaian.¹¹⁹

¹¹⁶ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*.

¹¹⁷ Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi, *Jami al Ahkamu al-Quran*, Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*.

¹¹⁸ Zakariya al-Ansari, *Sharqawi ala al-Tahrir Juz 2* (t.p.: Dar al-Ihya’ al Kutub al-Arabiyyah, t.t.).

¹¹⁹ Kamarulzaman Sulaiman, *Konsep dan Kedah Ar-rahnu Di Malaysia*, 26.

Syarat barang gadaian (المُرْهُون)

Berikut merupakan antara syarat *al-marhun*:

1. Harta gadaian mestilah dimiliki oleh penggadai. Namun begitu, jika harta gadaian itu adalah barang pinjaman daripada seseorang untuk dicagarkan oleh penggadai sebagai gadaian hutangnya, maka terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi seperti berikut.¹²⁰
 - i- Peminjam atau penggadai perlulah menjelaskan tentang segala perkara berkaitan hutang tersebut, iaitu jenis, kadar dan sifat hutang kepada pemilik harta gadaian.
 - ii. Tempoh pembayaran perlu dimaklumkan dengan jelas tentang tempoh pembayaran kepada pemilik harta gadaian.
 - iii. Pemilik harta gadaian telah dimaklumkan tentang pihak penerima gadai.
2. Harta gadaian hendaklah sesuatu benda dan bukanlah sesuatu manfaat, tidak sah mencagarkan hutang yang mana telah tersedia ada sekalipun kepada orang yang memberi hutang, kerana ia bukanlah benda dan tidak boleh diberikan daripada apa yang terdapat pada tangannya kepada pemegang gadai.¹²¹ Tambahan pula, tidak sah menggadaikan manfaat sesuatu benda sahaja contohnya mencagarkan bilik pejabat selama beberapa tahun sebab ia bukan benda dan juga semakin lenyap.¹²²
3. *Al-Marhun* mestilah barang yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak, tidak sah menggadaikan darah, bangkai, nanah, dan najis kerana ia bukanlah benda yang bernilai. Harta tersebut mestilah suci atau dalam keadaan mudah

¹²⁰ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*.

¹²¹ Ibrahim al-Bajuri, *Hasiah al-Bajuri ala Ibn Qasim*.

¹²² Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*.

dibersihkan, juga merupakan harta yang bernilai (*mutaqawwim*)¹²³ untuk dijual beli, iaitu tidak sah pada menggadaikan dua cubit tepung gandum¹²⁴.

4. *Al-marhun* mestilah sesuatu yang tidak bercampur dan boleh diasingkan daripada pemilikan orang lain. Oleh yang demikian, menggadaikan buah di atas pokok tanpa digadaikan sekali pokok tersebut adalah tidak sah.
5. *Al-Marhun* perlulah diketahui kedudukannya dan dapat dikenalpasti dari setiap segi seperti, sifat, bilangan dan jenis, contohnya, tidak sah menggadaikan setengah daripada motosikal penggadai.
6. *Al-Marhun* hendaklah selaras sepertimana syarat yang telah ditetapkan kepada barang jualan, iaitu setiap jualan yang sah, jadi gadaian tersebut adalah sah dan dapat diberikan kepada penerima gadai atau pemutang, contohnya, tidak sah mencagarkan barang kemas yang telah dicuri kerana ia tidak diketahui pemiliknya dan tidak dapat diberikan kepada pemegang gadai.

Syarat sebab gadaian (*marhun bih*)

Hutang merupakan sebab yang mengharuskan gadaian. Hutang melahirkan hak yang disabitkan kepada *alrahin*. *Al-marhun* tidak sah digadaikan atas sebab selain hutang. Contohnya, menggadaikan harta sebagai jaminan meminjam barang atau menggadaikan barang bagi jaminan barang yang dirampas adalah tidak diharuskan. Menurut fuqaha kontemporari seperti Dr. Wahbah Al-Zuhaili dan Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *al-marhun bih* atau hutang itu merupakan suatu hak yang dibolehkan pemutang untuk menuntut barang gadaian dan hutang hendaklah wujud ketika kontrak gadaian dibuat.¹²⁵

¹²³ Maksud mutaqawwim harta yang dibenarkan oleh syarak untuk diambil manfaat serta mempunyai nilai pada uruf manusia. Ia merangkumi ‘ayn dan manfaat.

¹²⁴ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, “*Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*”.

¹²⁵ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*; Abdul al-Rahman Al-Jaziri, “*Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*”.

Antara syarat sebab gadaian ialah:

1. *Al-marhun bih* perlulah sesuatu hutang yang terjamin, maka tidak sah menjadikan satu hutang yang tidak terjamin, seperti barang amanah atau *al-wadi'ah*. Sepakat fuqaha' iaitu mazhab Hanafi,¹²⁶ Maliki¹²⁷ dan juga Syafi'i¹²⁸ menyatakan bahawa tidak sah menjadikan barang yang tidak terjamin sepetimana harta yang telah diamanahkan sebagai hutang. Jika barang yang terjamin, menurut ulama' Hanafi, Hanbali dan Maliki, ianya sah sekiranya dijadikan sebagai hutang, kecuali mazhab Shafi'i. Harta yang dicagarkan dengan hukum aqad seperti barang jualan ataupun dengan sesuatu hukum harta yang disita atau barang yang dipinjam adalah tidak sah sepetimana hukum kepada perkara yang tiada jaminan.
2. *Al-marhun bih* mestilah sesuatu yang jelas dan diketahui oleh kedua-dua pihak yang beraqad (penggadai dan pemegang gadai) sama ada pada barang, sifat dan juga kadarnya. Jika, kedua-dua pihak yang beraqad jahil tentang hal ini, maka aqad gadaian tersebut tidak sah.¹²⁹
3. *Al-marhun bih* perlulah sesuatu yang lazim (tetap) iaitu boleh dijual pada masa itu atau pada masa lain. Justeru itu, gadaian sah dengan asbab harga dalam masa *khiyar* (pilihan sama ada ingin membatalkan atau meneruskan jualan).¹³⁰ Jumhur juga mengatakan tentang pentingnya meletakkan syarat hutang pada hal yang maklum. Imam Shafi'i dan Hanbali telah sepakat bahawa hutang tersebut hendaklah sabit terlebih dahulu sebelum aqad gadaian, seterusnya, imam Hanafi dan Maliki pula tidak meletakkan ia sebagai syarat sah untuk gadaian.¹³¹

¹²⁶ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, "Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah".

¹²⁷ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*.

¹²⁸ Sulaiman al-Bujairimi, *al-Bujairimi ala al-Khatib* Juz 3 (Misr: Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1951).

¹²⁹ Al-bujairimi Abdul al-Rahman Al-Jaziri, *Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*; Sulaiman al-Bujairimi, *al-Bujairimi ala al-Khatib*.

¹³⁰ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, "Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah".

¹³¹ Kamarulzaman Sulaiman, *Konsep dan Kedah Ar-rahnu Di Malaysia*, 25.

2.2.4 Penamatan Kontrak *Ar-rahn*

Penamatan kontrak *ar-rahn* berlaku dengan beberapa cara. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Penggadai memulangkan kembali barang gadaian kepada pemiliknya. Dengan pemulangan tersebut, akad dengan sendirinya tamat pada pandangan jumhur selain Syafi'i.
- 2) Kontrak *ar-rahn* tamat dengan melunaskan hutang keseluruhannya juga menamatkan kontrak gadaian.
- 3) Penjualan barang secara paksa setelah diperintahkan oleh hakim (mahkamah), atau penjualan itu dibuat oleh hakim setelah didapati penggadai tidak mahu menjualnya. Hasil jualan itu seterusnya digunakan untuk melunaskan hutang, justeru dengan car aini akad gadaian akan tamat.¹³²
- 4) Pelupusan hutang dalam apa-apa bentuk dan pembatalan akad gadaian daripada pemberi gadai, biar sekalipun pembatalan itu dibuat dengan ketiadaan penggadai. Menurut pandangan Maliki bahawa akad gadaian terbatal sekiranya penggadai meninggal, dengan cara ia menjadi muflis, ada pemutang-pemutang lain membuat tuntutan hutang, ada aduan yang menyebabkan hakim mengeluarkan perintah sekatan undang-undang ke atasnya, menghidapi penyakit yang tidak sembuh, atau menghidap gila yang membawa kepada mati.
- 5) Kontrak *ar-rahn* terbatal sekiranya barang gadaian hancur dan penggunaan barang gadaian untuk tujuan penyewaan, hibah atau diberikan sebagai sedekah. Sekiranya penggadai atau pemberi gadai bertindak dengan menyewakan, menghibahkan, menjual

¹³² As-Syaikh Syamshuddin Muhammad bin Al-Khotib Syarbaini, *Mughni al-Muhtaj* (Beirut: Dar Al-Makrifah, 1997) 4:197; Imam Abu Zakariyya Al-Nawawi, *Almuhadhdhab*, (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, 2008), 2:255; Ibn Qayyim Al-Jauziyah, *I'lam al-Muqi'in*, (Arab Saudi: Dar Ibn Jauzi, 2008), 2: 366.

kepada orang ketiga atau mensedekahkan dengan izin pemiliknya maka dengan itu akad gadaian tamat.¹³³

2.3 *Qard Al-Hasan*

2.3.1 Definisi *Qard Al-Hasan*

Al-qard alam bahasa arab bererti memotong القطع iaitu harta yang diberikan kepada orang yang meminjam atau berhutang (*muqtarid*) dinamakan *qarad* karena ia adalah satu potongan dari harta orang yang memberi pinjaman (*muqrif*).¹³⁴ Ini disebabkan harta itu betul-betul dipotong apabila diberikan kepada peminjam. *Al-qard* dalam perkataan arab mengikut penggunaan umum bermaksud keratan sesuatu atau sebahagian wang yang diberikan kepada penghutang oleh pemutang, kerana ia adalah sebahagian harta yang diambil daripada harta milik pemutang.¹³⁵

Perkataan lain dalam Bahasa Arab yang membawa maksud hutang juga dikenali sebagai *al-dayn* dan *al-salaf*. Ini kerana *al-qard* merupakan sebahagian daripada *al-salaf* dan *al-dayn* tetapi *al-dayn* itu lebih bersifat umum daripada *al-qard*. Perkataan *salaf* dari segi bahasa bererti suatu pinjaman yang diambil balik tanpa keuntungan bagi pemutang.¹³⁶ Dalam pengertian yang luas ia meliputi pinjaman untuk tempoh yang khusus iaitu pinjaman jangka pendek, pertengahan dan jangka panjang. Tapi sekiranya ia dibayar secara segera maka dipanggil *al-qard*¹³⁷ atau dibayar atas tuntutan dan ini sebenarnya sejenis *al-salaf* yang khusus.

¹³³ Dr. Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, 255.

¹³⁴ Abdurrahman al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh 'Ala Madhabib al-'Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, t.t), 2:338.

¹³⁵ 'Ali Khafif, *Ahkam al-Mu'amalah al-Syar'iyyah*, (Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi, 1996) 465.

¹³⁶ Fu'ad 'Arfan Al-Bustani, *Munjid al-Tullab*, (Beirut: Dar-Masyriq, 1993), 3:969.

¹³⁷ 'Ali Ibn Muhammad al-Khazin al-Baghddadi, *Tafsir al-Qur'an al-Jalil al-Musamma Lubab al-Ta'wil fi ma 'ani*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1970), 1: 256.

Perkataan *al-dayn* pula bermaksud hutang itu sendiri. Begitu juga *al-qard* yang membawa maksud hutang¹³⁸. Terdapat perkataan *al-dayn* di dalam al-Qur'an yang menjelaskan tentang urusniaga yang pembayarannya secara tertangguh, seperti dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَاءَتُم بِدِينِ إِلَى أَجْلٍ مُسَمًّى فَأَكْتُبُوهُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.

(Al-Baqarah: 283)

Manakala secara syara' pula *al-qard* bererti harta yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain (peminjam) dan kemudian dikembalikan semula pinjaman kepada pemberi pinjaman sekiranya mampu, sebagaimana dinyatakan oleh Sayyid Sabiq:

القَرْضُ هُوَ الْمَالُ الَّذِي يُعْطِيهِ الْمَرْضُ لِلْمَقْتَضِ لِيَرِدَ مِثْلُهِ إِلَيْهِ عِنْدَ قَدْرِهِ عَلَيْهِ

Maksudnya: *Al-qard* adalah harta yang oleh pemberi pinjaman dipinjamkan kepada peminjam (debitur) dan akan dikembalikan lagi kepadanya sebesar pinjaman awal manakala ia telah mampu untuk mengembalikannya".¹³⁹

Mengikut istilah fiqh, *al-Qard* bererti akad yang memindahkan hak milik tuan punya hutang kepada pihak yang berhutang ke atas sejumlah wang atau barang yang mempunyai persamaan, yang mana pihak yang berhutang wajib membayar balik jumlah wang atau barang tersebut sama dengan yang diterimanya sebagaimana bentuk asalnya, semasa akad, apabila sampai tempoh pembayarannya.¹⁴⁰

Kesimpulannya, *al-qard* adalah satu akad yang terjadinya pemindahan harta milik pemutang kepada penghutang dan hutang itu akan dilunaskan kembali kepada pemutang

¹³⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 969, entri "hutang".

¹³⁹ Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah* juz 3 (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1985) 7:191.

¹⁴⁰ Wahbah Zuhaili "al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh", 4:3786.

sebagaimana hutang yang diterimanya. Hutang berlaku pada harta *mithli* iaitu harta yang merupakan persamaan dengan harta lain sama ada dari segi bentuk dan nilai.¹⁴¹ Manakala *al-hasan* adalah kalimah yang bermaksud “yang baik” digandingkan dengan kalimah *al-qard* bertujuan untuk menguatkan maksud *al-qard*. Kalimah *al-qard* telah mencukupi untuk menggambarkan satu muamalat yang baik yang tanpa memerlukan ganjaran faedah atau keuntungan, bahkan dapat menjaga dari sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT iaitu mengenakan faedah atau riba kepada penghutang.

Kalimah *al-hasan* yang membawa maksud pinjaman yang diberikan itu adalah satu muamalat yang baik bertujuan untuk melakukan kebajikan kerana Allah dengan membantu seseorang. Tanpa tujuan berniaga atau mengharapkan apa-apa faedah atau mencari keuntungan. Maka semua manfaat yang ada pada pinjaman, semuanya kembali kepada peminjam semata-mata, oleh itu harta yang dipinjamnya itu tidak memberi apa-apa manfaat atau faedah oleh pemutang.

2.3.2 Hukum dan Dalil Pensyariatan *Qard Al-Hasan*

Al-qard adalah harus berasaskan dalil daripada al-sunnah dan ijma' fuqaha':

Dalil daripada al-sunnah ialah sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُقْرَضُ مُسْلِمًا قَرْضًا مَرَّتَيْنِ إِلَّا كَانَ كَصَدَقَتْهَا مَرَّةٌ

Terjemahan: Seseorang yang memberi hutang kepada seorang muslim lain sebanyak dua kali adalah seperti bersedekah sekali.¹⁴²

Diriwayatkan daripada Anas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

¹⁴¹ Muhammad Uthman Syubir, *al-Madkhal 'ila fiqh al-Mu'amalat al-maliah*, (Dar al-nafais, 2017).

¹⁴² Abdullah bin Mas'ud, *Kitab Irwa 'ul ghalil*, no hadith 1389.

رأيُث لَيْلَةً أُسْرِي بِي عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا : الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا وَالْقَرْضُ بِشَمَانِيَّةِ
عَشْرَ فَقْلُثُ : يَا جِبْرِيلُ مَا بِالْقَرْضِ أَفْضَلُ مِنَ الصَّدَقَةِ ؟ قَالَ لَأَنَّ السَّائِلَ يَسْأَلُ
وَعِنْدَهُ وَالْمَقْتَرِضُ لَا يَقْتَرِضُ إِلَّا مِنْ حَاجَةٍ

Terjemahan: Pada malam aku diisra'kan (Mikraj) aku melihat tulisan di atas pintu syurga, "pahala sedekah ialah 10 kali ganda dan pahala memberi hutang adalah 18 kali ganda." Aku bertanya Jibrail kenapa memberi hutang lebih banyak pahalanya daripada sedekah? Jawabnya, "kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedangkan dia mumpungai harta. Tetapi orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali kerana sesuatu keperluan."

Para fuqaha' telah bersepakat bahawa *al-qard* adalah harus. Fuqaha' mazhab Syafi'i dan Hanafi bersetuju menyatakan kontrak hutang telah diijma'kan oleh para mujtahid mengenai keharusannya. Di samping itu, seluruh umat Islam telah mengamalkan sistem ini semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga zaman sekarang, bahkan tiada mana-mana ulama' menentang akad ini.¹⁴³

Kesepakatan ulama' didasari oleh tabiat manusia yang tidak boleh hidup tanpa bantuan dan pertolongan saudaranya. Oleh kerana itu pinjam meminjam sudah menjadi sebahagian dalam kehidupan di dunia ini, dan Islam merupakan agama yang mengutamakan keperluan umatnya. Secara umumnya, para ulama' fiqh telah bersepakat tentang hukum *al-qard al-hasan* adalah sunat kepada pemberi pinjaman dan harus kepada yang meminjam.¹⁴⁴ Imam Abu Ishaq Ibrahim daripada ulama' Syafi'iyah menyatakan bahawa *al-qard al-hasan* merupakan *qurbah* (قربة) iaitu antara perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT.¹⁴⁵

¹⁴³ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, *Fiqh al-Minhaji Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'I* Juz 3 (Damsyiq: Dar al-Qalam, 2003) 5: 89.

¹⁴⁴ Muhammad bin Abd al-Rahman al-Magribi, *Mawahib al-Jalil Li Syarh Mukhtasar Khalil* Juz 4 (Beirut: Dar Fikr, 1978) 545-546.

¹⁴⁵ Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali, *al-Muhadhab* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1995) 81.

2.3.3 Rukun dan Syarat *Qard Al-Hasan*

Rukun pelaksanaan *qard al-hasran* ada empat iaitu pemberi pinjaman (*muqrider*), peminjam (*muqtarid*), dana (*qard*) dan penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*). Menurut Syarbini al-Khatib rukun bermaksud sesuatu yang berperanan dalam menentukan perbuatan itu wujud mahupun tidak.¹⁴⁶

1. Pemberi pinjaman (*muqrider*)

Pemberi pinjaman ialah mereka yang mempunyai harta dan mengeluarkan harta miliknya untuk dipinjamkan kepada orang lain yang memerlukannya. Syarat-syarat pemilik hutang sama dengan syarat-syarat penjual dalam muamalat jual beli, antaranya:

i. Ahli *tabarru'* iaitu ianya hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai keahlian dalam menderma iaitu seorang yang baligh, berakal dan tiada sebab-sebab yang boleh menghalangnya keatas pengurusan suatu harta.¹⁴⁷

ii. Muqrider hendaklah terdiri daripada pemilik dana. Dalam kes ini, duit/dana itu hendaklah dimiliki olehnya sendiri dalam konteks zat itu sendiri,¹⁴⁸ bukannya dicuri atau dirompak, kerana harta yang diperolehi dengan cara yang tidak halal tidak boleh menjadi hak miliknya yang sah sama ada diperolehi dengan cara yang diharuskan oleh syara', atau melalui usahanya sendiri atau diperolehi dengan harta pusaka atau melalui hadiah pemberian orang kepadanya.

iii. Muqrider secara suka rela memberikan pinjaman. Oleh itu tidak sah sekiranya berlaku pemaksaan dalam proses pemberian itu.¹⁴⁹

¹⁴⁶ Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj Ma'rifah Ma'ani Alfaz Al-Minhaj* (Misr: Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958) 2:121.

¹⁴⁷ Abdul al-Rahman Al-Jaziri, "Kitab Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah", 272.

¹⁴⁸ Syarbini al-Khatib, "Mughni al-Muhtaj" 4.

¹⁴⁹ Ibid.

2. Peminjam (*muqtarid*)

Peminjam iaitu mereka yang meminjam wang daripada seseorang atau yang memohon daripada seseorang yang lain yang mempunyai harta. Antara syarat peminjam ialah;

- i. Mempunyai kelayakan untuk melakukan urus niaga iaitu mereka yang terdiri dari mereka yang *baligh*, berakal dan tidak ditahan pengurusan hartanya.
- ii. Peminjam atau orang yang berhutang hendaklah di kalangan yang diketahui. Oleh itu tidak sah sekiranya dilakukan dalam bentuk yang samar (*gharar*) iaitu tidak jelas siapa peminjam/ orang yang berhutang sebenarnya.
- iii. Mampu membayar (*al-qudrat ‘ala al-wafa’*). Setiap mereka yang hendak meminjam/berhutang mestilah dipastikan mereka adalah mampu membayar pinjaman.

3. Harta yang dipinjam/ dihutang (*musta’ar*)

Disebutkan oleh Al-Nawaai bahawa syarat paling utama untuk harta yang dipinjamkan adalah harta yang boleh memberi bermanfaat dan kekal bentuknya (sama seperti apa yang disyaratkan dalam *mauquf*, harta wakaf). bagi proses pemulangan balik harta tersebut harus dikenalkan sifat pada zatnya. Namun begitu dibolehkan untuk memberi *qard* menggunakan harta yang tidak kekal, iaitu harta yang diguna-habis seperti beras, gula, buah dan sebagainya. Jika zat harta *qard* itu telah binasarosak atau habis digunakan, jadi haruslah peminjam itu mengembalikan semula harta yang senilai dengannya.

sekiranya zat harta itu masih dalam keadaan baik dan tidak berubah, maka ia haruslah mengembalikan harta yang asal itu sendiri tidak kira sama ada senilai atau tidak senilai selagi ia tidak berubah (terkurang nilai) disebabkan oleh perbuatan peminjam. Jika mana harta itu telah berubah atas sebab perbuatan peminjam, maka wajiblah

memulangkan yang senilai dengannya, atau dipulangkan zat harta bersama tambahan nilai yang terkurang.¹⁵⁰

4. Penawaran dan Penerimaan (*Ijab* dan *Qabul*)

Penawaran dan penerimaan merupakan rukun yang terpenting dalam kontrak *al-qard* iaitu memberi hutang dan menerima hutang. Al-Nawawi menukilkan pendapat yang paling sahih dalam mazhab syafi'i iaitu *qard* tidak akan terlaksana melainkan dengan lafaz, kerana lafaz dapat menzahirkan kerelaan hati. Akan tetapi memadai dengan lafaz salah satu pihak disertai perbuatan pihak yang lagi satu. *Qard* boleh terlaksana dengan lafaz *sorih*¹⁵¹ yang difahami sebagai contoh, A berkata kepada B, "saya memberi hutang RM 100 kepada kamu dan kamu perlu membayar balik sepertinya", B berkata, "saya menerima".¹⁵²

2.3.4 Pembatalan *Qard Al-Hasan*

Kontrak *qard* boleh terbatal dengan beberapa cara. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Apabila berlaku penyelesaian atau bayaran penuh kepada jumlah *qard* sama ada pada masa matang mahupun tidak di atas persetujuan bersama antara pihak yang berkontrak.
- 2) Pemindahan sepenuhnya tanggungjawab peminjam untuk membayar jumlah *qard* kepada pihak ketiga melalui kontrak hiwalah.
- 3) Penolakan penuh (*muqassah*)¹⁵³ oleh pemberi pinjaman atau pemutang akan haknya untuk menerima jumlah *qard* daripada penghutang.

¹⁵⁰ Wahbah Zuhaili, "al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh," 4: 3789-3790.

¹⁵¹ Maksud sorih ialah lafaz yang digunakan jelas dan nyata yang difahami.

¹⁵² 'Ali Khafif, *Ahkam al-Mu'amalah al-Syar'iyyah* (Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi, 1996) 401-402.

¹⁵³ Muqassah ialah pemberian rebat oleh pihak bank kepada pelanggan dalam sesuatu kontak disebabkan oleh pelanggan ingin melangsangkan hutang pembiayaan dalam tempoh yang awal daripada kontrak perjanjian.

Setelah kontrak *qard* selesai, pihak yang berkontrak bebas dari apa-apa kewajiban kontrak di bawah kontrak *qard* tersebut.¹⁵⁴

2.4 *Al-Wadi'ah*

2.4.1 Definisi *Al-Wadi'ah*

Wadi'ah dari segi bahasa bererti meninggalkan sesuatu. Sesuatu barang yang diletakkan pada bukan pemiliknya untuk tujuan menjaga.¹⁵⁵ Istilah *wadi'ah* berasal dari perkataan Arab *al-wadi'ah*. Perkataan ini digunakan dalam al-Quran yang memberi maksud meninggalkan, suatu yang ditinggalkan atau suatu yang diserahkan kepada pihak lain agar disimpan. Dari segi syarak pula disebut atau dikenali dengan (الإِيدَاع) yang bermaksud memberi kuasa kepada orang lain untuk menjaga hartanya sendiri, secara jelas (terus terang) atau secara kiasan menurut mazhab Hanafi.¹⁵⁶ Manakala mazhab Syafie dan Maliki mentakrifkan *wadi'ah* dengan maksud mewakilkan kepada orang lain supaya menjaga harta benda yang dimilikinya..¹⁵⁷

2.4.2 Hukum dan Dalil *Al-Wadi'ah*

Pensyariatan Kontrak *al-wadi'ah* boleh difahami melalui nas—nas al-Quran.. Dalam hal ini, prinsip syariah menjelaskan asas *al-wadi'ah* sebagaimana firman Allah s.w.t.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ ه

إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

¹⁵⁴ Bank Negara Malaysia “Policy Document Qard” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2018), 7.

¹⁵⁵ Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. ‘Dr Ahmad Shahbari Salamon’ ed. 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996) 4: 31.

¹⁵⁶ Ibid.

¹⁵⁷ Ibid., 32.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(An-Nisa': 58)

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَلِيُؤْدِي الدُّرْدَةَ إِلَيْهِ أُمَانَتُهُ وَلْيَتَقَوَّلْ رَبُّهُ

Maksudnya: “Jika sebagian kamu mempercayai sebagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (utangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah.”

(Al-Baqarah :283)

وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمُنُهُ يُقْنُطَارٌ لِيُؤَدِّيَ الدُّرْدَةَ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمُنُهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّيَ الدُّرْدَةَ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَكْثَمِ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمَّيَّنَ سَيِّلٌ وَيَغُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Di antara ahli kitab ada orang yang jika kamu memercayakan kepadanya harta yang banyak, di kembalikannya kepadamu, dan di antara mereka ada orang yang jika memercayakan kepadanya satu dinar, tidak di kembalikannya kepadamu kecuali jika kamu selalu menagihnya. Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan: “Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang buta huruf. Mereka berkata dusta kepada Allah, padahal mereka mengetahui.”

(Ali-imran: 75)

Ayat di atas menunjukkan bahawa ada sebahagian orang yang memberikan kepercayaan kepada orang lain untuk menyimpan harta. Ayat di atas juga menggariskan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak yang akan menjaga hartaiaitu dapat dipercayai kerana setiap harta yang dijaga atau disimpan kepadanya perlu dikembalikan.

Keharusan kontrak wadiah juga banyak dirakamkan melalui hadis di mana

Rasulullah juga mengambil berat tentang amanah sebagaimana sabda baginda:¹⁵⁸

أَدْلُّ الْأُمَانَةَ إِلَى مَنْ اتَّسَمَّكَ وَلَا تَخُنْ مَنْ حَانَكَ

Maksudnya: Tunaikanlah amanah kepada orang yang mempercayaimu dan jangan engkau mengkhianati orang yang mengkhianatimu.

Hadis di atas menyatakan bahawa “kita tidak boleh membalas khianat orang dengan khianat lain dan setiap hak orang yang kita ambil, sama ada melalui pinjaman atau sewaan dan lain-lain, haruslah kita kembalikan dalam keadaan baik.

مَنْ أُوْدِعَ وَدِيَعَةً فَلَا ضَمَانَ عَلَيْهِ

“Barangsiapa yang diamanahkan untuk menjaga suatu barang, maka tidak ada kewajiban atasnya untuk memberikan jaminan (ganti rugi)”.
¹⁵⁹

Hadis ini merujuk kepada kontrak *wadi'ah* adalah termasuk dalam kategori kontrak amanah. Sekiranya berlaku kerosakan yang bukan berpunca daripada kecuaian penjaga maka tidak perlu membayar ganti rugi. Dapat disimpulkan bahawa hukum *wadi'ah* adalah dibolehkan dan *wadi'ah* merupakan amanat yang harus dijaga.

iii) Ijma'

Para fuqaha' Islam sepanjang zaman telah melakukan ijma' terhadap akad *wadi'ah* ini adalah harus kerana manusia memerlukannya dalam kehidupan muamalat¹⁶⁰ kerana kontrak ini menjadi keperluan kepada manusia. Manusia yang mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan memerlukan bantuan dan perkhidmatan orang lain dalam urusan penjagaan harta. Dari sudut kaedah dan prinsip Syariah, amalan *wadiyah* lebih merujuk kepada aspek kebaikan atau *istihsan* kepada manusia dalam kehidupan

¹⁵⁸ Imam Muhammad b. Isa, Hadis Riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Buyu', no. hadith 1185.

¹⁵⁹ Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab al-Buyu', Bab al-Wadiyah, no. Hadith 2391.

¹⁶⁰ Jihad Abdullah Husain Abu Uwaimir, *at-Tarsyid Asysyari lil-Bunuk al-Qaimah* (Kairo: al-Ittihad ad-Dauli lil - Bunuk al-Islamiah, 1986).

bermasyarakat di mana harta mereka terdedah kepada ancaman. Penjagaan harta merupakan amanah syarak yang wajib dijaga oleh orang Islam sama ada miliknya atau harta saudaranya sesama Islam.

2.4.3 Rukun dan Syarat *Al-Wadi'ah*

Mazhab Hanafiah mengatakan bahwa rukun *wadi'ah* hanyalah *ijab* dan *qabul*. Namun menurut jumhur fuqaha rukun *wadi'ah* ada tiga iaitu:

1. Dua orang yang membuat akad (Pihak yang meminta untuk menjaga hartanya dan pihak yang menerima untuk menjaga) disyaratkan mesti berakal. Oleh itu, *wadi'ah* tidak sah daripada budak kecil yang tidak berakal dan orang gila, begitu juga tidak sah *qabul wadi'ah* daripada orang gila dan kanak-kanak yang tidak berakal. Namun begitu, baligh tidak disyaratkan, Oleh itu, *wadi'ah* tetap sah daripada budak kecil yang dibenarkan daripada perniagaan kerana selagi diperlukan oleh peniaga. Begitu juga sah *qabul wadi'ah* daripada budak kecil yang dibenarkan kerana mereka tergolong di dalam orang yang mampu menjaga harta benda. Manakala kanak-kanak yang ditegah dan dilarang, tidak sah *qabul* (menerima) wadiyah daripadanya kerana kebiasaannya tidak mampu menjaga harta benda sekiranya diberikan amanah menjaga harta. Jumhur pula mensyaratkan di dalam *wadi'ah* sama seperti di dalam hal menjadi wakil iaitu baligh, berakal dan matang (cerdik).
2. *Wadi'ah* iaitu benda yang dijaga. Disyaratkan harta itu hendaklah diterima dan wujud. Dengan itu, jikalau meletakkan *wadi'ah* pada orang yang tiada sebagai contoh seorang yang lari dari tawanan, burung di udara, atau harta benda yang jatuh di dalam laut, adalah tidak sah dan tidak dikenakan bayaran ganti.¹⁶¹

¹⁶¹ Ibid., 33.

3. *Sighah (ijab dan qabul)*. Disyaratkan *qabul* sama ada secara lafaz seperti, “Aku menerimanya,” atau secara dalil (tanda atau isyarat) seperti orang yang meletakkan hartanya pada seseorang, lalu dia berdiam sahaja. Sikap berdiam itu juga tergolong ke dalam *qabul* seperti orang mengambil pemberian di dalam jual beli.

2.4.4 Jenis-Jenis *Al-Wadi’ah*

Wadi’ah terbahagi kepada dua jenis, iaitu *wadi’ah yad al-amana* dan *wadi’ah yad dhamanah*.

1. *Wadi’ah yad al-amana*, iaitu *wadi’ah* di mana wang / barang hanya boleh disimpan dan tidak boleh digunakan. Si penerima *wadi’ah* tidak bertanggungjawab atas kehilangan dan kerosakan yang terjadi pada barang tersebut selagi ianya bukan disebabkan dari kelalaian penerima *wadi’ah* dalam memelihara barang tersebut. Konsep wadiyah jenis ini diaplikasikan dalam produk perbankan seperti *safe deposit box*.
2. *Wadi’ah yad dhamanah*, iaitu *wadi’ah* di mana si penerima *wadi’ah* dapat memanfaatkan barang tersebut dengan izin pemiliknya dan menjamin untuk mengembalikan barang tersebut disaat pemilik barang menghendakinya. Hasil pemanfaatan barang tidak wajib dikongsi dengan pemilik barang / wang. Namun penerima *wadi’ah* boleh saja memberikan bonus dan tidak boleh dijanjikan sebelumnya kepada pemilik barang. Konsep wadiyah jenis ini diaplikasikan dalam produk perbankan, seperti akaun semasa (*current account*) dan akaun simpanan (*saving account*).¹⁶²

¹⁶² Sri Nurhayati, *Akuntansi Syariah di Indonesia* (Jakarta: Salemba Empat, 2012), 248 – 249.

2.4.5 Pembatalan *al-Wadi'ah*

Kontrak *al-wadi'ah* atau dikenali sebagai kontrak simpanan terbatal dan tamat dengan beberapa cara. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Apabila pemilik barang *wadi'ah* menuntut semula simpanannya atau penjaga barang *wadi'ah* mengembalikan semula barang yang disimpan. Walau bagaimanapun, penjaga diharamkan mengembalikanya dalam keadaan dia wajib menerima simpanan tersebut dan pemilik masih belum bersedia untuk menuntutnya dan makruh dikembalikan kepada pemilik dalam keadaan dia disunatkan menerimanya dan pemilik masih mahu menuntutnya.¹⁶³
- 2) kontrak *wadi'ah* juga terbatal apabila pemilik atau penjaga barang *wadi'ah* meninggal dunia disebabkan kontrak ini hanya berlangsung antara mereka. Demikian juga jikalau salah satu pihak didapati gila atau penjaga dihalang daripada menguruskan harta kerana bodoh (*safih*). Seterusnya,
- 3) Jika pemilik memindahkan hak milik simpanannya kepada orang lain, sama ada melalui jual beli, hadiah dan sebagainya, maka kontrak wadiah turut terbatal. Setelah tamatnya kontrak, penjaga wajib memulangkan barang tersebut kepada pemilik atau wali secepat mungkin.¹⁶⁴

¹⁶³ Bank Negara Malaysia “Policy Document Wadiyah” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2016), 7.

¹⁶⁴ *Ibid.*

2.5 *Al-Ijarah*

2.5.1 Definisi *Al-Ijarah*

Perkataan *ijarah* disudut bahasa ianya berasal dari perkatan أجر يأجر أجرا وإجارة yang bermakna sesuatu yang diberikan sebagai ganjaran kepada sesuatu perbuatan.¹⁶⁵ Manakala terdapat perbezaan fuqaha dalam memberi takrifan *ijarah* dari sudut syarak seperti berikut:

Mazhab Hanafi telah mentakrifkan *ijarah* sebagai:

"عقد على المنفعة بعوض"¹⁶⁶

Maksudnya : *Aqad* ke atas manfaat dengan bayaran.

"تمليك منافع شيء مباحة مدة معلومة بعوض"¹⁶⁷

Maksudnya: *Aqad* pemilikan ke atas manfaat sesuatu yang diharuskan pada satu tempoh tertentu dengan bayaran.

Kebanyakan fuqaha' Maliki menkhususkan perkataan *ijarah* dengan sesuatu manfaat yang hasilnya dari manusia dan juga hasilnya daripada sesuatu manfaat yang dapat dipindah kecuali kapal dan binatang. Manakala perkataan *Karaa'* (كراء') pula digunakan

dengan manfaat yang hasilnya dari sesuatu manfaat yang tak dapat di pindah seperti harta tanah, rumah dan termasuk juga sesuatu manfaat yang dapat dipindah khususnya kapal dan binatang.¹⁶⁸

Mazhab Syafi'i pula telah mentakrifkannya sebagai

"عقد على منفعة مقصودة معلومة قابلة للبذل والإباحة بعوض معلوم"¹⁶⁹

¹⁶⁵ Al-Fairuz Abadi, *Al-Qamus al-Muhit*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 2003, 342 ; Ibnu Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut, 1990, j.4,10.

¹⁶⁶ Al-Sarakhsy, *Al-Mabsut*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1986, j.15, 74.

¹⁶⁷ Al-Dusuqi, *Hasyiah al-Dusuqi 'la al-Syarh al-Kabir*, Dar al-Firk, Beirut, t.t, j.4, 2.

¹⁶⁸ Al-Dardir, *Al-Syarh al-Kabir ma'a Hasyiah al-Dusuqi*, Dar al-Firk, Beirut, t.t, j.4, 2.

¹⁶⁹ Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), 2: 449.

Maksudnya: *Aqad* ke atas manfaat yang ditujukan dan diketahui, di mana ia boleh diperolehi melalui bayaran tertentu terhadap sesuatu yang diharuskan dengan bayaran tertentu.

Mazhab Hanbali pula telah mentakrifkannya sebagai

"عقد على منفعة مباحة معلومة مدة معلومة من عين معينة أو موصوفة في الذمة أو
عمل معلوم بعوض معلوم"¹⁷⁰

Maksudnya: *Aqad* ke atas manfaat tertentu yang dibenarkan, pada satu tempoh tertentu, pada 'ayn tertentu atau dalam tanggungan liabiliti atau satu kerja dengan bayaran tertentu.

Manakala fuqaha' semasa seperti Sayyid Sabiq mentakrifkan *ijarah* sebagai

"عقد على المنفعة بعوض"

Maksudnya : *Aqad* ke atas manfaat dengan bayaran.¹⁷¹

Ternyata dari takrif-takrif tersebut, takrif Mazhab Hanbali mengandungi syarat-syarat *ijarah* yang lebih lengkap dari takrif-takrif yang lain dan juga meliputi pembahagian *ijarah* dengan jelas iaitu *ijarah* pada 'ayn, *ijarah* dalam tanggungan liabiliti dan *ijarah* dengan perkerjaan atau perkhidmatan. Dari takrif-takrif tersebut juga pada hakikatnya *ijarah* adalah penjualan manfaat iaitu pemindahan hak guna (manfaat) atas suatu barang atau perkhidmatan atau pekerjaan dalam waktu tertentu melalui pembayaran atau upah tanpa diikuti dengan pemindahan milikan barang itu sendiri. *Aqad ijarah* tidak ada perubahan milik tetapi hanya perpindahan hak guna sahaja dari pemberi sewa kepada penyewa.

¹⁷⁰ Al-Futuhi, *Muntaha al-Iradat*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1999), 3: 64.

¹⁷¹ Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1983) 3: 198.

2.5.2 Hukum dan Dalil *Al-Ijarah*

Ijarah merupakan sebuah *aqad* yang diharuskan atau dibolehkan dalam Islam. Allah SWT menjadikannya sebagai salah satu *aqad* yang memudahkan urusan hidup manusia. Para fuqaha bersepakat tentang hukum disyariatkan *ijarah* berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, sunnah dan ijma' yang menunjukkan keharusan *ijarah* itu sendiri daripada dalil-dalil tersebut:

فَإِنْ أَرْضَعْتَ لَكُمْ فَأَتُؤْهِنَّ أُجُورَهُنَّ

Maksudnya: kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya.

(At-talaq: 6)

Rasulullah s.a.w juga bersabda yang bermaksud:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حُمَّادٍ الْمَكِيُّ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى عَنْ جَدِّهِ عَنْ أَبِيهِ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا بَعَثَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا رَعَى الْعَنْمَ فَقَالَ أَصْحَابُهُ وَأَنْتَ فَقَالَ نَعَمْ كُنْتُ أَرْعَاهَا عَلَى قَرَارِبِهِ لِأَهْلِ مَكَّةَ

Dari Abu Hurairah *radiallahu anhu* dari Nabi *shallallahu alaihi wasallam* bersabda: Tidaklah Allah mengutus seorang Nabi melainkan dia mengembalakan kambing. Para sahabat bertanya: Termasuk engkau juga? Maka Beliau menjawab: Ya, aku pun mengembalakannya dengan upah beberapa *qirat* (keping dinar) milik penduduk Makkah.¹⁷²

Para fuqaha' juga telah bersepakat tentang keharusan *ijarah* kerana manusia berhajat untuk menggunakan manfaat sesuatu sama seperti keperluan mereka kepada barang-barang. Justeru itu apabila jual beli barang-barang diharuskan, maka *aqad ijarah* ke atas manfaat juga diharuskan.¹⁷³

2.5.3 Rukun dan Syarat *Al-Ijarah*

Ada dua pendapat fuqaha terhadap rukun *ijarah* seperti berikut:

¹⁷² Ensiklopedia Kitab 9 Imam Hadis, Kitab Bukhari, hadith no 2102.

¹⁷³ Al-Kasani, *Bada'i' al-Sanai'*, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1982), 4:174.
261 Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 6:5.

Pendapat mazhab Hanafi mereka berpendapat bahawa rukun *ijarah* ialah *sighah* yang terdiri daripada tawaran pemberi sewa (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) penyewa.¹⁷⁴ Manakala jumhur fuqaha' daripada Mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa rukun *ijarah* terbahagi kepada tiga secara keseluruhan dan enam secara terperinci seperti berikut:

- 1- *Sighah* yang terdiri daripada tawaran pemberi sewa (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) penyewa.
- 2- *Mu'ajjir* dan *musta'jir* yang meliputi pihak-pihak yang beraqad iaitu pemberi sewaan (*mu'ajjir*) dan penyewa (*musta'jir*).
- 3- Manfaat dan *ujrah* yang meliputi manfaat yang akan digunakan oleh penyewa dan bayaran sewaan ke atas penggunaan manfaat tersebut.¹⁷⁵

Fuqaha' telah menetapkan syarat – syarat rukun *ijarah* ianya mengandungi syarat *sighah*, syarat *mua'jir* dan *musta'jir* dan syarat *manfaah* dan *ujrah*. Sebagai penjelasan ringkas kepada syarat rukun tersebut, terdapat beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh fuqaha' antaranya:

2.5.3.1 Syarat-Syarat *Sighah*

Secara umumnya *sighah* yang terdiri daripada *ijab* dan *qabul* akan diterima sama ada ia berlaku dalam bentuk perkataan yang terus terang (*sorih*) atau sebaliknya (*kinayah*). *Sighoh* juga kebiasaannya diterima pakai (*urf*) mengikut sebahagian mazhab Maliki dan setengah Syafi'i, menurut mereka apa yang penting adalah persetujuan dan keredhaan pihak-pihak yang beraqad tercapai.¹⁷⁶

¹⁷⁴ Al-Haskafi, *al-Dur al-Muhtar Hashiyah Rad al-Muhtar*, (Beirut: Dar al-Fikr ,1992), 6:5.

¹⁷⁵ Al-Mauwaq, *Al-Taj wa al-iklil bi Hamish Mawahib al-jalil*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t), 5:389.

¹⁷⁶ Al-Nawawi, *Raudhah al-Talibin*, (Beirut: Dar 'alim al-Kutub, 2003), 4: 247.

2.5.3.2 Syarat-Syarat *Mu’ajir* dan *Musta’jir*

Secara umumnya disyaratkan pihak yang beraqad *mu’ajir* dan *musta’jir* memiliki kelayakan (*ahliah*), iaitu berakal dan dapat membezakan baik dan buruk (*tamyiz*). Jika salah satu pihak adalah orang gila atau anak kecil, maka aqadnya tidak sah kecuali telah mendapat keizinan dari walinya. Sementara mazhab Syafi’i dan Hanbali menyatakan tentang syarat lain, iaitu baligh. Walaupun kanak-kanak atau anak kecil itu sudah *mumayyiz*, dikirakan masih tidak sah sekiranya belum baligh, dan disyaratkan juga aqad *ijarah* dilakukan dengan pilihan sendiri dan kerelaan diri sendiri oleh kedua-dua belah pihak.

2.5.3.3 Syarat- Syarat Manfaat dan *Ujrah*

Oleh kerana manfaat adalah suatu keadaan yang bergantung kepada sesuatu perkara lain, maka beberapa syarat telah digariskan terhadap objek sewaan yang boleh digunakan manfaatnya. Jika diteliti kepada karya-karya fiqah silam, fuqaha’ (berdasarkan kepada *urf* zaman tersebut) telah meletakkan syarat bahawa objek sewaan mestilah dalam bentuk *ayn* (aset ketara). Namun jika dilihat kepada perkembangan fiqah Islam, majoriti ulama semasa telah mengharuskan hak ekonomi dalam harta intelek. Dalam erti kata yang lain harta intelek yang berbentuk manfaat boleh dijual beli, disewa dan seumpamanya. Perkembangan ini amat menarik dalam membangunkan produk-produk kewangan Islam yang berbentuk manfaat menurut prinsip *ijarah*.

i) Syarat Manfaat

Secara umumnya syarat-syarat yang telah digariskan bagi manfaat ialah:

- a) Diketahui sama ada dari sudut tempoh atau tujuannya.
- b) Diharuskan oleh Syarak (*naqd*) atau barang (*‘ayn*) dan manfaat.¹⁷⁷
- a) Mampu menyerahkan objek sewaan.¹⁷⁸

¹⁷⁷ Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 2: 452; Al-Sarakhsy, *Al-Mabsut*, 15:139; Al-Buhuti, *Syar al- Muntaha al-Iradat*, 4:10.

¹⁷⁸ Ibnu Juzay, *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*, Beirut : Dar al-Qalam, t.t., h. 181.

ii) Syarat *Ujrah* (Bayaran Sewaan)

Fuqaha' sepakat dalam meletakkan syarat ujrah, antaranya:

- 1) Ia merupakan dalam kategori harta yang bernilai dan diketahui jumlahnya.
- 2) Fuqaha' telah menggariskan satu kaedah bahawa setiap sesuatu yang boleh dijadikan sebagai bayaran harga dalam kontrak jual beli harus dijadikan sebagai bayaran sewaan.¹⁷⁹

Manakala objek sewaan juga tertakluk kepada beberapa syarat yang telah digariskan fuqaha' iaitu:

- a) Mampu menyerahkan objek sewaan
- b) Objek sewaan kekal selepas penggunaan manfaat
- c) Objek sewaan boleh memberi manfaat kepada penyewanya
- d) Mengetahui objek sewaan secara tepat
- e) Hak milik objek adalah milik pemberi sewa sepanjang tempoh sewaan.

Justeru sebarang bentuk kos penyelenggaraan dan kerosakan ditanggung oleh pemilik asal melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaian penyewa.¹⁸⁰

2.5.4 Jenis-Jenis *Al-Ijarah*

Fuqaha' telah membagikan *ijarah* kepada dua jenis iaitu *al-ijarah ala a'mal* dan *al-ijarah ali 'ayn*.

Al- ijarah ala a'mal berkaitan dengan pekerjaan atau perkhidmatan, iaitu seorang pekerja dibayar dengan upah di atas pekerjaannya. Pihak yang memberi kerja atau majikan dipanggil *mu'jir* manakala pihak pekerja disebut *musta'jir* dan upah yang dibayar disebut *ujrah* seperti menjahit pakaian, membina rumah, dan lain-lain. *Al-Ijarah 'ala al-a'mal* pula dibagi kepada dua jenis iaitu:

¹⁷⁹

¹⁸⁰ Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 2: 452; Al-Sarakhsy, *Al-Mabsut*, 15:139; Al-Buhuti, *Syar al- Muntaha al-Iradat*, 4:10.

1. *Ijarah khusus* iaitu *ijarah* yang dilakukan oleh seorang pekerja yang bekerja dan pekerja itu tidak boleh bekerja selain daripada orang yang telah memberinya upah atau majikannya. Hukumnya orang yang bekerja tidak boleh bekerja selain dengan orang yang memberinya upah, contohnya pembantu rumah.
2. *Ijarah musytarak* iaitu *ijarah* dilakukan secara bersama-sama atau melalui kerjasama dengan orang lain.

Manakala *al-ijarah ala 'ayn* iaitu sewaan menggunakan manfaat sesuatu '*ayn* yang dimiliki oleh pemilik sewa '*ayn* dengan memindahkan hak untuk menggunakan manfaat barang tertentu kepada orang lain dengan pembayaran upah sewa. Pihak yang menyewa disebut *musta'jir*, pihak yang menyewakan disebut *mua'jir* dan upah sewa disebut *ujrah* seperti sewa rumah kereta dan sebagainya.¹⁸¹

Hukum *al-ijarah ala a'yan*

Ijarah ala a'yan atau dikenali sebagai sewa manfaat ialah seperti sewa rumah, kedai, bangunan, binatang untuk tunggangan dan sewa tanah untuk kegunaan.

Kontrak sewa adalah harus dilakukan ke atas manfaat-manfaat yang harus. Tetapi tidak harus ke atas manfaat-manfaat yang haram. Oleh kerana ianya haram maka tukarannya tidak boleh diambil. Kedudukannya sama seperti bangkai dan darah. Perkara ini dipersetujui oleh seluruh ulamak. Cara sabitan kontrak *ijarah* ke atas manfaat-manfaat yang harus menurut ulamak mazhab Maliki dan Hanafi ialah ia sabit secara sedikit demi sedikit mengikut kewujudan atau terjadinya manfaat, sebab manfaat berlaku dan diambil sedikit demi sedikit. Manakala menurut pandangan ulamak mazhab Syafi'i dan Hanbali hukum sewa sabit ketika itu juga (ketika kontrak) dan dianggap tempoh sewa sudah ada atas anggapan seolah olah ia (manfaat) suatu '*ain* (barang) yang wujud.

¹⁸¹ Ibnu Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1989), 2:171.

Ekoran daripada perselisihan pendapat ini maka telah disabitkan pemilikan ke atas bayaran sewa sebaik sahaja berlangsungnya kontrak, sekiranya kontrak sewa itu berbentuk mutlak. Ini adalah pendapat mazhab Syafi'i dan Hanbali kerana kontrak sewa adalah kontrak tukaran (*mu'awadah*). Dalam kes kontrak tukaran jika kontrak itu berbentuk mutlak (tanpa batasan syarat) maka pemilikan pada kedua-dua barang tukaran itu disabitkan sebaik sahaja kontrak berlangsung sama seperti kontrak jual beli.

Di sisi ulamak mazhab Hanafi dan Maliki, sewa itu tidak dimiliki hanya berdasarkan kontrak itu sendiri. Tetapi ia berkuatkuasa sedikit demi sedikit mengikut sebanyak mana manfaat digunakan. Oleh itu orang yang memberi sewa tidak berhak menuntut bayaran sewa kecuali secara beransur sehari demi sehari. Ini adalah kerana kontrak tukaran berbentuk mutlak tanpa syarat, jika tidak disabitkan pemilikan pada salah satu barang tukaran maka ia tidak disabitkan juga pada yang lain kerana persamaan dalam kontrak perlu dikuatkuasakan antara dua pihak yang berkontrak.

2.5.5 Penamatan Akad *Al-Ijarah*

Ijarah adalah jenis aqad yang tidak boleh difasakhkan oleh salah satu pihak, kerana *ijarah* merupakan aqad pertukaran yang *lazim*, kecuali bila didapati adanya hal-hal yang mewajibkan fasakh. Antaranya ialah:

- 1) *Ijarah* akan menjadi fasakh apabila pihak beraqad membatalkan akad dengan *iqolah* (persetujuan diantara dua pihak untuk membatalkan aqad).
- 2) Berakhirnya masa yang telah ditentukan dan telah selesai pekerjaan.
- 3) Manfaat yang disewakan hancur atau rosak.
- 4) Salah satu pihak meninggal dunia mengikut mazhab Hanafi.¹⁸²

¹⁸² Bank Negara Malaysia “Policy Document Ijarah” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2018), 24.

2.6 *Al-Tawarruq*

2.6.1 Definisi *Al-Tawarruq*

Menurut pengertian bahasa, *al-tawarruq* berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *al-waraq* atau *al-wariq* yang membawa makna dirham atau logam perak yang telah dibentuk menjadi wang perak.¹⁸³ Menurut Ibn Manzur, *al-waraq* dapat diertikan sebagai daun atau duri pokok.¹⁸⁴ Ibn Faris mendefinisikannya sebagai daun atau duri pokok.¹⁸⁵ Dalam al-Quran, perkataan *al-wariq* (wang perak) hanya digunakan pada satu tempat sahaja sebagaimana firman Allah SWT:

فَابْعَثُوا أَحَدَكُم بِرِّيقَكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ

Terjemahan: Maka utuslah salah seorang dari kalangan kamu dengan wang perak kamu ini untuk pergi ke bandar.

(Al-kahfi:19)

Jelasnya, penggunaan perkataan *al-wariq* banyak terpakai dalam transaksi yang melibatkan wang tunai. Sedangkan perkataan *tawarruq* dari sudut istilah tidak dibahaskan dalam kitab-kitab fuqaha Hanafi, Maliki dan Shafi'i sehingga tahun 204 Hijrah. Perbahasan secara khusus hanya terdapat dalam kitab-kitab fiqh selepas tahun 241 Hijrah.¹⁸⁶

Meskipun tiada penemuan takrifan secara khusus oleh ulama Hanafi, Maliki dan Shafi'i, namun perbincangan yang berkait rapat dengan akad tawarruq secara tidak

¹⁸³ Mohamed Fairooz Abdul Khir dan Marjan Muhammad *et al.*, ‘Hiyal dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam’ (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara kali ke-4, Putrajaya International Convention Centre, 10 - 11 Nov 2010), 44.

¹⁸⁴ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar Sadir, 1993), 1:374. Ibrahīm Fāḍil al-Dābū, “al-Tawarruq, haqīqatuhu, anwā'uhu (al-Fiqhī al-Ma'rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)”

¹⁸⁵ Ibn Faris, *Mu'jam al-Lughah* (Amman: Dār al-Turāth, 1984), 3:922.

¹⁸⁶ Ibrahīm Fāḍil al-Dābū, “al-Tawarruq, haqīqatuhu, anwā'uhu (al-Fiqhī al-Ma'rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” Munazzam (Makalah, persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islami ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 68.

langsung¹⁸⁷ dapat ditemui dalam penulisan Ibn Taymiyyah¹⁸⁸ dan al-Najdi¹⁸⁹ yang menyebut berkaitan transaksi-transaksi yang menyerupai aplikasi *al-tawarruq al-fiqhi* dalam karya-karya mereka.

Sementara itu, perbincangan berhubung akad *tawarruq* boleh ditemui dalam pelbagai karya fuqaha Hanbali. Antara ulama Hanbali yang menyebut tentang *tawarruq* ialah al-Buhuti. Beliau menyatakan sekiranya terdapat seseorang yang memerlukan tunai, lalu dia membeli komoditi yang bersamaan harga satu ribu dengan harga yang lebih tinggi untuk dijual bagi memperoleh wang, maka transaksi ini dinamakan *tawarruq*.¹⁹⁰ Perbincangan berkisar *tawarruq* ini juga dinyatakan oleh Ibn Muflīḥ dalam karyanya.¹⁹¹

Penggunaan perkataan *tawarruq* lebih masyur diguna pakai dalam kalangan ulamak Hanbali. Sebaliknya fuqaha klasik Hanafi, Maliki dan Shafi'i lebih cenderung menyatakan bentuk *tawarruq* melalui contoh dan aplikasi akad yang lain seperti *bay'* *Inah* dan *bay' Mu'ajjal*. Meskipun begitu, perbahasan yang lebih khusus dan terperinci berkaitan takrifan dan konsep kontrak *tawarruq* dapat dilihat dalam perbahasan sarjana Syariah semasa.

Perkembangan kewangan Islam masa ini telah memilih kontrak *tawarruq* sebagai instrumen yang sering diguna pakai dalam pelbagai produk kewangan Islam. Rentetan itu, ulama kontemporari pelbagai mazhab mula membahaskan konsep *tawarruq* secara terperinci. Pendefinisan secara berstruktur dan khusus telah diberikan oleh fuqaha

¹⁸⁷ Hussein Azeemi, Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi—I Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (Disertasi: Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014) 36.

¹⁸⁸ Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim, *Majmū' al-Fatāwa* (Madinah: Mujamma' al-Mālik Fadh li Tibā'ah al-Muṣṭafā al-Shārif, 2004), 29:225.

¹⁸⁹ Al-Najdi, 'Abd al-Rahman bin Muhammad, *Hāshiyah al-Rawḍ al-Murbi'* (Riyad: Dār al-Watan, 1992), 4:389.

¹⁹⁰ Al-Buhūti, *Sharḥ Muntahā al-Irādat* (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t), 2:158.

¹⁹¹ Ibn Muflīḥ, *al-Mubdi' Sharḥ al-Muqni'* (Beirūt: al-Maktaba al-Islāmi, 1980), 2:49.

kontemporari dengan syarat-syarat yang dapat menjaga keaslian konsepnya dan tidak menyalahi peraturan Syarak.¹⁹²

Berdasarkan penelitian, definisi yang diberikan fuqaha' kontemporari terhadap transaksi *tawarruq* lebih terperinci. Ibn Bāzz dalam fatwanya telah menampilkan beberapa contoh akad *tawarruq* bagi memperincikan pendefinisian konsep ini. Menurut beliau *tawarruq* merupakan tindakan seseorang yang memerlukan kecairan wang dengan membeli komoditi menggunakan jumlah dirham tertentu dengan bayaran tangguh. Kemudian beliau menjualnya kepada pihak yang bukan daripada penjual asal bagi memenuhi hajatnya seperti berkahwin, membina rumah dan sebagainya.¹⁹³ Fuqaha kontemporari lain seperti Ibrahim Al-Zuhaily¹⁹⁴ Taqī al-Uthmānī¹⁹⁵, Fādil al-Dābū¹⁹⁶ daripada Bahrain, fuqaha Kuwait iaitu Ḥasan ‘Alī al-Shazālī¹⁹⁷ dan Said Bouheraoua¹⁹⁸ memberikan pendefinisian yang tidak jauh beza daripada takrifan yang diberikan oleh al-Buhūti.

Pada waktu yang sama, organisasi pengawalseliaan institusi kewangan Islam juga membahaskan transaksi *tawarruq*. Umpamanya, *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Rābitah al-‘Ālam al-Islāmī* mendefinisikan *bay‘ al-tawarruq* sebagai membeli sesuatu barang yang ada dalam kekuasaan dan milik penjual dengan bayaran tangguh, kemudian pembeli

¹⁹² Ibrahīm Fādil al-Dābū, “al-Tawarruq, haqīqatuhu, anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam),” 68.

¹⁹³ Ibn Bāzz, “Fatwa Tawarruq” dicapai pada 30 Februari 2021, <https://binbaz.org.sa/fatwas>.

¹⁹⁴ Wahbah al-Zuhaily, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhi al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” (Makalah, persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 789.

¹⁹⁵ Muhammad Taqī al-Uthmānī, “Ahkam al-Tawarruq wa Taṭbiqatuhu al-Masrafiyah” (Makalah, persidangan Majma‘al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 519.

¹⁹⁶ Ibrahīm Fādil al-Dābū, “al-Tawarruq, Haqīqatuhu wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam),” 68.

¹⁹⁷ Ḥasan ‘Alī al-Shazālī, “al-Tawarruq Haqīqatuhu wa Ḥukmuhu wa al-farqu Bainahu wa Bainā al-‘Inah al-Tawarruq”(Makalah, persidangan Majma al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 110.

¹⁹⁸ Sa‘īd Bouheraoua, “al-Tawarruq al- Masrafi Dirāsah Taḥliliyyah Nuqūdiyyah Li Arā‘a al-Fiqhiyyah” (Makalah, persidangan Majma‘al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 348.

tersebut menjualnya kepada pihak ketiga yang bukan merupakan daripada pihak pertama secara tunai, bertujuan mendapatkan kecairan wang.¹⁹⁹ AAOFI pula mendefinisikan tawarruq sebagai proses mendapatkan komoditi pada bayaran tangguh dengan harga *murābahah (mark-up sale)*, dan dijual kepada pihak ketiga secara tunai bagi mendapatkan wang tunai.²⁰⁰

Rumusannya, *tawarruq* merupakan satu proses bagi mendapatkan tunai yang melibatkan tiga pihak. Proses ini berbeza dengan *bay‘ al-‘inah* yang hanya memerlukan dua pihak. Ia dinamakan *bay‘ al-tawarruq* kerana ketika membeli aset tersebut secara kredit, pihak yang melakukan kontak tidak berniat untuk menggunakan atau memanfaatkan aset tersebut, sebaliknya hanya ingin mendapatkan kecairan tunai atau memperolehi keuntungan hasil daripada jualan aset tersebut.²⁰¹ Di samping penggunaan istilah *tawarruq*, transaksi ini juga dikenali sebagai komoditi *murābahah*. Sehingga kini, ia digunakan secara meluas dalam perbankan Islam merangkumi produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset dan pengurusan risiko.²⁰²

2.5.3 Rukun dan Syarat *Al-Tawarruq*

Transaksi jual beli merupakan suatu akad dan setiap akad itu berhajatkan kepada rukun-rukun dan setiap rukun memerlukan syarat-syarat pelengkapnya yang tertentu. Rukun serta syarat ini perlu dipenuhi bagi menjamin kesahihan akad seterusnya menerbitkan implikasi hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.²⁰³ *Al-Tawarruq* sebenarnya merupakan satu instrumen yang dimanifestasikan daripada gabungan beberapa akad *al-*

¹⁹⁹ Al-Māni‘, al-Ta’sil al-Fiqhī li al-Bay‘ al-Tawarruq fi Daw‘i al-Iḥtiyajāt al-Tamwiliyyah al-Mu‘āsirah. 354.

²⁰⁰ Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, Shari‘ah Standards (AAOIFI: Bahrain, 2015), 753.

²⁰¹ Wizārat Al-Awqāf wa Al-Shu‘ūn al-Isāmiyyah, Al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah (Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn, 1983), 14:147.

²⁰² Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Kuala Lumpur, BNM, 2010), 94.

²⁰³ Zulkifli Mohamad, *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi‘i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 20.

bay' (jual beli) sekaligus, perbincangan mengenai rukun *al-tawarruq* adalah merujuk kepada perbahasan rukun '*aqd al-bay*' itu sendiri.

Merujuk kepada pandangan majoriti mazhab (Maliki, Shafi'i dan Hanbali), *al-bay*' mengandungi tiga rukun seperti berikut:

- i) Pihak-pihak yang berkontrak (*al-muta'aqidan*) yang merujuk kepada penjual dan pembeli.
- ii) Lafaz kontrak (*al-sighah*) yang mengandungi unsur penawaran (*ijab*) serta penerimaan (*qabul*).
- iii) Komoditi (*al-ma'qud 'alayh*) yang menjadi tumpuan akad.²⁰⁴

Manakala al-Hanafiyah pula menyatakan bahawa rukun *al-bay*' hanya dua sahaja iaitu, *ijab* dan *qabul* yang bertujuan untuk membuat pertukaran barang.²⁰⁵ Perbezaan ini hakikatnya berlaku dari sudut teknikal sahaja kerana semua fuqaha' bersetuju bahawa pada asasnya, jual beli dilaksanakan agar penjual dapat menikmati keuntungan hasil jualan dan pengguna dapat memanfaatkan barang yang dibeli dalam keadaan mereka mencapai kesepakatan atau rela.

Syarat Pihak-Pihak Berakad

Pihak-pihak yang berakad dalam transaksi *al-tawarruq* mestilah:

- a) Mempunyai *ahliyyah al-ada'* iaitu sempurna akal, baligh, merdeka serta terhindar dari belenggu muflis.²⁰⁶
- b) Berlaku *al-taradi* (kerelaan) dan *al-ikhtiyar* (pilihan sendiri) antara pihak-pihak berkontrak tanpa dipengaruhi unsur paksaan.²⁰⁷

²⁰⁴ Al-Zuhayli, Wahbah, *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1985), 4:347.

²⁰⁵ Ibid., 348.

²⁰⁶ BIRT, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 1998), 10.

²⁰⁷ Zaharuddin Abd Rahman, *Contracts & The Products of Islamic Banking*, 6.

Syarat Lafaz Kontrak

Ijab dan *qabul* mestilah:

- a) Dimetrai dalam satu majlis dalam tempoh yang tidak terlalu lama tanpa diselangi dengan perkara lain.²⁰⁸
- b) Dimetrai secara jelas bertujuan untuk melahirkan kerelaan antara pihak yang berakad. Maka setiap tutur kata, tulisan dan isyarat (bagi yang bisu) hendaklah menyampaikan maksud bahawa kesan jual beli akan berkuatkuasa selepas berlangsungnya akad. Contohnya dengan menggunakan lafaz tawaran “saya jual” lalu disambut dengan lafaz penerimaan “saya beli” atau apa saja lafaz yang membawa erti jual beli.
- c) Akad berlaku secara *najiz* (serta merta) tanpa digantung dengan syarat pada masa hadapan.

Syarat Subjek Akad (*mahal al- ‘aqd*)

Subjek akad dalam kontrak tawarruq terbahagi kedua dua iaitu aset iaitu komoditi dan juga harga. Komoditi yang menjadi subjek akad jual beli *al-tawarruq* mestilah menepati syarat-syarat berikut:

- a) Komoditi mestilah wujud pada masa akad dilaksanakan dan ia dimiliki oleh penjual.²⁰⁹
- b) Komoditi mestilah mampu untuk dipindah milik (*qabd*) kepada pembeli.
- c) Komoditi mestilah boleh dimanfaatkan dan berharga (*mal al-mutaqawwam*) pada kaca mata Syarak.

²⁰⁸ Wan Nazman Wan Mahmud, “BayÑ Bithaman Ajil dan Perlaksanaannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad” (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 72.

²⁰⁹ ‘Ali Haydar, *Durar al-Hukkam fi Sharh Majallah al-Ahkam*, perkara 197 (Riyadh: Dar ÑAlim al-Kutub, 2003), 1:177.

d) Komoditi mestilah jelas pada pengetahuan pembeli dan ditentukan sifat, kuantiti serta harganya.

e) Komoditi mestilah tidak bercanggah dengan kehendak akad itu sendiri²¹⁰ serta menepati undang-undang Syarak.²¹¹

Sementara harga pula perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a) Harga yang digunakan bagi setiap kontrak jual beli dalam tawarruq hendaklah ditentukan dan dipersetujui bersama oleh pihak yang berkontrak ketika melaksanakan setiap kontrak jual beli masing-masing.
- b) Akad jual beli tawarruq secara murabahah mestilah memenuhi syarat harga dalam jualan termasuk pendedahan kos dan keuntungan.
- c) Harga setiap kontrak jual beli dalam tawarruq boleh dibayar pada bila-bila masa selepas menandatangani kontrak dan atas apa-apa terma yang mungkin dipersetujui oleh pihak yang berkontrak.
- d) Pihak yang berkontrak boleh bersetuju bersama untuk menjadualkan semula pembayaran tempoh baki hutang yang timbul daripada kontrak jual beli.²¹²

Jika dilihat keseluruhan syarat jual beli yang ditetapkan oleh sarjana fiqh, kebanyakannya adalah bertujuan supaya akad yang terlaksana jelas pada pengetahuan pihak-pihak berkontrak tanpa terjebak ke dalam masalah *gharar* atau *jahalah* yang mana ia boleh mencetuskan konflik antara pihak yang berkontrak.

²¹⁰ Abdul Hakam Ridlwan, “Aplikasi Konsep Tawarruq Dalam Produk FRIA-I di CIMB Islamic Berhad”, 55.

²¹¹ Abdullah Alwi Hassan, *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 79-117; Zaharuddin Abd Rahman, *Contracts & The Products of Islamic Banking*, 12.

²¹² Bank Negara Malaysia “Policy Document Tawarruq” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2018).

2.5.3 Jenis-jenis kontrak *Al-Tawarruq*

Secara asasnya pembiayaan *al-tawarruq* dapat dikategorikan kepada empat jenis:

2.5.3.1 *Al-Tawarruq Al-Fardi/ Fiqhī (Tawarruq Secara Individu)*

Akademi Fiqh Islam mentakrifkan ia sebagai pembelian komoditi yang diperolehi dan dimiliki oleh penjual dengan cara pembayaran bertangguh yang mana pembeli akan menjual semula komoditi tersebut secara tunai kepada pihak lain iaitu selain daripada penjual asal untuk memperolehi tunai.²¹³

2.5.3.2 *Al-Tawarruq Al-Munazzam (Tawarruq Terancang)*

Tawarruq Munazzam ialah transaksi apabila penjual membuat segala aturan untuk mendapatkan tunai bagi *mutawarriq* (pihak yang mahukan tunai) dengan menjual komoditi kepadanya secara bertangguh kemudian menjual semula komoditi tersebut bagi pihak *mutawarriq*. Hasil daripada jualan tersebut akan diberikan kepada *mutawarriq*.²¹⁴

2.5.3.3 *Al-Tawarruq Al-Ma'rafī (Tawarruq Dalam Perbankan)*

Transaksi ini dilakukan oleh pihak bank dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan iaitu komoditi (selain emas atau perak) daripada pasaran komoditi antarabangsa atau pasaran lain dijual kepada *mutawarriq* dengan bayaran secara bertangguh, berdasarkan syarat-syarat yang mengikat samada dinyatakan dalam kontrak atau difahami secara adatnya. Pihak bank akan mewakili pihak *mutawarriq* untuk menjual komoditi tersebut kepada pembeli lain untuk mendapatkan tunai, setelah memperolehi bayaran tersebut, ia akan diberikan kepada pihak *mutawarriq*.²¹⁵

²¹³ Sa'id Bouheraoua, "Al-Tawarruq al-Maṣrafi: Dirāsah Tahlīliyyah Naqdiyah lil al-Ārā' al-Fiqhiyyah".7.

²¹⁴ Ibid


²¹⁵ Ibid

2.5.3.4 *Al-Tawarruq Al-‘Aksī* (*Tawarruq* Berbalik)

Ia adalah satu transaksi yang sama seperti *tawarruq* terancang kecuali dalam transaksi ini, pihak bank berperanan sebagai pelanggan yang memerlukan wang tunai. Secara mudahnya *tawarruq* berlaku ketika mana pihak pelanggan (depositor) melantik pihak bank sebagai wakilnya untuk membeli komoditi yang terhad dan pelanggan tersebut akan membayar harga kepada pihak bank secara tunai.²¹⁶ Pihak bank akan membeli komoditi tersebut daripada pelanggan secara kredit, dengan ketetapan keuntungan yang telah dipersetujui bersama.

Rajah di bawah menjelaskan struktur *tawarruq al-fiqhī* dan juga *tawarruq al-munazzam*.

Rajah 2.1: Struktur *tawarruq al-fiqhī*




Sumber: Analisis pengkaji

- 1) Pembeli pertama membeli barang secara ansuran daripada penjual pertama.
- 2) Penjual menjualnya kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang rendah dengan tujuan untuk mendapatkan tunai dengan segera.

Dalam formasi sebegini, pihak ketiga tidak mempunyai kaitan langsung dengan penjual pertama.

²¹⁶ Sāmī ibn Ibrāhīm al-Suwaylim, “*Muntajāt al-Bay‘ al-Tawarruq Al-Masrafiah*” (makalah, Persidangan Akademi Fiqh Islami Antarabangsa, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 2009).

Rajah 2.2 : Tawarruq al-munazzam



Sumber: Analisis pengkaji

- 1) Bank membeli komodi secara tunai daripada broker A.
- 2) Broker A menyerahkan komoditi tersebut kepada bank.
- 3) Pengguna membeli komoditi secara murabahah dengan bayaran tertangguh (kos + keuntungan).
- 4) Bank menyerahkan komoditi yang telah dibeli kepada pengguna.
- 5) Broker B membeli komoditi daripada pembeli secara tunai.
- 6) Pengguna menyerahkan komoditi tersebut kepada broker B.

Jadi, pengguna akan mendapatkan tunai dengan bayaran tangguh kepada bank.

Perbezaan Antara *Tawarruq al-fiqhī* dan *Tawarruq al-munazzam*

Jadual 2.1 di bawah merupakan rumusan kepada perbezaan konsep dan perlaksanaan *tawarruq al-fiqhī* dan *tawarruq al-munazzam*.

Jadual 2.1: Perbezaan *Al-Tawarruq al-fiqhī* dan *al-Tawarruq al-Munazzam*

	<i>Al-Tawarruq Al- Fiqhī</i>	<i>AL-Tawarruq Al-Munazzam</i>
1	Tidak mempunyai aturan awal	Mempunyai aturan awal yang dilakukan oleh pihak Bank. Iaitu Dari aspek penentuan pihak pembeli komoditi dan hasil keuntungan sebelum transaksi dilakukan.
2	Tidak melibatkan kontrak <i>wakālah</i> dalam kontrak.	Melibatkan kontrak <i>wakālah</i> . Di Malaysia, melibatkan dua elemen <i>wakālah</i> .
3	Diterima oleh majoriti fuqaha (Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali).	Tidak diterima sebahagian fuqaha antaranya fuqaha <i>Majma' Fiqh al-Islāmi</i> .
4	Pemindahan pemilikan secara fizikal dan jelas.	Perpindahan “pemilikan secara konstruktif semata-mata (<i>qabd hukmi</i>). Ia hanya melibatkan dokumen sahaja.”
5	Tidak melibatkan konsep <i>wa'd</i> dalam kontrak.	Melibatkan konsep <i>wa'd</i> dalam kontrak.

Sumber: Analisis pengkaji

2.5.4 Pandangan Ulama' Terhadap *Bay Al-Tawarruq*

Terdapat dua pandangan berbeza terhadap keharusan kontrak tawarruq iaitu:

2.5.4.1 Golongan Menerima *Bay Al-Tawarruq*

Antara fuqaha' yang membenarkan tawarruq ialah salah seorang fuqaha tābi‘īn iaitu Sa‘īd al-Musayyib. Dalam kenyataannya berkaitan dengan situasi berkenaan seseorang yang menjual barang kepada seseorang secara tangguh, kemudian orang tersebut meminta beliau menjual semula barang tersebut secara tunai di pasaran. Sa‘īd al-Musayyib menyatakan keharusannya jika tidak disertai oleh penjual asal. Ini jelas menunjukkan penerimaan Sa‘īd al-Musayyib terhadap *tawarruq* selagi mana pihak penjual asal tidak terlibat dengan transaksi kedua.²¹⁷

²¹⁷ Ibn Abī Shaybā, *Muṣannaf Ibn Abī Shaybā* (India: Dār Al-Salafiyyah, t.t), 8:295.

Secara asasnya, pandangan fuqaha' Hanafi berkenaan jual beli *tawarruq* boleh ditemui dalam perbahasan *bay' al-'inah*. Akan tetapi, Ibn Hummam yang merupakan pendokong mazhab Hanafi, dalam ulasannya menunjukkan keharusan jual beli yang berbentuk *tawarruq*.²¹⁸ Beliau menyatakan jika seseorang yang membeli pakaian daripada satu pihak, kemudian menjualnya kepada pihak yang lain, maka ia tidak makruh. Melalui kenyataan tersebut, jika jualan semula barang dilakukan kepada pihak ketiga, maka ia dibenarkan. Sebaliknya jika dilakukan kepada pihak penjual asal, hukumnya adalah makruh. Rumusannya bagi fuqaha mazhab Hanafi, transaksi jual beli yang melibatkan tiga pihak (*tawarruq*) diharuskan. Manakala transaksi jual beli yang melibatkan dua pihak (*bay' al-'inah*), iaitu barang yang dibeli kembali kepada penjual asal adalah makruh.

Fuqaha' Maliki tidak menyatakan secara jelas berkenaan status *tawarruq*. Berdasarkan perbahasan fuqaha Maliki, aplikasi kontrak *tawarruq* diharuskan. Imam Malik melarang transaksi *bay' al-'inah* disebabkan oleh komoditi dijual semula kepada penjual asal. Walau bagaimanapun, jika komoditi tersebut dijual kepada pihak ketiga tidak dibahaskan. Al-Qarāfi dalam tulisannya menyatakan beliau hanya melarang jika komoditi tersebut dijual kepada penjual pertama. Jelasnya, berdasarkan perbincangan fuqaha Maliki terhadap konsep jual beli tersebut, dapat disimpulkan jika pembeli menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga (*tawarruq*) ia diharuskan.²¹⁹

Menerusi perbincangan fuqaha Shafī'i, jelas menunjukkan penerimaan yang baik terhadap kontrak *tawarruq*.²²⁰ Hal ini didapati melalui keharusan Imam Shafī'i terhadap kontrak *bay' al-'inah* dalam karyanya *Al-'Umm*.²²¹ Fuqaha Shafī'i merumuskan

²¹⁸ Ibn 'Ābidin, Muhammad Amin, *Hāshiyah Ibn 'Abidin* (Beirût: Dār al-Ma'rifah, 2000), 7:655

²¹⁹ Wizārat Al-Awqāf wa Al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, 14:147.

²²⁰ Mohd Izuwan, "Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad" (Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015),46.

²²¹ Al- Shāfi'ī, *al-'Umm* (Beirût: Dar al-Wafā') 4:33.

keharusannya dengan meneliti zahir kontrak yang diaplikasi. Jika rukun kontrak tersebut dipenuhi dengan baik, maka ia diharuskan. Sebaliknya jika rukun kontrak tersebut gagal dipenuhi, maka ia tidak diharuskan.²²²

Dalam pada itu, Al-Mawardi menyatakan kontrak *al-inah* bukanlah salah satu daripada kontrak yang dilarang. Bahkan ia merupakan satu alternatif bagi mencegah amalan riba yang ditegah.²²³ Rumusannya, melihat kepada pandangan fuqaha mazhab Shafi'i dalam keharusan jual beli *'inah* yang melibatkan dua pihak, maka dapat disimpulkan jual beli *tawarruq* yang melibatkan tiga pihak adalah lebih baik dan diharuskan.²²⁴

2.5.4.2 Golongan Yang Menolak Bay' Al-Tawarruq

Fuqaha' klasik tidak membincangkan secara khusus berkenaan *tawarruq*, tetapi perbincangannya dapat dilihat dalam perbahasan kontrak-kontrak jual beli yang lain. Sebilangan fuqaha' yang tidak mengharuskan aplikasi kontrak ini. Antaranya ialah Muhammad Hassan al-Shaybani. Beliau berpandangan kontrak ini adalah suatu transaksi yang makruh, dan perlu dielak daripada melakukannya. Begitu juga pendapat al-Zaylā'i, salah seorang daripada fuqaha" Hanafi. Beliau berpandangan kontrak *tawarruq* adalah makruh dan dicipta sebagai *hilah* menghalalkan riba.²²⁵

Ibn al-Qayyim semasa beliau membahas berkenaan *tawarruq* menyatakan, niat pelaku transaksi bukanlah untuk memanfaatkan komoditi, bahkan ia dilakukan sebagai jalan mendapatkan tunai dan *hilah* kepada riba, maka ia tidak dibenarkan.²²⁶ Beliau juga menyatakan ia tergolong dalam jual beli orang yang terpaksa. Keadaan ini dapat dilihat

²²² *Ibid.*

²²³ Al-Māwardī, *Al-Hāwī al-Kabīr* (Beirūt: Mu'assasah al-Nāshirah, 1423) 5: 287-290.

²²⁴ *Ibid*

²²⁵ Fakhr al-Dīn Uthmān al-Zaylā'i, *Tabyīn al-Haqā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq* (Bulaq: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, 1897), 4:63

²²⁶ Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn* (Sa'udi: Dār Ibn Jauzī, 1423H) 5:87.

semasa seseorang yang memerlukan tunai dalam keadaan terpaksa seperti pembiayaan peribadi dan pembiayaan perumahan yang menggunakan konsep *bai bithamin ajil* berasaskan konsep tawarruq.²²⁷

2.5.5 Penamatan Kontrak *Al-Tawarruq*

Kontrak jual beli dalam tawarruq tamat dengan perkara-perkara berikut:

- 1) Apabila pihak yang berkontrak telah menjelaskan harga jualan secara penuh.
- 2) Pihak yang berkontrak memindahkan tanggungjawab pembayaran harga jual beli kepada pihak ketiga melalui *hiwalah al-dayn* iaitu perpindahan hutang kepada pihak yang lain.
- 3) Kontrak *tawarruq* juga tamat apabila berlaku pengabaian hak untuk menerima baki harga jualan melalui rebat oleh penjual.
- 4) Berlaku *muqassah* penuh (pelunasan) hutang antara pihak yang berkontrak.

Setelah selesai perkara-perkara yang menamatkan kontrak *tawarruq*, pihak yang berkontrak bebas dari sebarang tanggungjawab kontrak.²²⁸

2.6 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan kontrak yang diguna pakai dalam produk *ar-rahn* di perbankan- perbankan Islam di Malaysia. Dapat diketahui bahawa produk *ar-rahn* yang lama iaitu bermula dari tahun 1992 sehingga tahun 2019 merupakan kontrak hibrid yang menggabungkan beberapa kontrak seperti kontrak *rahn*, *wadiyah*, *qard* dan *ijarah*. Manakala produk *ar-rahn* semasa setelah dimodifikasi bermula tahun 2020 sehingga

²²⁷ Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, *Tahzib al-Sunan* (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, 2007), 3:1637.

²²⁸ Bank Negara Malaysia “Policy Document Tawarruq” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2018), 13.

sekarang menggunakan kontrak *rahn* dan *tawarruq*. Secara teorinya, berdasarkan perbahasan yang telah dijelaskan dalam bab ini, dapat difahami dengan jelas dan terperinci berkaitan kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn* ini segi perbincangan definisi, hukum, dalil, rukun, syarat dan pembatalan kontrak.

BAB 3: MODUS OPERANDI PRODUK *AR-RAHN* DI BANK-BANK TERPILIH

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan tentang modus operandi produk *ar-rahn* yang diaplikasikan di perbankan Islam terpilih. Pengkaji telah memilih dua buah perbankan Islam daripada lima buah perbankan Islam yang menawarkan produk *ar-rahn* sebagai subjek kajian atas sebab-sebab tertentu iaitu Bank Kerjasama Rakyat dan Bank Muamalat. Pengkaji akan menghuraikan terlebih dahulu berkenaan latar belakang institusi perbankan Islam yang dipilih seterusnya diikuti penjelasan tentang modus operandi produk *ar-rahn* yang terbahagi kepada dua iaitu kontrak lama dan semasa, maka pengkaji akan menghuraikan kedua-dua modus operandi yang diguna pakai oleh institusi perbankan Islam tersebut.

3.2 Latar Belakang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Bank Rakyat yang ditubuhkan pada 28 September 1954 di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 yang kini merupakan bank koperasi Islam terbesar di Malaysia dengan memiliki aset berjumlah RM109.62 bilion berakhir Disember 2019. Transformasi daripada sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Syariah sejak tahun 2002 telah menjayakan Bank Rakyat untuk terus mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan saban tahun. Bagi tahun kewangan berakhir Disember 2019, Bank Rakyat telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM1.79 bilion.²²⁹

Dalam konteks kewangan Malaysia, penubuhan koperasi Bank Rakyat agak unik berbanding dengan institusi kewangan yang lain. Keunikan ini dapat dilihat apabila ia bertindak sebagai sebuah koperasi dan pada masa yang sama menggunakan perkataan

²²⁹ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Sekilas Pandang”, laman sesawang Bank Rakyat, diakses 25 Feb 2020, https://www.bankrakyat.com.my/c/mengenai/info_korporat/sekilas_pandang-2

“Bank”, seolah-olah sama dengan institusi perbankan Islam lain. Walau bagaimanapun Bank Rakyat tertakluk di bawah Akta Bank Rakyat 1978, bukannya di bawah pengawasan terus Bank Negara melalui Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Bank Rakyat telah mula menawarkan kemudahan kewangan Islam pada Mei 1993 apabila ia melancarkan sistem perbankan Syariah yang terbuka kepada semua bangsa dan penganut agama. Bank Rakyat telah melancarkan lima produk yang berdasarkan prinsip syariah pada 8 Mei 1993 yang meliputi prinsip perkongsian untung rugi, pengurusan berdasarkan muamalah Islam dan menjalankan aktiviti yang bertetapan dengan landasan syariah Islam.²³⁰

Bank Rakyat juga mengumumkan rancangan untuk mengubah semua kemudahan perbankannya daripada sistem konvensional kepada sistem berteraskan prinsip-prinsip syariah untuk menjadikannya sebagai bank kedua di negara ini yang menawarkan produk Islam sepenuhnya. Selaras dengan hasrat tersebut, beberapa langkah telah diambil seperti menawarkan produk dan perkhidmatan patuh syariah sahaja di seluruh cawangan secara berperingkat.²³¹

Akhirnya menjelang tahun 1995, operasi Bank Rakyat secara rasminya telah bertukar daripada sistem konvensional kepada sistem perbankan Islam sepenuhnya. Ini bermakna semua kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan sama ada yang terdahulu atau yang terkini akan bertukar sepenuhnya kepada sistem perbankan Islam. Sehingga akhir bulan Disember 2000, sebanyak 85 cawangan beroperasi sebagai cawangan syariah sepenuhnya tanpa menawarkan sebarang kemudahan perbankan konvensional kepada pelanggannya. Pihak bank terus berusaha dengan gigih dan

²³⁰ Ab. Mu'min Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam, 1999), 355.

²³¹ Bank Rakyat, “Info korporat, Legasi,” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 8 Februari 2022, https://www.bankrakyat.com.my/c/mengenai/info_korporat/legasi-13

akhirnya pada tahun 2002 semua cawangannya telah beroperasi sebagai bank yang mengamalkan perbankan Islam sepenuhnya.

Bank Rakyat terus mengembangkan produk dan fasiliti pelanggan yang pelbagai serta inovatif. Ia meliputi perbankan konsumen, pembiayaan komersil, simpanan dan pelaburan serta produk perancangan kewangan bagi memenuhi keperluan pelbagai spektrum pelanggan masa kini. Saluran penyampaian yang cekap turut diperluaskan serta sentiasa ditambah baik bagi mengekalkan imej korporat yang mesra untuk menempatkan diri pada asas yang tepat sebagai Bank Pilihan Rakyat. Bank Rakyat juga telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan berkaitan industri mahupun sebagai sebuah organisasi baik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, Bank Rakyat mempunyai 147 cawangan dengan lebih daripada 990 mesin juruwang automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM) serta 183 Ar-Rahnu X'Change di seluruh negara.²³² Bank ini menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan yang lengkap untuk individu dan juga perniagaan di Malaysia. Untuk perbankan peribadi, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan ialah akaun simpanan dan akaun semasa, pembiayaan Islamik dalam bentuk pinjaman peribadi dan pajak gadai, kad kredit dan kad debit Islamik, dan perancangan kewangan untuk wasiat dan pelaburan. Terdapat juga skim perlindungan takaful untuk mereka yang inginkan perlindungan insurans Islamik. Untuk perniagaan pula Bank Rakyat menawarkan produk dan perkhidmatan yang lengkap daripada akaun deposit sehingga kepada pembiayaan untuk perniagaan termasuk skim daripada kerajaan. Tidak ketinggalan juga perkhidmatan

²³² Laman sesawang Bank Rakyat, diakses 25 Feb 2020,
https://www.bankrakyat.com.my/c/mengenai/info_korporat/sekilas_pandang-2

perbankan internet melalui laman web iRakyat memudahkan urusan perbankan secara atas talian.²³³

Pelaksanaan *Ar-rah*n di Bank Rakyat

Pada mulanya idea melaksanakan sistem pajak gadai Islam di Malaysia agar sukar dilaksanakan kerana timbulnya beberapa isu undang-undang yang menghalang pelaksanaan tersebut. Walau bagaimanapun, halangan tersebut dapat diatasi melalui penggunaan prasarana Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) bagi menawarkan kemudahan skim *ar-rah*n. Sebagai sebuah koperasi, Bank Rakyat secara automatik dikecualikan daripada Akta Pemegang Pajak Gadai 1992. Tambahan pula, Bank Rakyat mempunyai banyak cawangan dan ini membolehkan produk *ar-rah*n diperkenalkan ke seluruh negara dengan lebih mudah.²³⁴

Atas dasar ini, Bank Rakyat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) menandatangani memorandum persefahaman pada 11 Oktober 1993. Mengikut memorandum ini, YaPEIM bersetuju untuk menjadi pelabur utama dan menjadi penyelaras dana pelaburan manakala Bank Rakyat bertindak selaku pengurus dan pelaksana operasi skim tersebut. Seterusnya pada 27 Oktober 1993 YaPEIM Bersama Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan skim *ar-rah*n kepada orang ramai melalui Bank Rakyat. Dalam operasi skim ini, YaPEIM bertanggungjawab seperti mana yang tertulis dalam perjanjian memorandum Bersama Bank Rakyat manakala BNM bertindak sebagai urusetia dan penasihat.²³⁵

Usaha membawa perkhidmatan pajak gadai yang selama ini dilakukan di kedai-kedai pajak gadai di seluruh negara ke dalam sistem pengurusan bank merupakan satu

²³³ Laman Web Pinjaman Peribadi Bank, “Bank Rakyat (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad)”, laman sesawang Pinjaman Peribadi Bank, diakses 26 Feb 2020, <https://pinjamanperibadibank.com/institusi-kewangan/bank-rakyat-bank-kerjasama-rakyat-malaysia-berhad/>

²³⁴ Ab. Mu’min Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, 353.

²³⁵ Shamsiah Mohamed & Safinar Salleh (2008), “Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula”, 50.

langkah baik dalam usaha memantapkan lagi sistem kewangan berasaskan prinsip Islam. Perkhidmatan ini meluaskan lagi dimensi perbankan dengan memenuhi tuntutan golongan berpendapatan rendah yang kurang selesa dengan sistem mudah secara pajak gadai.²³⁶ Kini, Bank Rakyat sangat terkenal dalam penawaran produk pembiayaan *ar-rah**n* yang banyak membantu masyarakat atau Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) untuk dijadikan modal perniagaan. Bank Rakyat merupakan bank yang paling banyak mendapat sambutan daripada rakyat dalam penawaran produk *ar-rah**n*. Pada tahun 2017, Bank Rakyat mendapat tempat paling teratas dalam penawaran produk *ar-rah**n* selepas keseluruhan koperasi di Malaysia iaitu sebanyak RM1665 million.²³⁷ Pajak Gadai-i (Pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu) adalah alternatif kepada pajak gadai konvensional yang menyediakan tunai segera dan mudah sehingga RM350,000 berasaskan kepada prinsip Syariah. Ia menjadi salah satu produk Bank Rakyat yang paling berjaya sejak diperkenalkan pada tahun 1993. Perkhidmatan ini disediakan di 140 cawangan dan 45 saluran Ar-Rahnu X'Change yang beroperasi dari hari Isnin hingga Sabtu. Kini Ar-Rahnu berada di kedudukan nombor satu di Malaysia dengan 45% bahagian pasaran dan menyumbang sebanyak RM1.94 bilion baki pada tahun 2019.²³⁸

²³⁶ Muhammad Hafizuddin Mohamed Safuan (2009), *Skim ar-rahnu: kajian perbandingan antara Bank Rakyat dan Agro Bank*, 50.

²³⁷ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Laporan Tahunan Bank Rakyat 2017” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 15 Nov 2019, https://www.bankrakyat.com.my/c/about/financial_info/annual


²³⁸ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Laporan Tahunan Bank Rakyat 2019” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 15 Nov 2019, https://www.bankrakyat.com.my/c/about/financial_info/annual

3.3 Modus Operandi Produk *Ar-rahn* Di Bank Rakyat

3.3.1 Struktur Produk *Ar-rahn* sebelum tahun 2020

Struktur produk ar-rahn sebelum tahun 2020 adalah seperti di bawah:

Rajah 3.1: Struktur Lama Pembiayaan *ar-rahn* di Bank Rakyat



Sumber: Helaian Pendedahan Produk Pajak Gadai-i (Bank Rakyat)

- 1) Pelanggan mencagarkan aset gadaian kepada Bank untuk tujuan cagaran pinjaman. (*rahn*).
- 2) Bank bertanggungjawab menyimpan dan memberi jaminan ke atas barang gadaian supaya selamat dan terjamin. (*wadi'ah yad dhamanah*).
- 3) Bank memberi pinjaman jangka pendek kepada pelanggan. (*qard*).
- 4) Upah dikenakan ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian ke atas pelanggan. (*ujrah*).²³⁹

²³⁹ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Helaian Pendedahan Produk” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 20 Nov 2019, https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pajak_gadai_i-39/pawn_92

Produk *ar-rah*n di Bank Rakyat yang dikenali sebagai Pajak Gadai-i menawarkan kemudahan pinjaman wang tunai segera berdasarkan gadaian dari barang kemas atau barang emas berasaskan prinsip syariah dan menerima semua jenis barang kemas yang bermutu dari 18 karat hingga 24 karat dan barang emas yang bermutu dari 22 karat hingga 24 karat dengan syarat yang ditetapkan oleh Bank kecuali barang kemas atau barang emas yang berbatu serta barang kemas atau barang emas yang berbentuk patung keagamaan atau makhluk lengkap bernyawa.²⁴⁰

Konsep Syariah yang diguna pakai ialah *qard*, *wadi`ah yad dhamanah* dan *ujrah*. *Qard* ialah perjanjian pinjaman antara pihak yang memberi pinjaman dan pihak yang meminjam, *wadi`ah yad dhamanah* ialah menyimpan dan memberi jaminan ke atas barang gadaian adalah selamat dan terjamin manakala *ujrah* pula upah yang dikenakan ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian.

Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar pinjaman secara ansuran bulanan atau sekaligus pada tarikh matang. Pada setiap masa nilai *marhun* hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman mengikut harga emas yang dipaparkan oleh Bank. Sekiranya penurunan pada nilai *marhun*, pelanggan hendaklah menjelaskan sebahagian baki pinjaman untuk mengekalkan nilai *marhun*. Tiada yuran dan caj lain dikenakan kepada pelanggan. Sekiranya pelanggan menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab membayar jumlah pinjaman dan upah simpan, pelanggan perlu hubungi Bank dengan segera. Sekiranya pelanggan ingkar membuat bayaran jumlah pinjaman dan upah simpan, Bank berhak mengambil tindakan menarik balik pinjaman dan melelong *marhun*.

Sekiranya pinjaman dijelaskan sebelum tamat tempoh pinjaman, upah simpan yang dikenakan adalah sehingga bulan dimana pelanggan menjelaskan pinjaman tersebut. Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran dibuat seperti yang dinyatakan


²⁴⁰ *Ibid.*

di Surat Akuan Gadaian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit. Akhir sekali, pelanggan tidak memerlukan penjamin atau pencagar lain untuk produk *ar-rah*n ini.²⁴¹

3.3.2 Struktur Produk Ar-rahn Yang Dikemaskini Bermula Tahun 2020

Manakala, struktur semasa produk ar-rahn yang telah dikemaskini dinyatakan seperti di bawah:

Rajah 3.2: Struktur Semasa Pembiayaan *ar-rahn* di Bank Rakyat



Sumber: Helaian Pendedahan Produk Pajak Gadai-i

- 1) Pelanggan membawa emas ke bank dan emas tersebut dinilai oleh pihak bank (*rahn*).
- 2) Bank membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dengan harga kos.
- 3) Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berlandaskan kontrak *murabahah* pada harga jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh.
- 4) Berdasarkan kontrak *wakalah*, bank bertindak sebagai ejen belian (mewakili pelanggan) untuk membeli komoditi tersebut daripada bank.

²⁴¹ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, “Helaian Pendedahan Produk” laman sesawang Bank Rakyat, diakses 20 Jun 2020, https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pajak_gadai_i-39/pawn

5) Seterusnya, bank mewakili pelanggan sebagai ejen jualan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga secara tunai.

6) Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun atau diberikan secara tunai kepada pelanggan. ²⁴²

Produk *ar-rahn* di Bank Rakyat dikenali sebagai Pajak Gadai-i menawarkan pembiayaan tunai dengan segera dan mudah sehingga RM350,000 dengan kadar keuntungan yang rendah berdasarkan prinsip Syariah. Jadual 3.1 di bawah merupakan ciri Pajak Gadai-i yang ditawarkan oleh Bank Rakyat:

Jadual 3.1: Ciri-ciri Pajak Gadai-i

Konsep	<ul style="list-style-type: none">Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq).Rahn.
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none">Pelanggan merupakan individu.Warganegara Malaysia / bukan warga negara Malaysia / penduduk tetap.Berumur 18 tahun dan ke atas.Tidak muflis.
Keistimewaan	<ul style="list-style-type: none">Bebas dari unsur riba'.Tiada yuran proses.Kadar keuntungan dikira secara harian.Tempoh gadaian yang lama.Barang kemas disimpan dengan selamat dengan pelindungan Takaful.Urusan niaga telus dan dibuat di hadapan pelanggan di dalam bilik khas.
Syarat Gadaian	<p>TERIMA:</p> <ul style="list-style-type: none">Semua barang kemas/emas KECUALI barang gadaian yang berbentuk patung keagamaan atau makhluk hidupBarang kemas berbatu (yang mempunyai batu). Jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas dengan SYARAT mempunyai Resit Pembelian atau Sijil Ketulenan.Barangan emas dihadiahkan oleh majikan kepada pekerja dalam perkhidmatan dengan syarat:<ul style="list-style-type: none">Pekerja mengemukakan dokumen Sijil Penghargaan.Mutu emas antara 22 hingga 24 karat.Berat tidak melebihi 300 gram.

²⁴² Ibid.

Jumlah Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Maksimum margin pembiayaan sehingga 80% dari nilai barang gadaian (Nilai Marhun). Jumlah pembiayaan sehari/ terkumpul sehingga RM350,000. Jumlah pembiayaan sehari untuk emas geronggang adalah sehingga RM30,000. 																
Had Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 80% daripada nilai barang gadaian (Nilai Marhun) bagi Pelanggan Baharu / Pelanggan Sedia ada. 																
Tempoh pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> 18 bulan 																
Cara Pembayaran	<p>a) Jumlah Keuntungan Jumlah Keuntungan perlu dibayar sebelum/pada Tarikh Matang Keuntungan “due profit date” setiap enam (6) bulan seperti jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah Keuntungan</th> <th>Pertama (6 bulan pertama)</th> <th>Kedua (6 bulan kedua)</th> <th>Ketiga (6 bulan ketiga)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tarikh</td> <td>Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»</td> <td>Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»</td> <td>Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»</td> </tr> </tbody> </table> <p>b) Jumlah pembiayaan Jumlah Pembiayaan beserta Jumlah Keuntungan ketiga / terakhir (6 bulan ketiga) hendaklah dibayar penuh sebelum/pada Tarikh Matang Pembiayaan;</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah pembiayaan</th> <th>Pertama (6 bulan pertama)</th> <th>Kedua (6 bulan kedua)</th> <th>Ketiga (6 bulan ketiga)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tarikh</td> <td>NA</td> <td>NA</td> <td>Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»</td> </tr> </tbody> </table>	Jumlah Keuntungan	Pertama (6 bulan pertama)	Kedua (6 bulan kedua)	Ketiga (6 bulan ketiga)	Tarikh	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»	Jumlah pembiayaan	Pertama (6 bulan pertama)	Kedua (6 bulan kedua)	Ketiga (6 bulan ketiga)	Tarikh	NA	NA	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»
Jumlah Keuntungan	Pertama (6 bulan pertama)	Kedua (6 bulan kedua)	Ketiga (6 bulan ketiga)														
Tarikh	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»														
Jumlah pembiayaan	Pertama (6 bulan pertama)	Kedua (6 bulan kedua)	Ketiga (6 bulan ketiga)														
Tarikh	NA	NA	Sebelum/Pada «Tarikh Matang Keuntungan»														
Kadar keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Kadar Keuntungan dikira berdasarkan nilai marhun dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus. Kadar Keuntungan adalah seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Marhun (RM)</th> <th>Kadar keuntungan setiap RM100 Nilai Marhun Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>< 500</td> <td>0.60</td> </tr> <tr> <td>≥ 500 – 5,000</td> <td>0.75</td> </tr> <tr> <td>≥ 5,000 – 10,000</td> <td>0.80</td> </tr> <tr> <td>> 10,000</td> <td>0.85</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Marhun (RM)	Kadar keuntungan setiap RM100 Nilai Marhun Sebulan (RM)	< 500	0.60	≥ 500 – 5,000	0.75	≥ 5,000 – 10,000	0.80	> 10,000	0.85						
Nilai Marhun (RM)	Kadar keuntungan setiap RM100 Nilai Marhun Sebulan (RM)																
< 500	0.60																
≥ 500 – 5,000	0.75																
≥ 5,000 – 10,000	0.80																
> 10,000	0.85																

	<ul style="list-style-type: none"> • Formula pengiraan jumlah keuntungan CPR (Contractual Profit Rate) bagi Pajak Gadai-i: $a = b \times c / 100 \times d$ <ul style="list-style-type: none"> ▪ CPR = a ▪ Nilai marhun = b ▪ Kadar Keuntungan = c ▪ Tempoh gadaian = d (Nota: Tempoh gadaian adalah berdasarkan bilangan hari)
Fi dan caj	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada

Sumber: Helaian Pendedahan Produk Pajak Gadai-i

Konsep Syariah yang digunakan adalah di bawah prinsip Syariah *murabahah* (dengan menerima pakai amalan *tawarruq*) di mana Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dengan harga kos, dan seterusnya bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berlandaskan kontrak *murabahah* pada harga jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Berdasarkan kontrak *wakalah*, bank bertindak sebagai ejen belian (mewakili pelanggan) untuk membeli komoditi tersebut daripada bank. Seterusnya, bank mewakili pelanggan sebagai ejen jualan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun atau diberikan secara tunai kepada pelanggan. Kontrak *rahn* menjadikan sesuatu aset sebagai cagaran atau jaminan kepada pembiayaan. Komoditi di dalam transaksi ini merujuk kepada komoditi patuh Syariah. Pelanggan diberi pilihan samada untuk membuat ambilan fizikal komoditi tersebut atas tanggungan kos sendiri atau mewakilkan pihak Bank untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

Pelanggan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran keuntungan yang perlu dibayar sebelum atau pada tarikh matang keuntungan setiap enam (6) bulan pertama dan kedua. Jumlah pembiayaan dan bayaran keuntungan ketiga atau terakhir hendaklah dibayar penuh pada tarikh matang pembiayaan. Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran seterusnya. Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran ini tidak akan memberikan sebarang kesan terhadap

pengiraan kadar keuntungan akaun pembiayaan anda. Tiada caj dikenakan ke atas penjelasan atau penebusan awal. Sekiranya pelanggan gagal memenuhi tanggungjawab, bank berhak mengambil tindakan undang-undang atau melelong/menjual *marhun* yang digadaikan atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun pelanggan bagi menolak selesai liabiliti pelanggan terhadap Bank bagi tujuan tuntutan amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan melainkan mempunyai lebihan wang (sekiranya ada) setelah ditolak kadar keuntungan dan kos-kos lain.

Namun begitu, sekiranya pelanggan membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang, bank akan memberi *ibra'* atas keuntungan. *Ibra'* yang diberikan adalah sebagai rebat yang diberikan oleh bank kepada pelanggan yang melunaskan pembiayaan lebih awal berdasarkan kepada kontrak jual dan beli.

Bank akan memberi *Ibra'* atas Keuntungan berdasarkan formula seperti berikut:

$$\text{Jumlah Penjelasan Awal} = \text{Baki Harga Jualan} - \text{Ibra'}$$

$$\text{Ibra'} = \text{Jumlah Keuntungan} - \text{Keuntungan Terakru} - \text{Kos-Kos sebenar yang lain} \\ (\text{sekiranya ada})$$

Pelanggan juga tidak memerlukan perlindungan takaful kerana barang gadaian yang masih berada dalam simpanan bank (dalam tempoh pembiayaan) adalah dilindungi takaful melalui pembekal takaful yang dilantik oleh Bank. (“Had perlindungan takaful adalah tertakluk kepada nilai *marhun* yang dinyatakan dalam Surat Akuan Gadaian.”). Pelanggan bertanggungjawab memastikan jumlah pembiayaan dan keuntungan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit. Akhir sekali, pelanggan tidak memerlukan penjamin atau pencagar lain dalam pembiayaan.²⁴³

²⁴³ *Ibid.*

3.4 Latar Belakang Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) adalah salah satu bank Islam di Malaysia yang ditubuhkan selepas Bank Islam Malaysia Berhad. Ianya merupakan bank Islam yang kedua dan ditubuhkan pada 1 Oktober 1999. BMMB berdiri selepas usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan sektor industri perbankan Islam di Malaysia. Oleh sebab kebanyakan masyarakat Islam sudah mula memahami tentang konsep pelaksanaan perbankan Islam, maka usaha kerajaan untuk menambahkan perbankan Islam itu sangat perlu kerana banyak permintaan di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam.²⁴⁴

Perjanjian pertukaran saham yang ditandatangani di antara Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia, Khazanah Berhad dan Commerce Asset Holding Berhad (CAHB) pada 8 Februari 1999 memperakukan penggabungan Bank of Commerce (M) Berhad yang merupakan anak syarikat Commerce Asset-Holding Berhad Bank Bumiputra Malaysia Berhad bagi mewujudan dua bank yang baru iaitu Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.²⁴⁵

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ditubuhkan hasil penggabungan antara Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BMMB) dan Bank of Commerce Malaysia Berhad. Akhirnya melahirkan Bumiputra Commerce Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Pada awal ditubuhkan, BMMB mula beroperasi dengan kakitangan sebanyak 1000 orang dan 40 cawangan di seluruh negara Malaysia dengan Ibu Pejabat di Menara Bumiputra, Jalan Melaka, Kuala Lumpur.

²⁴⁴ Joni tamkin bin Borhan, “Pelaksanaan Prinsip- Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan di Malaysia” (Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002), 8.

²⁴⁵ Bank Muamalat Malaysia Berhad “Annual Report April 1999 – Mac 2000” (Annual Report, Bank Muamalat, 2000), 10.

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah menjalankan operasinya secara rasmi Pada 1 Oktober 1999 dengan dana pemegang saham sebanyak RM300 juta dan pengambilalihan aset Skim Perbankan Islam, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, BMMB Kewangan dan Bank of Commerce (M) Berhad yang berjumlah kira-kira 3 billion. Dari segi pemilikan saham juga, Commerce Asset Holding Berhad (CAHB) menyertakan sahamnya sebanyak 30% ke dalam BMMB, manakala selebihnya adalah saham milik kerajaan Malaysia. BMMB dalam pelaksanaannya dan pengoperasiannya adalah berasaskan prinsip-prinsip Syariah yang diluluskan oleh penasihat-penasihat Syariah dan menekankan kepada konsep perniagaan seperti *murabahah*, *bay ‘inah* dan sebagainya. BMMB turut menekankan konsep perkongsian untung seperti *musharakah* dan *mudharabah*²⁴⁶ sebagai aktiviti utama dalam perniagaan. Begitu juga BMMB menerapkan perniagaan secara runcit seperti yang telah diamalkan oleh institusi-institusi berkenaan dalam Skim Perbankan Islam di Malaysia.²⁴⁷

BMMB dirasmikan secara sepenuhnya ialah pada 29 Ogos 2000 bersamaan 29 Jamadilawal 1421H oleh YAB Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Timbalan Perdana Menteri Malaysia bertempat di ibu pejabat BMMB jalan Melaka, Kuala Lumpur.²⁴⁸

Dalam tempoh 6 bulan BMMB beroperasi iaitu bermula dari 1 Oktober 1999 sehingga 31 Mac 2000, BMMB telah mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM14.4 juta. Jumlah asset BMMB adalah sebanyak 3.51 juta pada penghujung tahun kewangan. Semenjak penubuhan bank, produk pembiayaan dan deposit masing-masing mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada akhir tahun Kewangan

²⁴⁶ Musharakah merupakan kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih untuk membiayai sesuatu perniagaan di mana semua pihak yang terlibat menyumbangkan modal sama ada dalam bentuk tunai atau lain-lain manakala mudharabah Mudarabah merupakan sebuah kontrak yang melibatkan Rabbul Mal selaku pelabur yang menyediakan modal, dan Mudarib selaku pengusaha yang menjalankan usaha niaga tersebut.

²⁴⁷ Joni tamkin bin Borhan, Pelaksanaan Prinsip- Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan di Malaysia, 8.

²⁴⁸ Bank Muamalat Malaysia Berhad “Suara Muamalat” Edisi Khas Perasmian Bank (2001), 1-15.

iaitu RM1.08 billion untuk pembiayaan dan RM 3.03 billion untuk deposit. Operasi bank dianggap memuaskan walaupun isu-isu yang berkaitan dengan proses penggabungan ini mengambil banyak masa dan tenaga dan ditumpukan sepenuhnya kepada operasi BMMB.


BMMB ditubuhkan berdasarkan beberapa objektif yang telah digariskan oleh pihak pengurusan BMMB. Antara objektif penubuhannya ialah menyahut cabaran bagi mempercepatkan kemajuan pembangunan perbankan Islam sebagai satu corak perbankan alternatif di Malaysia dan memenuhi permintaan yang menggalakkan terhadap sistem kewangan Islam. Objektif yang kedua, memperkenalkan sistem perbankan yang berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan kesamaan di dalam perdagangan dan perniagaan berorientasikan kebajikan. Selain itu, BMMB bertujuan untuk menawarkan produk-produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah, Undang-undang dan peraturan Islam kepada orang-orang Islam dan juga kepada seluruh masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Seterusnya, mengembangkan produk-produk dan perkhidmatan kewangan sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan Malaysia keseluruhannya. Akhir sekali, BMMB turut menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan Sistem Kewangan Islam Dunia.

3.4 Modus Operandi Produk *Ar-rahn* Bank Muamalat

3.4.1 Struktur Produk *Ar-rahn* Sebelum Tahun 2020

Struktur produk *ar-rahn* sebelum tahun 2020 di Bank Muamalat diuraikan seperti di bawah:

Rajah 3.3: Struktur Lama Pembiayaan *ar-rahn* di Bank Muamalat



Sumber: Risalah Pendedahan Produk Pajak Gadai-i (Muamalat Ar-Rahnu)

- 1) Pelanggan mencagarkan aset gadaian kepada bank untuk tujuan cagaran pinjaman. (*rahn*).
- 2) Bank bertanggungjawab menyimpan dan memberi jaminan ke atas barang gadaian supaya selamat dan terjamin. (*wadi'ah yad dhamanah*).
- 3) Bank memberi pinjaman jangka pendek kepada pelanggan. (*qard*).
- 4) Upah dikenakan ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian ke atas pelanggan. (*ujrah*).

Produk *ar-rahn* di Bank Muamalat dikenali sebagai Muamalat Ar-Rahnu menawarkan kemudahan pinjaman wang tunai segera berdasarkan gadaian dari barang kemas atau barang emas berdasarkan prinsip syariah dan menerima semua jenis barang kemas (tanpa batu permata) yang mengikut mutu 750,835,875,916,950 dan 999 dan Jongkong emas/syiling emas/kepingan emas yang mengikut mutu 916,950 dan 916 dengan syarat yang ditetapkan oleh bank.

Konsep syariah yang digunakan ialah *qard*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah*.


Produk *ar-rahn* yang ditawarkan ini merupakan produk yang mematuhi garis panduan Syariah dan bebas dari unsur riba dan gahar dengan caj upah simpan yang lebih rendah dan had pinjaman yang tinggi. Muamalat Ar-Rahnu menawarkan had pinjaman sehingga 80% dari harga barang cagaran selain kadar upah simpan yang rendah dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tidak diisyiharkan muflis.

Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar pinjaman secara berperingkat atau sepenuhnya sebelum atau pada Tarikh matang. Tempoh gadaian pertama ialah 6 bulan, dan boleh dilanjutkan selama 6 bulan sebanyak dua kali tertakluk kepada penyelesaian upah simpan terdahulu.²⁴⁹

3.4.2 Struktur Produk *Ar-rahn* Yang Dikemaskini Bermula Tahun 2020

Struktur produk *ar-rahn* yang dikemaskini bermula tahun 2020 di bank muamalat adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Rajah 3.4: Struktur Semasa Pembiayaan *ar-rahn* di Bank Muamalat



Sumber: Helaian Pendedahan Produk Pajak Gadai-i (Muamalat Ar-Rahnu)

²⁴⁹ Bank Muamalat Malaysia Berhad, "Muamalat Ar-Rahnu", (Brochure, Bank Muamalat, 2019), 1.

- 1- Pelanggan membawa emas ke bank/ar-rahnu. (*rahn*)
 - 2- Emas pelanggan dinilai dan disimpan oleh pihak bank. (*wadiah*)
 - 3- Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi daripada pihak bank. (*wa'd*)
 - 4- Bank akan membuat proses jualbeli *murabahah* secara *tawarruq*. Bank membeli komoditi daripada Broker A dengan harga RM10 000 secara tunai dengan harga belian.
 - 5- Bank menjual secara tangguh kepada kepada pelanggan dengan harga jualan iaitu RM12 000. (*murabahah*)
 - 6- Pelanggan wakilkan bank sebagai agen untuk menjual komoditi. (*wakalah*)
 - 7- Bank menjual komoditi milik pelanggan tadi melalui sistem platform dengan harga RM10 000 kepada Broker B. (RM10 000 tadi itu jadi milik pelanggan).²⁵⁰
- Maka, pelanggan berhutang RM12 000 dengan Bank kerana belian komoditi dan emas dijadikan sebagai cagaran kepada hutang tersebut.
- Pajak Gadai Islam (Muamalat Ar-Rahnu) merupakan skim pajak gadai Islam. Pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan pembiayaan daripada pihak Bank dengan jumlah yang telah dipersetujui bersama dengan mencagarkan sejumlah emas atau barang kemas (kategori emas) yang dipersetujui kepada pihak bank. Di bawah produk ini, pelanggan adalah pemilik emas yang sah dan bersetuju untuk menggadai emas miliknya (emas yang diikiraf oleh pihak bank) sebagai cagaran untuk membolehkan pembiayaan sejumlah wang diterima daripada pihak Bank.²⁵¹

Produk ini distrukturkan di bawah konsep *tawarruq*, *rahn* dan *wadiah*. Konsep *tawarruq* terdiri daripada beberapa kontrak Syariah termasuk murabahah, wakalah dan

²⁵⁰ Bank Muamalat Malaysia Berhad, “Ar Rahnu, Islamic Pawn Broking (Tawarruq)” laman sesawang Bank Muamalat Malaysia Berhad, diakses 20 Julai 2020, <https://www.muamalat.com.my/consumer-banking/ar-rahnu-2/>

²⁵¹ *Ibid.*

wa`d mulzim (janji yang mengikat). Pelanggan memohon pembiayaan daripada pihak bank dengan membuat satu janji yang mengikat (*wa`d mulzim*) bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh syariah (“komoditi”) (seperti minyak sawit mentah (“MSM”), resin plastik- polyethylene (“PE”), olein sawit rbd (“OLN”) atau lain-lain komoditi yang diluluskan oleh jawatankuasa syariah bank) daripada pihak bank pada harga jualan. secara efektifnya, pihak bank akan membeli komoditi daripada pembekal pada harga belian (“transaksi belian”), dan kemudiannya, menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga jualan (“transaksi jualan”). Jual beli komoditi adalah berdasarkan murabahah. Harga jualan hendaklah dibayar oleh pelanggan kepada pihak bank secara tertangguh. pelanggan hendaklah seterusnya menjual komoditi tersebut melalui pihak bank bertindak sebagai ejen di bawah wakalah kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai peruntukan pembiayaan kepada pelanggan.

Transaksi *tawarruq* hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada Pelanggan. Walaubagaimanapun, pelanggan berhak untuk mengambil komoditi yang telah dibeli oleh pihak bank apabila permintaan secara bertulis dibuat oleh pihak pelanggan sebelum pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan di dalam Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (Muamalat Ar-Rahnu). Semua kos dan perbelanjaan penghantaran serta pemindahan pemilikan komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Oleh yang demikian, amaun fasiliti tidak akan dibayar kepada pelanggan.

Ciri-ciri produk *al- rahn* dirumuskan seperti jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2: Ciri-ciri Muamalat Ar-Rahnu

Konsep	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Rahn</i> • <i>Tawarruq</i> • <i>Wadiyah Yad Dhamanah</i>
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Individu: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Warganegara Malaysia dan penduduk tetap. ▪ Berumur 18 tahun ke atas. ▪ Tidak muflis atau bankrap. • Pihak Pelanggan perlu membuktikan pemilikan barang gadaian melalui deklarasi di dalam Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (Muamalat Ar-Rahnu).
Piawaian Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Gred emas yang diterima oleh pihak Bank adalah 999, 950, 916, 875, 835, dan 750. • Pihak Bank Menerima semua jenis emas, termasuk wafer emas, jongkong emas, dan syiling emas dari mana-mana tukang emas, institusi-institusi emas, syarikat pengeluar emas, KECUALI yang telah disenaraihitamkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), “Consumer Alert”, “Fraud Alert” dan “SC Security Alert”. • Emas yang tidak diterima oleh pihak Bank adalah seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Emas putih; ▪ Barang kemas yang menyerupai bentuk upacara keagamaan selain Islam dan bentuk yang melambangkan keganasan; dan ▪ Batu permata yang bercantum pada barang kemas. <p>Pelanggan perlu menanggalkan batu permata tersebut jika mahu membuat gadaian pada barang kemas tersebut.</p> ▪
Amaun pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM 250.00; atau <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bagi MG-i Akaun, 10 gram dan dalam gandaan 10 gram seperti 10 gram, 20 gram, 30 gram dan sebagainya. • Maksimum: <ul style="list-style-type: none"> ▪ RM500,000.00 untuk Emas (Barang kemas); dan ▪ RM500,000.00 untuk Muamalat Emas-i (MG-i) Fizikal dan MG-i Akaun.
Margin pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 80% daripada nilai barang kemas (emas) semasa (nilai marhun).

Tempoh pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • 18 bulan • Walau bagaimanapun, kadar keuntungan mesti dibayar pada setiap 6 bulan untuk meneruskan tempoh pembiayaan sehingga tamat.
Cara pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai • Pendebitan Akaun • Perbankan Internet • ATM/CDM
Kadar Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • 11.25% terhadap amaun pembiayaan

Sumber: Helaian Pendedahan Produk Pajak Gadai-i (Muamalat Ar-Rahnu)

Terma dan syarat yang perlu pelanggan patuhi ialah memastikan baki pembiayaan, kadar keuntungan, serta fi dan caj lain yang telah ditetapkan oleh pihak Bank adalah wajib dibayar penuh sebelum atau pada tarikh matang pembiayaan tersebut. Walau bagaimanapun, kadar keuntungan mesti dibayar setiap 6 bulan untuk meneruskan tempoh pembiayaan. Jika berlaku lebihan daripada hasil lelongan, pelanggan berhak menerima lebihan tersebut daripada pihak Bank melalui pengkreditan ke dalam mana-mana akaun deposit pelanggan atau hadir secara sendiri di cawangan Bank berkenaan (yang mana lebih awal) untuk bayaran secara tunai. Pelanggan harus menanggung jumlah/baki yang terkurang daripada hasil lelongan dan kos-kos lelongan tersebut termasuk membentarkan pihak Bank membuat pemotongan daripada mana-mana akaun deposit pelanggan di Bank ini atau pembayaran secara tunai bagi tujuan tersebut. Harga lelong bagi emas/ barang emas mungkin berbeza berbanding dengan MG-i Fizikal dan MG-i Akaun.²⁵²

²⁵² MG-I Akaun dan MG-I Fizikal merupakan simpanan emas pelaburan berketulenan 99.99% dalam bentuk akaun simpanan dan juga emas pelaburan fizikal yang telah dilancarkan oleh Bank Muamalat sejak Februari 2016.

Antara Fi dan Caj yang perlu dibayar oleh pelanggan adalah seperti Jadual 3.3. berikut:

Jadual 3.3: Persamaan Fi dan Caj Pembiayaan Ar-Rahnu antara Kontrak Lama dan Semasa

Kontrak Lama dan Kontrak Semasa	
Fi dan Caj Jumlah (RM)	
Pengeluaran semula Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (Muamalat Ar-Rahnu) yang baru	
RM5	
Fi Tender (Jika berkenaan)	
RM5	
Takaful ke atas Emas (Marhun)	

Contoh pengiraan kadar keuntungan produk *ar-rahn* semasa adalah seperti di bawah:

Jadual 3.4: Pengiraan Kadar Keuntungan

Contoh pengiraan kadar keuntungan	
Nilai aset untuk digadai	RM 10,000.00
Tempoh pembiayaan	18 bulan
Amaun Pembiayaan (80%)	RM 8,000.00
Kadar keuntungan untuk 1 bulan RM 8,000.00 x 11.25% x 18 / 12	RM 1,350.00
Kadar Keuntungan untuk setiap 6 bulan RM 1,350.00 / 3	RM 450.00
Nota: Pengiraan keuntungan berdasarkan baki harian.	

Sebagai contoh, pelanggan menggadaikan emas yang bernilai RM10 000 dengan amaun pembiayaan sebanyak 80% iaitu RM8000 dengan tempoh selama 18 bulan. Bank telah menetapkan kadar keuntungan untuk satu bulan sebanyak 11.25%. Maka kadar keuntungan yang perlu dibayar oleh pelanggan selama 18 bulan ialah RM1350.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam terma dan syarat atau pada fizikal dan caj ke atas struktur di atas, pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh perlaksanaan tersebut dikuatkuasakan. Sekiranya pelanggan gagal memenuhi tanggungjawab yang ditetapkan, pihak Bank berhak untuk menolak-selesaikan baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun pihak Pelanggan dengan Bank, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 7 hari kalender sebelum tarikh pelaksanaan atau pihak bank berhak melelong emas/barang kemas / menjual semula emas di dalam MG-i Akaun anda sekiranya bayaran tidak mencukupi.

Namun begitu, sekiranya pelanggan membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tempoh matang, *ibra`* atau Rebat akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- (a) Pihak bank perlu memberi *ibra`* bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada Pelanggan;
- (b) Pihak bank perlu memberi *ibra`* berdasarkan kepada perbezaan jumlah ansuran bulanan yang telah dibayar dan harga jualan sebenar pada akhir tempoh pembiayaan;
- (c) Sebarang *ibra`* atau rebat yang diberikan oleh pihak bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketepatan *ibra`* yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian; dan
- (d) Formula Umum Ibra`:

Jadual di bawah menunjukkan formula umum *ibra*:

Jadual 3.5: Formula Umum *Ibra*:

Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak – Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan <i>Ibra</i> '
--

Amaun terhutang kepada bank merujuk kepada apa-apa amaun yang tertunggak apabila penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa, tunggakan keuntungan (jika ada), hutang, dan sebagainya. Pengurangan *ibra*' merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum kematangan (jika terpakai).

Ilustrasi *ibra*' dinyatakan seperti di bawah:

Jadual 3.6: Ilustrasi *Ibra*:

Senario: Penyelesaian pada 6 bulan.
$\begin{aligned} \text{Amaun Ibra}' &= 9,350.00 - 8,000.00 - 450.00 - 0 \\ &= 900.00 \end{aligned}$


Pihak bank berhak menarik balik pembiayaan ini dan pihak pelanggan memberi kuasa kepada pihak bank untuk melelong barang gadaian pihak pelanggan pada harga rezab semasa/ menjual semula emas di dalam MG-i Akaun, jika didapati pihak pelanggan telah gagal dan/atau ingkar menjelaskan pembiayaan dan kadar keuntungan di dalam tempoh yang telah ditetapkan atau pelanggan telah diisyiharkan bankrap semasa atau selepas pembiayaan ini dilakukan. Gadaian emas (*marhun*) anda dilindungi oleh takaful dan kos tersebut ditanggung oleh pihak bank.²⁵³

²⁵³ *Ibid.*

3.5 Analisis struktur produk *ar-rah*n di Bank Rakyat dan Bank Muamalat

Berpandukan data temubual dan lembaran pendedahan produk *ar-rah*n di Bank Rakyat dan Bank Muamalat, pengkaji menjelaskan struktur produk tersebut dengan lebih terperinci menerusi rajah di bawah:

Rajah 3.5: Struktur Produk *Ar-rah*n di Bank Rakyat dan Bank Muamalat.



Sumber: Bank Negara Malaysia

1. Pada peringkat pertama, pelanggan yang ingin memohon pembiayaan *ar-rahn* daripada pihak bank membawa barang cagaran iaitu barang kemas ataupun emas dan pihak bank akan memberikan borang-borang berkaitan untuk diisi oleh pelanggan. Antara borang berkaitan yang diberikan ialah Surat Akuan Gadaian (SAG), borang *tawarruq* (*tawarruq*

arrangement dual agency), syarat pembelian (purchase requisition) dan kontrak penjualan komoditi *murabahah* (*murabahah sale contract*).

2. Kedua, barang cagaran yang diberikan pelanggan kepada pihak bank dinilai untuk menentukan margin pembiayaan berdasarkan nilai barang kemas, rekod pelanggan dan profil kredit pelanggan.²⁵⁴

3. Ketiga, pihak bank akan membuat pelaksanaan *tawarruq*:

a) Pihak bank membeli komoditi dari pembekal komoditi melalui penyedia platform perdagangan komoditi;

b) Pihak bank kemudian menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berdasarkan jumlah pembiayaan yang diluluskan (kos beserta jumlah keuntungan seperti yang ditentukan oleh bank) secara bayaran bertangguh. Bank sebagai ejen akan menerima penjualan komoditi tersebut bagi pihak pelanggan; dan

c) Bank sebagai ejen kepada pelanggan kemudian menjual komoditi tersebut kepada penyedia platform perdagangan komoditi secara tunai.

4. Seterusnya, hasil penjualan dikreditkan kepada akaun pelanggan setelah urusan *tawarruq* dilakukan selesai.

5. Pelanggan akan membayar keuntungan kepada bank setiap 6 bulan dan jumlah pokok akan dibayar pada kematangan pembiayaan. Sekiranya berlaku keingkaran, pihak bank berhak melelong cagaran untuk menyelesaikan jumlah pembiayaan.²⁵⁵

²⁵⁴ Husnan Syazwan Narzari (Ketua, bahagian pengawasan shariah, bank rakyat Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis 19 April 2021; Muhamad Fadli Abdullah bank muamalat (Ketua, bahagian Syariah, Bank Muamalat, Kuala Lumpur), dalam temubual bersama penulis 22 April 2021.

²⁵⁵ Bank Negara Malaysia, *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC) Ruling on Ar-Rahnu Product Proposal based on Tawarruq, SAC 198th and 199th Meeting*, (kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (2019), 2.

3.5.1 Perbezaan Aplikasi Produk *ar-rahn* Dahulu dan Semasa

Perbezaan aplikasi produk *ar-rahn* yang ditawarkan sebelum 1 Februari 2020 dan selepasnya dapat dilihat pada beberapa perkara. Antaranya jenis kontrak, kewujudan jual beli, hukum syariah, proses pembiayaan dan keuntungan bank. Ringkasannya dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 3.7: Perbezaan Kontrak *ar-rahn* (lama dan Semasa)

	Kontrak lama	Kontrak semasa
Kontrak	<i>Rahn, wadiyah yad dhamanah, qard</i> dan <i>ujrah</i>	<i>Rahn, tawarruq</i> dan <i>wadiyah yad dhamanah</i>
Jual beli	Tidak wujud	Jual beli komoditi
Hukum syariah	Tidak menepati hukum syariah	Menepati hukum syariah
Proses pembiayaan	Secara manual	Melalui sistem
Keuntungan bank	Upah simpan	Keuntungan penjualan komoditi

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat perbezaan yang ketara antara kontrak lama dan kontrak semasa. Ianya merangkumi kontrak, jual beli, hukum syariah, proses pembiayaan dan keuntungan bank. Tetapi praktikalnya masih lagi sama bahkan lebih memberi manfaat kepada masyarakat yang memerlukan pembiayaan *ar-rahn* ini.

3.5.2 Perbezaan Struktur Produk *Ar-rahn* di Bank Rakyat dan Bank Muamalat

Perbezaan operasi dan struktur produk *ar-rahn* di Bank Rakyat dan Bank Muamalat dapat dilihat pada beberapa perkara. Antaranya nama produk, jenis kontrak, bayaran

keuntungan bank, had pembiayaan, margin pembiayaan, perlindungan takaful dan formula penentuan kadar keuntungan. Ringkasannya dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Jadual 3.8: Perbezaan struktur produk *ar-rah*n di Bank Rakyat dan Bank Muamalat

	Bank Rakyat	Bank Muamalat
Kontrak	<i>Rahn, tawarruq</i>	<i>Rahn, wadiyah yad dhamanah</i> dan <i>tawarruq</i>
Bayaran Keuntungan bank	Berdasarkan marhun	Berdasarkan amaan pembiayaan
Had pembiayaan	Sehingga 350,000	Sehingga 1000,000 (emas & akaun muamalat emas-i)
Margin pembiayaan	Melalui nilai barang kemas dan rekod pelanggan	Bergantung kepada profil kredit pelanggan
Perlindungan takaful	Tidak perlu	Takaful ke atas jumlah pembiayaan adalah sangat digalakkan
Formula penentuan kadar keuntungan	Nilai Marhun x (Kadar Keuntungan / RM100) x Tempoh Gadaian)	Nilai Marhun x kadar keuntungan (11.25%) x tempoh pembiayaan/ tahun (12 bulan)

Sumber: Analisis pengkaji

Berdasarkan jadual diatas, kadar keuntungan mempunyai perbezaan yang ketara di mana ianya akan mempengaruhi permintaan terhadap pembiayaan. Begitu juga dengan aspek-aspek yang lain. Dapat dilihat sedikit perbezaan apabila kotrak-kontrak *ar-rah*n

semasa dimodifikasi berdasarkan konsep *tawarruq* oleh institusi perbankan Islam iaitu di Bank Rakyat dan Bank Muamalat. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi struktur produk *ar-rah*n berdasarkan konsep *tawarruq* yang melibatkan jual beli komoditi dijalankan antara institusi perbankan dan pembekal komoditi, namun praktikalnya sama sahaja kepada pelanggan, hanya kontrak dan proses pembiayaan sahaja yang berbeza.

3.6 Kesimpulan

Dapat diketahui bahawa produk *ar-rah*n sebelum tahun 2020 menggunakan kontrak *rahn*, *qard*, *wadi'ah yad dhamanah* dan *ujrah*. Keseluruhan perbankan Islam juga menggunakan pendekatan yang sama. Namun begitu terdapat perbezaan ke atas ciri-ciri produk *ar-rah*n yang ditawarkan oleh setiap institusi perbankan Islam sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

Manakala, produk *ar-rah*n pada masa kini menggunakan konsep *rahn* dan *tawarruq* yang telah diluluskan oleh penasihat-penasihat syariah. Terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua konsep yang lama dan semasa darisegi kontrak yang digunakan iaitu daripada konsep *rahn*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah* kepada konsep *rahn* dan *tawarruq*. Perbezaan di antara Bank Rakyat dan Bank Mualamat juga dapat dilihat di mana Bank Muamalat menggunakan kontrak *wadiyah yad dhamanah* sementara Bank Rakyat tidak menggunakan kontrak tersebut.

Perubahan kontrak pendasar yang digunakan dalam produk pembiayaan *ar-rah*n telah menyebabkan berlaku perbezaan kepada ciri produk *ar-rah*n seperti bank tidak lagi mengenakan caj upah simpan, tetapi ditukar kepada pembayaran keuntungan bank. Akhir sekali, dapat diketahui bahawa tiada perbezaan yang ketara dalam aplikasi produk, pelanggan masih boleh memohon pembiayaan *ar-rah*n seperti biasa. Penukaran konsep ini tidak sama sekali menjaskan masyarakat atau rakyat yang bergantung kepada produk *ar-rah*n sebagai sumber modal.

BAB 4: ANALISIS ISU-ISU SYARIAH DALAM APLIKASI PRODUK *AR-RAHN* DI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM MENURUT PERSPEKTIF FIQH

4.1 Pendahuluan

Melalui bab ini, pengkaji akan memfokuskan berhubung analisis kajian. Pada bahagian pertama bab ini, pengkaji akan menganalisis struktur produk *ar-rahn* menerusi data temubual yang telah dilakukan dan lembaran pendedahan produk perbankan Islam terpilih. Manakala pada bahagian kedua bab, pengkaji akan menganalisis isu-isu syariah dan isu-isu berkaitan yang timbul di dalam produk *ar-rahn* yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam tersebut sama ada isu daripada *ar-rahn* yang dahulu mahupun yang sekarang. Isu-isu berbangkit terbahagi kepada beberapa kontrak daripada produk *ar-rahn* yang akan dibahaskan secara terperinci oleh pengkaji.

4.2 Analisis Isu-Isu Syariah dalam Aplikasi Produk *Ar-rahn*

4.2.1 Isu-isu Syariah yang dikenalpasti dalam aplikasi produk *ar-rahn* sebelum tahun 2020

Berdasarkan modus operandi produk pembiayaan *ar-rahn* yang telah dijelaskan pada bab ketiga, terdapat beberapa isu Syariah yang berbangkit. Antaranya isu yang ditimbulkan oleh Bank Negara iaitu isu keterikatan setiap kontrak dan isu penggabungan kontrak. Selain isu-isu di atas, terdapat isu Syariah lain iaitu isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar dan isu memanfaatkan *marhun* yang timbul daripada produk pembiayaan *ar-rahn* sedia ada.

4.2.1.1 Isu keterikatan setiap kontrak

Isu pertama yang timbul dalam produk *ar-rahn* ialah isu keterikatan dan kebergantungan setiap kontrak. Keberkaitan dan kebergantungan kontrak *rahn*, *wadi`ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf`an* (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai` wa salaf*

(gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak.²⁵⁶ Berdasarkan dalil Rasulullah s.a.w:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ قَرْضٍ جَرِيْفٌ مَنْفَعَةٌ فَهُوَ رِبَا

“Daripada Ali r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap *qard* yang menjana manfaat (kepada pemberi *qard*) adalah riba.”²⁵⁷

Dalam struktur produk ini, salah satu kontrak tidak akan efektif tanpa kewujudan kontrak lain. Seperti yang dinyatakan di dalam Mesyuarat MPS ke 194 & 195 iaitu:

Keberkaitan dan kebergantungan antara kontrak *qard*, *rahn*, *wadi`ah* dan *ujrah* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf'an* (pinjaman yang menghasilkan manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai` wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak.²⁵⁸

Sebagai contoh, dalam struktur produk *ar-rahn* di atas menyatakan bahawa pelanggan akan mencagarkan aset gadaian berupa emas atau barang kemas kepada bank untuk tujuan cagaran pinjaman dan bank akan membuat penilaian ke atas mutu dan ketulenan emas tersebut untuk menentukan pinjaman yang layak diterima pelanggan. Seterusnya, pinjaman (*qard*) akan diberikan kepada pelanggan dalam jangka pendek setelah surat akuan gadaian ditandatangani. Ini bermaksud hanya pelanggan yang menyimpan dan mencagarkan emas mereka kepada bank sahaja layak untuk mendapatkan pinjaman dari bank, dan upah yang dikenakan bagi perkhidmatan penyimpanan emas bergantung kepada nilai emas yang dicagarkan. Berdasarkan amalan tersebut, didapati terdapat persyaratan dan kebergantungan yang jelas antara kontrak *qard* dan kontrak *ujrah* yang

²⁵⁶ Bank Negara Malaysia, *Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (2019), 2.

²⁵⁷ Kitab Fiqh al-Tajir al-Muslim, fiqh al-tijarah, no hadith 129.

²⁵⁸ Bank Negara Malaysia, *Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195*.

dimeterai antara pihak bank dan pelanggan yang mana ianya membawa kepada isu *qard jarra naf'an*.

Isu *qard jarra naf'an* iaitu pinjaman yang menjana manfaat kepada pembiaya dilihat terutama dalam bayaran upah simpanan emas yang dipajakkan yang disyaratkan bersama dengan pinjaman selain menjana keuntungan dari pembiayaan tersebut. Ini bercanggah dengan prinsip asas Shariah bahawa *ar-rahn* adalah salah satu kontrak yang bersifat *tabaru'u'at* atau kebajikan. Namun begitu, pihak pembiaya boleh menetapkan upah simpanan emas tersebut dengan syarat bahawa caj yang dikenakan kepada peminjam hanyalah kos yang berkait langsung dengan penyimpanan emas tersebut. Pembiaya juga perlu berhati-hati dalam perkara ini kerana manfaat tambahan yang diambil daripada peminjam bertentangan dengan objektif asal kontrak rahn dan berkemungkinan boleh dikategorikan sebagai riba'. Keputusan pematuhan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2020 dimana semua Institusi Kewangan Islam (IKI) perlu patuh dan laksanakan seperti yang tertakluk juga dalam seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Suatu institusi hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitinya adalah mematuhi Shariah.

4.2.1.2 Isu penggabungan kontrak

Isu yang kedua ialah penggabungan dua kontrak dalam satu akad terjadi apabila kontrak *qard* digabungkan dengan *ujrah* (upah simpan). Penggabungan konsep-konsep ini membawa kepada wujudnya beberapa kontrak yang berbeza dalam satu kontrak *ar-rahn*. Gabungan *ar-rahn* dan *wadi'ah yad al-dhamanah* boleh menyebabkan kesan undang-undang yang berbeza bagi setiap kontrak tersebut.²⁵⁹ Ini adalah disebabkan status

²⁵⁹ Mohamed Fairooz, A.K., Mohd Bahroddin, B., & Lokmanulhakim, H. (2012). Critical Appraisal of the Rahn-Based Islamic Microcredit Facility. International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). <http://ifikr.isra.my/documents/10180/16168/researchpaper45.pdf>

atau keadaan dalam mengembalikan dan penyimpanan barang yang digadaikan adalah berbeza dalam aplikasi kedua-dua kontrak tersebut. Cara penggabungan kontrak *ar-rahn* di Malaysia berdasarkan konsep-konsep Fiqh tersebut tidak mempunyai sebarang aturcara atau kaedah yang tetap dan tiada pengawalseliaan. Menurut Standard No. 25 AAOIFI (Klausa 4) (AAOIFI, 2017), kontrak-kontrak yang berdasarkan konsep-konsep fiqh boleh digabungkan apabila:

- a) Penggabungan kontrak tersebut tidak menglibatkan keadaan-keadaan yang diharamkan secara jelas oleh Syariah. Contohnya, apabila menggabungkan konsep kontrak jualan (*Al-bay'*) dan kontrak pinjaman (*al-qard*) dalam satu kontrak. Kedua-dua kontrak ini adalah berbeza dari segi tujuan dan cara amalannya. Maka, percanggahan amatlah senang berlaku apabila penggabungan kontrak-kontrak berbeza ini diamalkan. Percanggahan tersebut boleh menyebabkan hak-hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat terjejas dan tidak jelas. Apabila keadaan ini berlaku, ianya boleh mengganggu gugat perihal patuh Syariah dalam amalan tersebut.
- b) Penggabungan kontrak tidak boleh digunakan sebagai *hilah* (atau helah) untuk melakukan riba. Penggabungan kontrak seperti gabungan yang membawa kepada wujudnya *bay' al-'Inah*, atau hilah untuk melakukan riba *al-fadl* adalah dilarang. Penggabungan tersebut boleh membawa kepada pengharamannya di sisi Syariah.
- (c) Penggabungan kontrak juga tidak boleh digunakan sebagai jalan untuk mengamalkan riba seperti panggabungan kontrak *al-qard* dan kontrak *mu'awadhabh*²⁶⁰ yang lain. Kontrak-kontrak yang terdedah kepada unsur riba atau membolehkan riba diamalkan adalah sama sekali dilarang oleh Syariah seperti kontrak.

Penggabungan mana-mana kontrak tersebut tidak boleh bercanggah dengan matlamat utama kontrak atau intipati kontrak (*Muqtada' al-Aqd*) iaitu memberi

²⁶⁰ Kontrak *mu'awadhabh* merujuk kepada kontrak yang melibatkan penukaran dua nilai atau pampasan.

kebijakan kepada masyarakat dan bukannya mengaut keunungan yang berlebihan. Dalam produk *ar-rahn* ini, terdapat penggabungan antara kontrak *qard* dan *rahn*. Persoalan syarak yang timbul berkenaan dengan perkara ini adalah berkaitan dengan fi yang dikenakan kepada pihak penggadai. Jika bayaran tersebut bukanlah fi yang sebenar atau yang sepatutnya, maka bayaran tersebut akan dianggap sebagai seolah-olah suatu jalan untuk mendapat bayaran lebih daripada Qardhu Hasan yang diberikan. Keadaan ini boleh membawa kepada riba dan bertentangan dengan perkara (c) sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

4.2.1.3 Isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar.

Isu yang ketiga ialah berkaitan caj upah simpan (*ujrah*) melebihi dari kos sebenar. Secara amnya, caj upah simpan yang dikenakan oleh perbankan Islam adalah secara harian, bulanan, dan tahunan dengan mengira peratusan tertentu pada nilai marhun, tetapi bukan pada jumlah pinjaman. Mengenakan caj upah simpan dalam konteks pembiayaan *rahn* dianggap sebagai sejenis faedah yang timbul dari pinjaman.²⁶¹ Walaupun terdapat kadar ujrah yang tetap, bayaran yang dikenakan pada caj iaitu semakin tinggi jumlah marhun maka semakin tinggi jumlah pinjaman yang akan diperoleh pelanggan dan akibatnya jumlah ujrah yang lebih besar akan dikenakan.²⁶² Berdasarkan temubual daripade panel Syariah 1 mengatakan:

“kalau *ar-rahn* dulu cara pengiraan dia tak sama seperti yang baru ni, dia lebih kepada bayar upah simpanlah, sekarang ni kira keuntungan pulak. Yang sekarang ni lebih patuh syariah, kalau yang dulu tu ada isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar, yang sekarang ni takde dah.”²⁶³

Amalan ini hampir sama dengan pinjaman yang diberikan oleh bank konvensional dimana semakin tinggi pinjaman, semakin tinggi keuntungan bank akan diperolehi kerana

²⁶¹ *Ibid.*

²⁶² Ahmad Faizal, Mohd Shater, Mohammad Firdaus Mohammad Hatta and Mohd Sham Kamis, “The Attainment of Classical Rulings of Ar-rahn within the Contemporary Islamic Pawn Broking in Malaysia”, *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J) 1.2 (2017), 33-52.

²⁶³ Panel Syariah 1 (Bank Rakyat) temubual bersama pengkaji pada April 2021.

faedah bunga pinjaman tersebut, namun begitu, sekiranya faedah atau caj itu dikenakan bagi menggantikan kerugian sebenar, maka caj itu dibenarkan.²⁶⁴

Ujrah pada *marhun* tidak dibenarkan dari sudut pandangan Syariah kerana mengenakan *ujrah* dalam kontrak *ar-rahn* adalah manifestasi kepada mendapatkan lebihan atas pinjaman. Hakikatnya dalam kontrak *ar-rahn*, pemegang barang gadaian hanya boleh menuntut bayaran untuk menyelenggarakan aset atau *al-marhun* semata-mata dan tidak lebih daripada itu. Mengenakan kos penyelenggaraan (*nafqah*) sebenar untuk marhun boleh diterima berdasarkan hadis yang dikutip oleh al-‘Asqalani²⁶⁵ yang berbunyi:

إِذَا ارْتَهَنَ شَاءَ شَرِبَ الْمُرْهَنُ مِنْ لَبَنِهَا يُقْدِرُ عَلَفُهَا، فَإِنْ اسْتَفْضَلَ مِنْ الْلَّبَنِ بَعْدَ ثَمَنِ
الْعَلَفِ فَهُوَ رِبًا

Maksudnya: “Apabila seekor biri-biri itu telah digadai, pemegang gadai boleh meminum susunya sekadar perbelanjaan makan minum yang telah dikeluarkan untuk binatang tersebut. Sekiranya susu yang diambil itu lebih daripada kadar yang telah dibelanjakan maka ia adalah riba.”.²⁶⁶

Berdasarkan huraian di atas, dapat dijelaskan bahawa kos penjagaan yang perlu dibayar balik oleh penggadai tidak boleh melebihi kos sebenar yang telah dikeluarkan oleh pemegang gadai. Ini kerana apa yang dituntut daripada penggadai adalah hutang kerana pemegang gadai mendahuluikan wangnya bagi perbelanjaan barang gadaian berkenaan. Oleh itu sangat tidak wajar bagi pemegang gadai untuk menuntut lebih daripada perbelanjaan yang telah dikeluarkannya.

Justeru, pihak pemegang gadai sebenarnya boleh mengenakan bayaran atau caj tertentu kepada penggadai. Bayaran atau caj yang dikenakan sebenarnya bukan sebagai

²⁶⁴ AAOIFI 2015, Standard No. 9/1).

²⁶⁵ Al-‘Asqalani (t.t.), *Fath al-Bari*, j. 5. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, h.443; al-Syawkani (1993).

²⁶⁶ (*Fath al-Bari*, *Kitab ar-rahn*, Bab *ar-rahn markub wa mahlub*, No. 144).

upah penjagaan atau bukan berdasarkan konsep *wadi'ah* sebagaimana yang dilaksanakan hari ini, namun ianya berdasarkan kepada tuntutan ke atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pemegang gadai.

4.1.2.4 Isu memanfaatkan *marhun*

Isu yang keempat ialah isu memanfaatkan *marhun* yang timbul daripada produk pembiayaan *ar-rahn* sedia ada. Keberadaan barang gadaian di tangan pemegang gadai hanyalah sebagai kepercayaan dalam pelunasan hutang antara penggadai dan pemegang gadai, bukan bererti pemegang gadai memiliki atau berhak memanfaatkannya.²⁶⁷

Berdasarkan hadis rasulullah s.a.w:

“Dari Anas dia berkata, Rasulullah s.a.w ditanya: Seorang laki-laki dari kami meminjamkan (*qard*) harta kepada saudaranya, lalu saudaranya memberi hadiah kepada laki-laki itu. Maka rasulullah bersabda, jika salah seorang daripada kalian memberikan pinjaman (*qard*), lalu dia diberi hadiah, atau dinaikkan ke atas kenderaan si peminjam, maka janganlah dia menaikinya dan janganlah menerimanya. Kecuali hal itu sudah menjadi kebiasaan sebelumnya di antara mereka.”²⁶⁸

Berdasarkan “hadis ini, haram hukumnya pemegang gadai memanfaatkan barang gadaian, kecuali jika sebelumnya di antara mereka berdua sudah terbiasa saling memberi atau meminjamkan barang, maka hukumnya boleh.²⁶⁹ Manakala Asy-Syirazy bermazhab syafie²⁷⁰ berkata, jika seseorang mengajukan sebuah syarat dalam gadaianya yang menegaskan tujuan dari akad gadai, seperti berkata “saya menggadaikan barang untukmu tapi dengan syarat saya tidak akan menyerahkannya kepadamu, atau dengan syarat memberi manfaat kepadamu dan anakmu, maka syarat tersebut adalah batal berdasarkan sabda nabi s.a.w:

²⁶⁷ Taqiuddin an-Nabhani, *Al-Syakhshiyah Al-Islamiyah* (Beirut: Darul ummah, 2003), 2.

²⁶⁸ Hadis Riwayat Ibnu Majah.

²⁶⁹ Taqiuddin an-Nabhani, *Al-Syakhshiyah Al-Islamiyah*.

²⁷⁰ Al Bahr Al Muhith, jilid 8,91.

مَنْ اشْتَرَطَ شَرْطًا لَّيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَلَيْسَ لَهُ ، وَإِنْ اشْتَرَطَ مِائَةً شَرْطٌ

Maksudnya: setiap syarat yang tidak ada dalam kitabullah adalah batil, walaupun seratus syarat.²⁷¹

Oleh itu, dalam kes ini walaupun penggadai itu sendiri yang menyebut kepada penerima gadai, “aku gadaikan kereta aku kepada engkau dan kau boleh memanfaatkannya,” syarat ini tetap batil kerana bentuk gadaian dan pinjaman ini mendatangkan manfaat. Jika gadaian ini diberikan untuk jaminan kepercayaan transaksi hutang piutang, pemberi hutang sama sekali tidak boleh memanfaatkan barang gadaian, meskipun telah diizinkan rahin kerana ini adalah riba, kerana “setiap hutang yang memberikan keuntungan, maka itu adalah riba.” Bahkan Imam Ahmad berkata, itu riba murni. Ibnu Qudamah memetik ungkapan Imam Ahmad:

Imam Ahmad mengatakan, “saya membenci menggadaikan rumah, dan itu riba murni.” Maksud beliau, jika rumah dijadikan barang gadai untuk hutang, dan dimanfaatkan oleh murtahin (pemberi hutang).²⁷²

Namun begitu, sekiranya gadai selain hutang seperti jaminan untuk transaksi jual beli yang belum lunas atau jaminan dalam akad sewa-menyewa, maka pemberi hutang boleh memanfaatkan barang gadai jika pemilik barang mengizinkan.²⁷³ Maka, dapat dilihat dalam produk *ar-rahn* yang diamalkan oleh perbankan Islam sebelum ini adalah tidak memenuhi tuntutan syarak kerana wujud elemen memanfaatkan *marhun* (barang gadaian) dengan cara mengenakan caj upah simpan terhadap pelanggan disebabkan oleh kontrak *wadi'ah yad dhamanah* iaitu apabila pelanggan menyerahkan hartanya iaitu emas atau barang kemas kepada bank sebagai jaminan ke atas pinjaman. Namun begitu, kontrak

²⁷¹ Imam an-Nawawi, *Al-Majmu' Syarah Al Muhadzdzab* (Beirut: Darul fikr, 2008), 12.

²⁷² Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad, *al-Mughni* (Qahirah: Maktabah al-Qahirah: (t.t), 4.

²⁷³ *Ibid*

wadi’ah tidak relevan kerana pemegang gadai sememangnya diberi hak untuk meletakkan barang gadaian dalam pengawasannya berasaskan kontrak *ar-rahn* itu sendiri.²⁷⁴

4.1.2.5 Isu berkaitan fi/yuran bagi barang gadaian yang disimpan (Custody)

Apabila sesuatu barang berharga digadaikan, selalunya telah menjadi sebahagian amalan *ar-rahn* di Malaysia di mana sesuatu fi atau yuran akan dikenakan ke atas penyimpanan barang berharga tersebut (*custody*). Fi atau yuran yang dikenakan tersebut juga disebabkan oleh khidmat penjagaan barang berharga tersebut daripada rosak atau hilang. Di Malaysia, yuran penjagaan yang dikenakan dalam amalan *ar-rahn* ini tidak memiliki sebarang ketetapan yang jelas dari segi tempoh yuran yang dikenakan. Ini bermakna, yuran tersebut boleh dikenakan secara harian, bulanan ataupun tahunan. Secara khususnya, terdapat dua isu utama yang berkaitan dengan yuran atau fi penjagaan *ar-rahn*. Kedua-dua isu tersebut dibincangkan sebagaimana yang berikut:

- (a) Penentuan yuran bagi penjagaan barang dalam amalan *ar-rahn*. Mengikut amalan yang dilakukan di pasaran sekarang, yuran penjagaan adalah ditentukan berdasarkan pengiraan peratusan tertentu mengenai nilai *marhun* (barang yang disimpan). Yuran penjagaan tersebut tidaklah boleh dibuat berdasarkan jumlah yang dipinjamkan (*marhun bih*). Adalah dibimbangi di sini sekiranya yuran penjagaan dikenakan ke atas jumlah yang dipinjamkan maka keadaan tersebut boleh dianggap sebagai *hilah* kepada riba. Ianya dianggap sebegitu kerana ianya mengenakan tambahan bayaran kepada jumlah yang dipinjamkan tersebut adalah seumpama mengenakan faedah kepada jumlah hutang yang dipinjam oleh penggadai. Oleh yang demikian, caj yang dikenakan adalah berdasarkan nilai barang yang dicagarkan. Jika sekiranya caj yang dikenakan adalah lebih daripada caj yang sepatutnya (*taklifah fi’liyyah*), maka sangkaan (*syubhat*) akan berlakunya riba

²⁷⁴ Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, “Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu penilaian Semula”.

tetap kekal. Perkara yang sama telah diterimapakai oleh pihak Majlis Penasihat Shariah, BNM. Resolusinya menyebut:

“The Shariah Advisory Council (SAC) of Bank Negara Malaysia at its 194th meeting on 25 June 2019 and its 195th meeting on 31 July 2019 resolved that the Ar-Rahnu product structure offered by Islamic financial institutions (IFIs) through the combination of *Qard* (loan), *rahn* (pledge), *wadi’ah* (safekeeping) and *ujrah* (fee) does not fulfil the Shariah requirements in Rahn Policy Document due to the following: The interconditionality and interdependency between the loan contract and the elements of pledge, safekeeping and fee in the product structure give rise to the issues of *qard jarra nafan* (loan that benefits the lender) and *bai’ wa salaf* (combination of sales contract with a loan) which are prohibited in Shariah. In the Ar-Rahnu structure, each contract will not take effect without the other contracts. For instance, the loan will only be provided with the condition that customers safekeep their gold with the Islamic financial institution (IFI) where a safekeeping fee is charged. Such structure where the safekeeping fee charged is connected to the loan provided indirectly raises the issue of *qard jarra nafan*; and... The combination between the pledge and the loan contract in the Ar-Rahnu structure for the purpose of profit generation is not in line with the objective of both contracts (*muqtada ‘aqd*) in which the former is for pledging while the latter is for charity”.²⁷⁵

Berdasarkan resolusi di atas, dapat diketahui gabungan kedua-dua kontrak qard dan rahn dengan tujuan menjana keuntungan adalah bertentangan dengan objektif kontrak tersebut. Objektif asal kedua-dua jenis kontrak ini bukanlah untuk menjana keuntungan seperti mana tujuan kontrak jual beli (*bai’*), pelaburan (mudarabah dan wakalah bil istithmar) atau upah (*ujrah* atau *ijarah khadamat*). Polisi Dokumen Rahn menetapkan bahawa caj yang boleh dikenakan kepada pencagar hanyalah kos yang berkait langsung dengan penyimpanan aset cagaran.²⁷⁶ Dalam hal ini, sebarang caj yang melebihi kos langsung adalah tidak dibenarkan kerana ia akan membawa kepada penjanaan keuntungan yang mana ia bertentangan dengan objektif asal kontrak *rahn*²⁷⁷.

²⁷⁵ Salamgateway. (2019). Ruling of the SAC of BNM at its 194th and 195th Meeting. <https://www.salaamgateway.com/story/ruling-of-the-shariah-advisory-council-sac-of-banknegara-malaysia-at-its-194th-and-195th-meeting>

²⁷⁶ BNM, Policy Document Rahn, 2018.

²⁷⁷ BNM, Mesyuarat MPS Ke 179 (Kuala Lumpur, 2019) 3.

Alternatif kepada struktur yang ada pada masa kini ialah dengan menggantikan kontrak Qardhul Hasan dengan kontrak Tawarruq (*commodity murabahah*). Berdasarkan kontrak ini, institusi kewangan yang menawarkan khidmat Ar-Rahnu akan menjual komoditi kepada pelanggan dengan harga jualan (sale price). Pelanggan kemudiannya akan diminta meletakkan barang berharga yang ingin digadaikan sebagai Ar-Rahnu. Pihak institusi kewangan tersebut boleh mengambil kos sebenar penjagaan barang yang digadaikan. Namun, keuntungan yang sebenarnya adalah berdasarkan harga jualan dan bukan lagi daripada ujrah sewaan atau jagaan. Dengan cara ini, sangkaan (syubhat) akan berlakunya riba dapat dielakkan.

4.2.2 Isu-isu Syariah yang dikenalpasti dalam aplikasi produk *ar-rahnu* yang dikemaskini bermula tahun 2020

Isu-isu syariah yang dikenalpasti dalam aplikasi produk *ar-rahnu* yang telah diubahsuai adalah berkaitan dengan kontrak *tawarruq*. *Tawarruq* merupakan satu kontrak hibrid yang melibatkan tiga pihak. Ia diaplikasi melalui jual beli *murabahah* bagi mendapat kecairan tunai. Kontrak *tawarruq* diaplikasi secara meluas melalui produk-produk perbankan Islam Malaysia. Hal ini berikutan kelebihannya berbanding kontrak-kontrak lain. Jelasnya kebaikan kontrak *tawarruq* dalam pembiayaan adalah pihak pembiaya boleh menetapkan untung atas jualan komoditi secara tangguh. Selain itu, memberikan jaminan terhadap modal pendeposit dan memberikan jaminan keuntungan tetap. Meskipun begitu, disebalik kelebihan yang dimiliki, timbul beberapa isu syariah dalam *tawarruq* yang perlu diperhalusi dan dianalisis supaya aplikasi *tawarruq* dalam produk *ar-rahnu* semasa memenuhi syarak. Secara ringkasnya, terdapat beberapa isu Syariah yang berbangkit iaitu:

- a. Isu berkaitan dengan komoditi

- b. Isu berkenaan ketiadaan penyerahan dan pegangan
- c. Isu berkaitan pengaturan awal (pre-Arrangement)
- d. Isu *bay' al-'Inah*
- e. Isu berkaitan perwakilan
- f. Isu-isu teknikal

4.2.2.1 Isu Berkaitan Dengan Komoditi

Antara rukun yang terpenting untuk memastikan sesuatu transaksi jual beli itu sah menurut *syara'* ialah aset pendasar perlulah wujud dan berada dalam keadaan yang baik sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab Dua. Sekiranya aset tersebut tidak wujud, rosak atau tidak bernilai, maka ia akan menyebabkan transaksi tersebut tidak sah. Jual beli tanpa kewujudan barang adalah dilarang kerana mempunyai unsur *gharar* (ketidakpastian) sebagaimana *Rasulullāh SAW* bersabda dalam hadis:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاءِ، وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang jual beli hasah (tikam menggunakan batu) dan jual beli *gharar* (yang tidak jelas barang jualannya).”²⁷⁸

Terdapat kes-kes yang berlaku dalam pasaran pada hari ini khususnya yang melibatkan transaksi *tawarruq* terancang (*munazzam*), di mana aset atau komoditi yang dijual adalah komoditi yang telah rosak dan tidak boleh dimanfaatkan. Sebagai contoh, Syeikh ‘Alī Muhyiddīn al-Qarā Daghī menyatakan bahawa terdapat transaksi *tawarruq* yang telah dilakukan di pasaran komoditi antarabangsa telah menggunakan komoditi pendasar yang rosak dan tidak bermanfaat iaitu aluminium atau besi buruk dari Rusia yang telah disimpan dalam setor selama 10 tahun. Bahkan komoditi tersebut digunakan sebagai aset pendasar transaksi *tawarruq* disebabkan ia tidak lagi boleh dijual di pasaran

²⁷⁸ Irsyad Al-Fatwa, Hadis Riwayat Muslim, no hadis 1513.

kerana tidak mempunyai manfaat atau nilai pasaran.²⁷⁹ Bagaimana mungkin suatu barang yang tidak mempunyai manfaat atau telah hilang manfaatnya boleh digunakan sebagai aset pendasar dalam transaksi jual beli. Ini kerana matlamat jual beli adalah untuk mendapatkan aset atau subjek yang boleh dimanfaatkan.

Oleh yang demikian, dalam memastikan transaksi *tawarruq* yang dilakukan benar-benar memenuhi keperluan *syara'*, komoditi yang dijual beli hendaklah berada dalam keadaan yang baik dan dikenalpasti dengan jelas. Perkara ini adalah selari dengan apa yang telah diputuskan dan digariskan dalam Polisi Dokumen Tawarruq klausula 13.1 yang dikeluarkan BNM menyatakan:

“An asset which is eligible to be used as the subject matter of a tawarruq shall be either a tangible or an intangible asset provided that the asset is recognised by Shariah as valuable, identifiable and deliverable; and already in existence and owned by the seller in each respective sale and purchase contracts involved.”²⁸⁰

Kenyataan di atas menjelaskan bahwa komoditi yang dijual hendaklah dikenalpasti dengan jelas agar ia dapat dibezakan daripada aset penjual yang lain. Perkara ini dapat dilakukan dengan mengasingkan komoditi tersebut daripada aset penjual yang lain, atau merekodkan nombor dokumen tertentu seperti sijil penyimpanan.²⁸¹ Sekiranya komoditi tersebut tidak wujud dalam majlis aqad ketika mana perjanjian ditandatangani, pelanggan perlu diberikan perincian komoditi yang dibeli, atau contoh yang menunjukkan kuantiti komoditi tersebut dan tempat penyimpanannya.

Sebahagian cendekiawan membangkitkan isu kemungkinan komoditi yang sama dijual serentak kepada dua atau lebih pembeli. Ini disebabkan oleh kurangnya kawalan yang baik dalam pasaran komoditi hari ini, boleh membawa kepada berlakunya pertindihan komoditi yang akan dijual. Dalam erti kata yang lain, sesuatu komoditi yang

²⁷⁹ Asyraf, “Can Bursa Malaysia’s *Suq al-Sila’* (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy over *tawarruq*?”, 15.

²⁸⁰ BNM, Policy Document Tawarruq, 2018.

²⁸¹ AAOIFI, Sharia Standard, 525.

telah dijual kepada seseorang pembeli, boleh jadi dijual kepada pembeli yang lain pada masa yang sama.²⁸²

Walaupun belum terdapat sebarang bukti tentang perkara tersebut, ia memberikan satu ingatan bahawa perkara sedemikian tidak mustahil berlaku dan kesannya sangat besar terhadap kesahihan kontrak yang dimeterai. Dalam erti kata yang mudah difahami, sekiranya berlaku pertindihan harta, ini bermakna telah berlaku keadaan di mana penjual telah menjual sesuatu yang bukan menjadi miliknya. Sebagai contoh, broker A menjual komoditi kepada B, dan pada masa yang sama broker A menjual komoditi tersebut kepada pelanggan C. Dalam situasi sebegini mana mungkin broker A boleh menjual kepada pelanggan C kerana ketika itu komoditi tersebut telah menjadi milik pelanggan B. Ini bermakna broker A telah menjual sesuatu yang telah menjadi milik orang lain.

Sekiranya situasi ini berlaku, ia membawa kepada transaksi tersebut tidak sah kerana penjual menjual sesuatu yang belum dimiliki pada ketika transaksi jual beli dilakukan.²⁸³

Dalam aplikasi *ar-rahn* pula, isu Syariah mungkin berlaku berkaitan dengan komoditi ialah tiada urus niaga penjualan komoditi dalam transaksi tawarruq dilakukan dan tiada urus niaga penjualan komoditi antara Bank dan pelanggan pada urus niaga kedua transaksi tawarruq. Institusi perbankan Islam kebanyakannya menggunakan *tawarruq* sebagai kontrak asas dalam kebanyakan produk yang ditawarkan, dan penggunaan platform Bursa Suq Al-Sila (BSAS) telah membantu untuk menangani isu yang melibatkan komoditi sebagai aset pendasar. Berdasarkan praktis yang dilakukan oleh BSAS, hanya komoditi yang mematuhi Syariah sahaja dibenarkan untuk didagangkan di platform yang disediakan. Antara komoditi yang diniagakan di platform

²⁸² Aznan, “Why *tawarruq* need to stay”, laman sesawang *Islamic finance News*.

²⁸³ Al-Thayyar, al-Muthlaq, Muhammad, Ensiklopedia Fiqh Muamalah Dalam Pandangan Empat Mazhab, 8.

BSAS pada ketika ini ialah *Crude Palm Oil (CPO)*, *Plastic Resin (PE)* dan *RBD Palm Olein (OLN)*.²⁸⁴ Kesemua komoditi yang diniagakan akan dipastikan mempunyai nilai dan berada dalam keadaan yang baik. Berkenaan dengan kebarangkalian berlaku pertindihan komoditi yang telah digunakan untuk diniagakan, pihak BSAS telah menyediakan satu sistem elektronik sepenuhnya yang membolehkan pemilikan terhadap sesuatu komoditi yang telah dibeli dikenalpasti dan disahkan melalui e-sijil (*e-certificate*).

Butiran yang terdapat pada sijil termasuklah; no sijil, nama pembeli, tarikh, masa, kod produk, harga, timbangan, nama pembekal, tempat dan nombor tangki. Hal ini dapat mengelakkan daripada berlakunya pertindihan komoditi yang telah dijual.²⁸⁵ Melalui sistem ini mana-mana komoditi tidak mungkin akan dijual dua kali secara serentak. Namun begitu, ketiadaan proses jual beli komoditi telah mengakibatkan transaksi tidak patuh Syariah. Ini dijelaskan dalam temubual bersama Eksekutif Syariah 1:

“Jadi isu yang berlaku adalah, potensi untuk berlaku ketidakpatuhan tu contohnya akhir sekali kita buat *disburse*, jadi bila mana kita tukar *tawarruq* ni, kita kena pastikan bahawa proses jual beli ini kena lengkap dulu, kalau tak lengkap, tak boleh *disburse*. Kalau kita *disburse* dulu sebelum kita proses jual beli ini, jadi SNC lah.”²⁸⁶

Dalam isu berkaitan komoditi ini, pegawai bank perlu memastikan transaksi dilengkapi sepenuhnya dahulu sebelum pengeluaran, kedua, apabila proses jual beli komoditi itu tidak dilaksanakan. Isu berkaitan komoditi ini banyak terjadi ini pada awal-awal penukaran kontrak *ar-rahn*. Ini kerana pengurusan yang kurang baik

²⁸⁴ Bursa Malaysia Berhad, laman sesawang *Bursa Malaysia*, dicapai pada 25 Disember 2013, <http://www.bursamalaysia.com/market/islamic-markets/products/bursa-suq-al-sila/commodities/>. Pada masa ini, terdapat dua puluh (20) komoditi yang boleh ditawarkan di BSAS dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti. Namun, hanya tiga jenis komoditi sahaja yang sedia ada untuk diniagakan di platform BSAS pada ketika ini.

²⁸⁵ Mohd Izuwan, “Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad” 102.

²⁸⁶ Pakar Syariah 1 (Eksekutif Syariah, Bank Rakyat) dalam temubual Bersama pengkaji pada April 2021, jam 11: 00 pagi.

disebabkan tempoh yang terlalu singkat bagi pihak bank. Namun begitu, masalah dan isu ini dapat diselesaikan berikutan dengan sistem yang telah dibaik pulih oleh pihak bank.

4.2.2.2 Isu Berkaitan Penyerahan dan Pegangan

Antara perkara asas yang perlu dititikberatkan dalam sesuatu transaksi jual beli ialah memastikan bahawa barang atau aset yang hendak dijual itu dimiliki oleh penjual pada waktu kontrak itu dilakukan iaitu sebelum menjualkannya kepada pembeli. Perkara ini penting kerana tujuan kontrak jual beli itu dilakukan adalah untuk memindahkan pemilikan sesuatu barang daripada penjual kepada pembeli serta bayaran daripada pembeli kepada penjual. Kegagalan untuk memastikan ia dilaksanakan dengan betul mengikut *syara'* akan menyebabkan kontrak jual beli tersebut menjadi tidak sah.²⁸⁷ Antara petunjuk yang membuktikan bahawa penjual telah memiliki barang tersebut adalah dengan adanya pegangan atau penguasaan (*qabd*) dan penyerahan (*taslīm*).

Dari segi istilah fiqh, *qabd* bermaksud, memberikan kemampuan, mengosongkan dan mengangkat semua halangan secara '*urf*', '*ādah*' dan *haqīqah*.²⁸⁸ AAOIFI pula mendefinisikan *qabd* sebagai penguasaan ke atas sesuatu dan apa juu yang termasuk dalam hukumnya (penguasaan tersebut) berdasarkan tuntutan '*urf*'.²⁸⁹ Perbincangan berkenaan perkara ini telah dilakukan oleh para fuqaha' dengan panjang lebar sekali dalam bab khusus berkenaan pegangan (*qabd*) dan penyerahan (*taslīm*) dalam pembelian. Majoriti fuqaha' menyatakan bahawa barang yang dijual perlulah diserahkan kepada pembeli dan diterima di tangan pembeli atau sekurang-kurangnya penjual

²⁸⁷ Asyraf, "Can Bursa Malaysia's *Suq al-Sila'* (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy over *tawarruq*?", 15.

²⁸⁸ Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abū Bakr b. Mas'ūd, *Badā'i' al- anā'i fī Tartīb al-Sharā'i'*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1982), 5:148.

²⁸⁹ AAOIFI, Shariah Standard, 329.

menbenarkan pembeli untuk mendapatkan barang yang dijual tersebut tanpa sebarang sekatan.

Menurut ulama' mazhab Ḥanafī, tidak harus dibuat pengurusan (*taṣarruf*) ke atas harta alih yang dijual sebelum adanya *qabḍ*. Nabi Muhammad SAW melarang penjualan sesuatu barang sebelum berlakunya *qabḍ*.

Secara umumnya *qabḍ* dalam muamalat boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu:

1. *Qabḍ Haqīqī* (pegangan secara hakiki).

Ia adalah *qabḍ* yang berlaku secara fizikal dengan mengambil menggunakan tangan, atau sukatan atau timbangan bagi makanan atau dengan memindah dan mengalih (barang belian) kepada pemilikan atau penguasaan *qābiḍ* (pembeli). ²⁹⁰

2. *Qabḍ ḥukmī*²⁹¹ (pegangan secara konstruktif)

Qabḍ ḥukmī adalah sebalik *qabḍ haqīqī*, iaitu *qabḍ* yang berlaku secara tidak zahir. Walupun tidak zahir, perundangan Islam tetap menyamakan statusnya dengan *qabḍ haqīqī*.²⁹² Ia merupakan serahan yang membawa kepada penguasaan (*hiyāzah*) dan kemampuan (*tamakkun*) untuk bertransaksi dengan barang tersebut, iaitu berdasarkan kepada adat ('urf) semasa, tanpa pengambilan dengan tangan. ²⁹³

Selain itu, penyerahan (*taslīm*) juga adalah satu elemen yang akan menentukan sesuatu transaksi itu sah atau tidak. Penyerahan barang yang dijual kepada pembeli merupakan kewajipan penjual yang terhasil daripada kontrak jual beli. Ia adalah sama seperti penyerahan harga kepada penjual yang merupakan kewajipan pembeli yang terjadi daripada kontrak jual beli. Ini kerana penyerahan dua barang tukaran adalah wajib ke atas

²⁹⁰ Resolusi no.53 (6/4), *Majallat Majma' al-Fiqh al-Islāmi*, sesi 6, jiid no.4, h.770.Persidangan ke-6 Akademi Fiqh Antarabangsa pada 20 Mac 1990.

²⁹¹ OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh*, bil. 6 (Jeddah: OIC, 1988), j.1, 560-561.

²⁹² Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2006), 126-127.

²⁹³ Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Mu‘āmalat al-Āmaliyyah al-Mu‘āsirah*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2008).166.

dua pihak yang berkontrak, demi untuk memastikan berlakunya pemilikan bagi setiap barang tukaran itu.

Berdasarkan praktis semasa jual beli komoditi ini, timbul sedikit keraguan berkenaan penyerahan dan pegangan terhadap komoditi yang dijual, sama ada ia benar-benar berlaku atau sebaliknya. Isu berkaitan tiadanya penyerahan komoditi tampak jelas kelihatan dalam sesetengah amalan semasa apabila tidak ada sebarang keinginan daripada pembeli untuk mengambil komoditi yang telah dibeli. Ini kerana pelanggan bebas memilih komoditi itu diserahkan dan dihantar kepada pelanggan. Dalam hal ini pelanggan membuat pilihan sama ada ingin menerima penyerahan komoditi atau sebaliknya terus melantik bank menjual komoditi tersebut kepada Broker. Hal yang demikian, akan menyebabkan salah satu daripada prinsip yang penting dalam transaksi jual beli tidak dapat dipenuhi. Yang akhirnya akan membawa kepada ketidaksahihan transaksi yang dilakukan.²⁹⁴ Pada hakikatnya pembeli atau pelanggan yang membeli komoditi secara tangguh dan pelanggan yang menjual komoditi kepada broker melalui perlantikan bank sebagai ejen adalah pemilik kepada komoditi yang telah dibeli. Oleh yang demikian, pembeli berhak kepada penyerahan dan penguasaan terhadap komoditi tersebut. Pembeli juga bebas melakukan sebarang tindakan terhadap komoditi tersebut, sama ada mahu mengunkannya sendiri atau menjualkannya kepada pihak lain. Oleh itu, sekiranya pembeli menuntut penyerahan komoditi tersebut pihak penjual perlu bersedia untuk menghantarnya.

Dalam aplikasi *ar-rahn* berdasarkan *tawarruq*, berdasarkan temubual yang dijalankan, isu berkenaan pemegangan deposit dan pengeluaran wang sebelum transaksi *tawarruq* dilakukan juga turut berlaku. Menurut Eksekutif Syariah 1:

“Ibaratnya macam ni lah, kita ada dua potensi isu yang besar, satu pengeluaran dibuat kepada *customer* sebelum beli komoditi, proses transaksi jual beli komoditi, yang kedua, proses jual beli komoditi tu tak buat langsung. Terus bagi

²⁹⁴ Aznan Hasan, “Why *tawarruq* need to stay”.

duit kepada *customer*. Jadi no satu tu, dia akan jdi tak patuh syariah lah dan dia akan jadi.”²⁹⁵

Kebiasaannya, jika terdapat halangan tertentu yang menyebabkan pihak bank tidak dapat melakukan transaksi tawarruq sejurus bank mengeluarkan wang kepada pelanggan melalui transaksi pembiayaan pajak gadai-I (*tawarruq*),²⁹⁶ pihak institusi perbankan akan menempatkan wang tersebut ke dalam pasaran wang bagi mendapatkan keuntungan jangka masa pendek.²⁹⁷ Amalan ini menimbulkan isu Syariah *bay’ wa salaf* yang dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan majoriti fuqaha’. Bertitik tolak daripada itu, isu ini telah dibincangkan secara mendalam semasa Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, pada 16 sehingga 17 Mei 2017, di Putrajaya. Terdapat beberapa ‘illah yang menjadi punca amalan *bay’ wa salaf* dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan majoriti fuqaha.²⁹⁸ Antaranya ialah:

- 1) Kewujudan elemen riba atau hilah kepada riba; terdapat manfaat kepada pemberi pinjaman.
- 2) Syarat yang bercanggah dengan objektif kontrak.
- 3) Terdapat elemen *gharar* dalam harga.
- 4) Kewujudan dua kontrak dalam satu transaksi.

Berdasarkan temubual yang dijalankan, pihak bank akan memastikan pembelian komoditi itu benar-benar berlaku sebelum pengeluaran, dan status komoditi itu dimiliki dan diserahkan kepada pembeli, bukan sekadar *hilah* bagi mendapatkan sesuatu. Lawatan dan pemeriksaan komoditi oleh institusi perbankan Islam juga dilakukan oleh staf bank sendiri secara berkala dan terancang ke platform-platform komoditi yang dilanggan oleh

²⁹⁵ Pakar Syariah 1 (Eksekutif Syariah, Bank Rakyat) dalam temubual Bersama pengkaji pada April 2021, jam 11: 00 pagi.

²⁹⁶ Abdul Ghafar dan Nik Abdul Rahim, “Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle” An Option That Triggers New Issues,” 388-396.

²⁹⁷ Mahadi Ahmad dan Riaz Ansary, Fiqhi views on Bay’ wa al-Salaf and Qard-Based Islamic Banking Deposit Accounts in Malaysia,” *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(1), (2017), 106-112.

²⁹⁸ Mahadi Ahmad dan Shamsiah Mohamad, “Bay’ wa al-Salaf: Analisis Daripada Perspektif Fiqah” (Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, Putrajaya, 16-17 Mei 2017), 1-20.

pihak bank bagi memastikan ianya mertepatan dengan syariah. Walaupun terdapat pengawalseliaan tersendiri yang dilakukan oleh platform-platform tersebut, namun di pihak institusi perbankan Islam perlu melakukan penelitian dan pengawasan terhadap keadaan dan keberadaan komoditi yang menjadi aset pendasar secara berkala bagi memastikan transaksi yang dijalankan selari dengan kehendak Syarak, seterusnya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap operasi institusi perbankan Islam.

4.2.2.3 Isu berkaitan Pengaturan Awal (*Pre-Arrangement*)

Pengaturan awal merujuk kepada proses susunan terancang terhadap sesuatu aktiviti sebelum ia dimulakan. Aktiviti institusi kewangan pada hari ini tidak dapat lari daripada proses pengaturan awal. Mendepani dunia kewangan moden pada hari ini, proses pengaturan awal wajar dilaksanakan bagi mengawal sebarang risiko kesalahan dan kerugian, malah menghasilkan pulangan keuntungan.²⁹⁹ Tanpa proses aturan awal yang baik dilakukan, ia akan mengundang risiko kerugian kepada institusi kewangan di samping memberikan respons negatif pelanggan terhadap institusi kewangan tersebut.

Melalui kontrak *tawarruq*, pihak institusi perbankan membuat aturan awal dari aspek penentuan pihak pembeli komoditi dan hasil keuntungan sebelum transaksi dilakukan. Bentuk pengaturan awal yang dilakukan merupakan perbezaan terbesar di antara *al-tawarruq al-fiqhī* dan *al-tawarruq al-munazzam*. Hal ini dijelaskan oleh Eksekutif Syariah 1 dalam temubual yang dilakukan, beliau menyatakan:

“Bentuk pengaturan awal, maksudnya ialah kita sudah *arrange* awal. Dari kita beli, kemudian kita jual balik. Dia *appoint* kita as *agent* semasa awal dia datang itu, so itu lah bentuk pengaturan awal kita, yang

²⁹⁹ Zainor Nasrah dan Siti Khadijah, “Tawarruq as a Useful Instrument to Finance Retail the Halal Way,” *Social and Behavioral Sciences* 121, (2014), 281 – 290.

mana kita namakan *al-tawarruq al-munazzam*. *Arrangement* tawarruq itu adalah satu aturan.”³⁰⁰

Pihak institusi perbankan lebih gemar menggunakan kontrak tawarruq dalam produk deposit kerana ia mampu menjamin modal, kecairan tunai dan keuntungan. Hal ini tidak seperti kontrak lain yang tidak mampu memberi jaminan terhadap ketiga-tiga elemen dalam satu masa seperti *mudārabah* dan *qard*.

Sementara itu, pihak pelanggan juga lebih senang memilih produk yang tidak merugikan pihaknya kerana matlamat utama yang diingini adalah membuat simpanan wang di samping menjana keuntungan.

Walaupun begitu, berpunca daripada matlamat kecairan wang melebihi dari struktur kontrak, dakwaan helah kepada riba secara terselindung berlaku. Ini berikutan sebilangan institusi perbankan yang tidak memberi pilihan kepada pelanggan untuk memiliki komoditi yang dibeli melalui wakil secara fizikal, sebaliknya perlu dijual semula kepada pihak seterusnya³⁰¹ bagi memelihara kelangsungan kontrak dan menjamin keuntungan.³⁰²

Bentuk pengaturan sebegini menimbulkan kritikan berkaitan *hilah* kepada riba oleh beberapa pihak. Namun begitu, berpandukan dokumen polisi BNM, pemilikan aset perlu berlaku sama ada secara hakiki atau hukmi. Ini jelas dalam Dokumen Polisi Tawarruq klausa 13.9, menyatakan:

13.9 *Possession of the asset shall either be in the form of qabd haqiqi (physical possession) or qabd hukmi (constructive possession).*³⁰³

³⁰⁰ Pakar Syariah 1 (Eksekutif Syariah, Bank Rakyat) dalam temubual Bersama pengkaji pada April 2021, jam 11: 00 pagi.

³⁰¹ Muhammad Taqī al-Uthmānī, “Ahkām al-Tawarruq wa taṭbīqātuhu al-maṣrāfiyah,” 519.

³⁰² Global Islamic Finance Report, “Sharia Analysis of Tawarruq Based Products,” laman sesawang GIFR, dicapai 10 Januari 2020, <http://www.gifr.net>.

³⁰³ Bank Negara Malaysia, “Tawarruq”, dicapai pada 3 Mac 2019.

Lazimnya, pemindahan komoditi dilakukan secara *hukmī*. Amalan ini merupakan satu bentuk *maṣlaḥah* kepada institusi perbankan Islam dan juga pelanggan kerana kedua-duanya pemilikan komoditi bukanlah motif utama transaksi dibuat, sebaliknya kecairan dan keuntungan hasil jualan komoditi tersebut.³⁰⁴ Di samping itu, tohmahan *hilah* kepada riba ini dilontarkan berpunca daripada transaksi belian dan jualan komoditi oleh pihak bank yang menjadi wakil pelanggan dilakukan dalam masa yang singkat.³⁰⁵

4.2.2.4 Isu Berkaitan *Bay‘ Al-‘Inah*

Isu yang dibangkitkan juga oleh pengkriti-pengkritik atau golongan yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan *tawarruq munazzam* ialah berkenaan isu *bay‘ al-‘inah*. Ini kerana, sebahagian fuqaha’ menyatakan bahawa sekiranya komoditi yang telah dijual tersebut kembali semula kepada penjual asal melalui sebarang bentuk perjanjian maka ia akan membawa kepada isu *bay‘ al-‘inah*.³⁰⁶

Terdapat dua jenis *tawarruq* yang diamalkan iaitu *tawarruq* sebenar dan *tawarruq* secara terancang. Majoriti ulama’ membenarkan transaksi *tawarruq* sebenar kerana ia bebas daripada sebarang unsur riba, tidak mengandungi sebarang unsur ‘*inah* yang dilarang. Walau bagaimanapun, *tawarruq* yang kedua iaitu *tawarruq* secara terancang adalah dilarang oleh majoriti ulama’ semasa kerana terdapat unsur riba padanya. Hakikatnya ia adalah pinjaman yang berasaskan riba daripada pihak bank kepada pelanggannya.³⁰⁷

Perkara ini dengan jelas dinyatakan dalam piawai Syariah AAOIFI no. 30 perenggan 4/5, bahawa komoditi yang menjadi aset pendasar dalam transaksi *tawarruq* mestilah dijual kepada pihak lain selain daripada penjual asal yang dibeli secara bayaran

³⁰⁴ Mohamed Fairooz et al., “Hiyal Dan Makhrij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam,” 1-31.

³⁰⁵ *Ibid*

³⁰⁶ AAOIFI, *Shariah Standard*, 526. Asyraf, “Can Bursa Malaysia’s *Suq al-Sila*’ (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy over *Bay‘ al-Tawarruq* ,”,17,..

³⁰⁷ Ibrāhīm Fāḍil al-Dabū, “*Bay‘ al-tawarruq*, Its reality and types,”.6.

bertangguh atau dalam ertikata yang lain kepada pihak ketiga untuk mengelakkan daripada berlaku ‘*īnah*, yang jelas dilarang. Komoditi tersebut juga sepatutnya tidak kembali semula kepada penjual asal melalui sebarang perjanjian atau persepakatan dua pihak ataupun mengikut adat perniagaan semasa.³⁰⁸

Lebih memburukkan lagi keadaan, terdapat broker atau pihak yang berperanan untuk menguruskan transaksi *tawarruq* tidak membenarkan pihak pembeli/pelanggan melakukan proses pengauditan. Situasi sebegini menambahkan lagi kebarangkalian komoditi tersebut dijual semula kepada pihak penjual asal dan akan digunakan semula untuk tujuan transaksi *tawarruq* yang lain. Perkara ini tidak dapat dibuktikan melainkan dengan cara dilakukan proses pengauditan secara menyeluruh.

Perpindahan pemilikan terhadap komoditi yang diniagakan hendaklah benar-benar berlaku di antara penjual dan pembeli tanpa ada sebarang helah atau persepakatan yang boleh membawa kepada berlakunya riba yang dilarang.

Berkenaan isu pra-aturan yang boleh membawa kepada *bay‘ al-‘īnah*, berdasarkan praktis perbankan yang menggunakan platform BSAS, setelah penjualan komoditi dilakukan di antara pihak bank dan pelanggan, pihak bank sebagai wakil yang dilantik oleh pelanggan akan menjual komoditi tersebut juga melalui platform BSAS yang sedia ada. Berdasarkan peraturan yang dibuat oleh pihak BSAS, penjualan komoditi (transaksi jual beli ketiga dalam struktur *tawarruq*) kepada Pedagang Komoditi B akan dilakukan secara rawak dalam pasaran sebenar. Setelah pemilikan komoditi tersebut berpindah kepada pedagang komoditi, komoditi tersebut boleh jadi ditawarkan semula dalam pasaran BSAS untuk tujuan urus niaga lain, dan boleh jadi tidak ditawarkan semula.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa sistem yang disediakan oleh BSAS seperti yang dinyatakan di atas dapat mengelakkan daripada berlakunya *bay‘ al-‘īnah*

³⁰⁸ AAOIFI, Shariah Standard, 526.

yang dilarang dimana komoditi yang dijual kembali kepada penjual asal secara terancang.

4.2.2.5 Isu Berkaitan Perwakilan

Isu agensi (*wakīl*) merupakan isu yang sering dikaitkan dalam perbahasan berkenaan kontrak *tawarruq*. Urusan jual beli komoditi pihak pelanggan dalam produk pembiayaan berdasarkan kontrak *tawarruq* dilaksanakan oleh ejen yang dilantik.³⁰⁹ Menerusi amalan sistem perbankan Islam di Malaysia, pelanggan akan mewakilkan pihak bank sebagai ejen bagi melakukan transaksi beli dan jual komoditi tersebut.

Dalam aplikasi semasa *tawarruq* secara terancang (*munazzam*) yang melibatkan pembiayaan oleh pihak bank kepada pelanggan, pihak pelanggan akan membuat permintaan pembelian komoditi kepada pihak bank. Berdasarkan permintaan tersebut, pihak bank akan membeli komoditi daripada penjual komoditi. Setelah memiliki komoditi tersebut, pihak bank akan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga dengan bayaran secara bertangguh. Setelah membeli komoditi tersebut, pelanggan akan menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai. Akan tetapi jualan tersebut tidak dilakukan sendiri oleh pelanggan. Sebaliknya perkara tersebut akan dilakukan oleh pihak bank sebagai wakil yang dilantik oleh pelanggan.

Aplikasi *tawarruq* yang diterangkan di atas kelihatan bertentangan dengan apa yang telah digariskan dalam piawai Syariah AAOIFI No. 30 perenggan 4/8 hingga 4/9 iaitu:

- “i) The Institution should not arrange proxy of a third party to sell, on behalf of the client, the commodity that the client purchased from the Institution.
- ii) The client shall not sell the commodity except by himself or through an agent other than the Institution, and shall duly observe the other stipulations.”³¹⁰

Kenyataan di atas bermaksud:

³⁰⁹ Nor Fadilah dan Nuzul Akhtar, “Kontrak Shariah Al-Tawarruq: Konsep dan Aplikasinya dalam Produk Perbankan Islam,” (329-240).

³¹⁰ AAOIFI, Shariah Standard, 526.

- I. Pihak bank atau wakilnya tidak sepatutnya menjual komoditi bagi pihak pelanggan sekiranya pelanggan membeli komoditi daripada pihak bank pada peringkat awal.
- II. Sebaliknya pelanggan perlu menjual komoditi tersebut sendiri atau melalui wakil mereka sendiri. Apa yang pihak bank boleh lakukan ialah menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak pelanggan untuk menjual komoditi tersebut.

Oleh yang demikian, kebanyakan cendekiawan Islam khususnya dari Timur tengah tidak membenarkan transaksi *tawarruq munazzam* ini. Antara yang berpandangan sedemikian ialah Syeikh Shubaylī yang berpandangan bahawa perlantikan penjual (bank) sebagai wakil untuk menjual kepada pihak ketiga adalah dilarang. Beliau menyatakan bahawa terdapat dua kategori *tawarruq* iaitu *tawarruq jā'iz* (*tawarruq* yang diharuskan) dan *tawarruq muḥarram* (*tawarruq* yang dilarang). *Tawaruq* yang diharuskan ialah transaksi yang dilakukan apabila pelanggan membeli komoditi secara bayaran bertangguh, dan kemudian menjual semula komoditi tersebut setelah mendapat pegangan (*qabd*) secara tunai kepada pihak ketiga.³¹¹

Dalam aplikasi *ar-rahn*, tiada pelaksanaan aqad *wakalah* dalam kontrak *tawarruq* turut menjadi salah satu isu syariah. Kebiasaannya, pelanggan akan mewakilkan bank untuk membeli komoditi daripada pembekal dan juga menjual komoditi tersebut kepada pedagang komoditi. Amalan ini dapat memudahkan urusan pelanggan yang bertransaksi. Sekiranya perlantikan bank sebagai wakil kepada pelanggan untuk menjual kepada pihak ketiga tidak dilakukan, maka ia akan menimbulkan kesukaran kepada pelanggan khususnya kepada pelanggan runcit. Ini kerana, bagi pelanggan runcit ini, mereka tidak mempunyai kapasiti atau kemampuan untuk berurusan terus dengan pihak pedagang komoditi. Pada masa yang sama platform BSAS ini hanya membenarkan ahli yang

³¹¹ Sila rujuk, <http://www.shubily.com/index.php/news=131> dicapai pada 10 Mac 2020.

berdaftar sahaja untuk bertransaksi menggunakan platform tersebut.³¹² Maka bagi pelanggan secara individu, sudah pasti sukar untuk mereka berurusan menggunakan platform ini kerana tidak berdaftar sebagai ahli.

Hakikatnya, perwakilan ini amatlah membantu pelanggan kerana pelanggan tidak mempunyai capaian kepada sistem yang disediakan menyebabkan penjualan kepada pihak ketiga tidak dapat dibuat dan akhirnya kemudahan kewangan di institusi Islam tidak dapat dimanfaatkan. Lebih menyedihkan lagi, pelanggan menggunakan kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh ‘along’ dan institusi konvensional sebagai alternatif. Namun begitu, jika aqad wakalah ini tidak dilaksanakan tetapi bank tetap membeli dan menjual komoditi atas pihak pelanggan, maka situasi ini akan menimbulkan ketidakpatuhan Syariah.

4.2.2.6 Isu-isu teknikal

Isu teknikal adalah isu yang sering berlaku akibat kecuaian oleh pihak perbankan dalam mengendalikan pelaksanaan akad tawarruq ini. Isu teknikal merupakan isu yang sering terjadi dan merupakan isu yang paling kerap terjadi berbanding isu-isu lain. Berdasarkan temubual Bersama Eksekutif Syariah 2:

“Isu Syariah yang lain mungkin salah *selling price*, salah kira, isu-isu teknikal lah, mungkin boleh berlaku kalau melibatkan manual bila staf kena *key in*, salah masuk amaun *financing*, salah *generate profit*, benda macam tu akan timbul lah. Tapi dia ada banyak *reference* lah kalau dari segi Syariah, mksdnya kita tak *fully depend on contract* tu, so kita boleh tengok benda-benda lain juga.”³¹³

Antaranya ialah transaksi tawarruq yang tidak lengkap dilakukan oleh Ejen Jualan Telemarketing BICC. Selain itu, kesalahan dalam pelaksanaan pembukaan akaun

³¹² Rules of Bursa Malaysia Islamic Sevices Sdn. Bhd, Chapter 3 Participantship, Rule 301.5 (1), laman sesawang *Bursa Malaysia*, dicapai pada 25 Disember 2020, http://www.bursamalaysia.com/misc/system/assets/313/rules_bmis_chapter3.pdf

³¹³ Pakar Syariah 2, (Eksekutif Syariah, Bank Muamalat) dalam temubual bersama pengkaji pada April 2021.

pembiayaan pajak gadai-I (*tawarruq*). Akhir sekali, kesalahan dalam merekodkan harga jualan dan sijil komoditi untuk produk pembiayaan pajak gadai-I (*tawarruq*). Isu Syariah yang lain adalah seperti isu-isu teknikal mungkin terjadi apabila sistem bank yang digunakan tidak berfungsi dengan betul pada sesuatu masa dan proses pembiayaan akan dilaksanakan secara manual. Antaranya ialah tersalah memasukkan harga jualan, tersalah kira, tersilap memasukkan masuk jumlah pembiayaan, tersilap menjana keuntungan dan isu-isu teknikal yang lain. Kesalahan atau isu teknikal ini akan mengakibatkan transaksi yang dijalankan tidak memenuhi keperluan Syariah di mana bank tidak boleh mengambil keuntungan daripadanya dan tidak boleh dikira sebagai pendapatan bank.

Bagi mengelakkan isu-isu teknikal seperti di atas berlaku. Pihak bank telah menggunakan inisiatif yang baik seperti menggunakan sistem pengurusan yang sesuai dan ditambah baik bagi boleh mengelakkan kesalahan-kesalahan teknikal berlaku dalam pelaksanaan transaksi produk *ar-rahn*.

4.6 Kesimpulan

Jelasnya, walaupun institusi perbankan telah bertukar arah kepada alternatif *ar-rahn* iaitu aplikasi *tawarruq*, tetapi masih terdapat banyak isu yang mungkin berlaku di dalam *tawarruq*. Namun begitu, pihak bank mempunyai mekanisme kawalan risiko yang khusus berhubung isu-isu yang timbul dalam *tawarruq* dan ditambah baik dalam pengurusan kontrak *ar-rahn*. Selain itu, perubahan kontrak yang dilaksanakan di institusi perbankan iaitu kepada aplikasi *tawarruq* kini dilihat tidak mempunyai perbezaan yang ketara cuma kontrak dan pelaksanaannya sahaja berbeza dan tidak membebankan masyarakat sama sekali. Akhir sekali, dapat diketahui bahawa kontrak *tawarruq* merupakan kontrak yang mempunyai risiko yang tinggi untuk berlaku ketidakpatuhan Syariah berbanding kontrak lain.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam penulisan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Berdasarkan bab-bab sebelum ini telah menceritakan secara mendalam bermula daripada bab pertama mengenai pendahuluan kajian manakala bab kedua mengenai konsep kontrak-kontrak berkaitan dalam aplikasi *ar-rahn* menurut perspektif fiqh di mana ianya terdiri daripada kontrak *rahn*, *qard*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah*. Seterusnya, diikuti bab ketiga berkenaan modus operandi produk *ar-rahn* yang diaplikasikan di bank-bank terpilih dan bab keempat adalah mengenai analisis isu-isu syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di perbankan islam terpilih menurut perspektif fiqh. Oleh itu, bab kelima ini akan membincangkan rumusan kajian secara keseluruhan dan cadangan kepada penulis yang akan datang.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Secara kesimpulannya, *ar-rahn* merupakan satu produk yang memainkan peranan yang amat penting kepada golongan masyarakat kerana sesiapa sahaja boleh mendapatkan pembiayaan *ar-rahn* selagi mereka mempunyai emas. *Ar-rahn* juga merupakan antara kontrak yang digunakan dalam produk pembiayaan Islam bagi membantu individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memperolehi wang dengan segera dan mudah. Para *fuqaha'* telah bersepakat bahawa hukum kontrak pajak gadai (*ar-rahn*) adalah diharuskan berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah. Bertitik tolak daripada dalil keharusan yang berbentuk umum, maka aplikasi kontrak *al rahn* di Malaysia adalah berbentuk hibrid di mana terdapat gabungan beberapa kontrak Islam yang lain dalam satu produk pembiayaan iaitu *al-qard al-hasan* (pinjaman tanpa faedah), *ar-rahn* (cagaran) *al-wadi'ah* (simpanan) dan *al-ujrah* (upah simpan) seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia.

Namun begitu, pada tahun 2019 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia memutuskan bahawa produk pembiayaan yang diamalkan oleh perbankan Islam Malaysia adalah tidak memenuhi keperluan syariah yang ditetapkan. Keputusan ini telah memberi implikasi besar terhadap operasi perbankan Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini meneliti isu-isu syariah yang berbangkit daripada produk pembiayaan *ar-rahn* yang sedia ada dan isu-isu Syariah berkaitan kontrak semasa iaitu kontrak *tawarruq* seterusnya isu-isu tersebut akan dianalisis dari perspektif fiqh.

5.2.1 Objektif 1: Menjelaskan kontrak-kontrak yang mendasari produk menurut perspektif fiqh.

Antara persoalan untuk mencapai objektif kajian adalah dengan menjelaskan berkaitan kontrak-kontrak yang mendasari produk *ar-rahn* yang terdiri daripada *ar-rahn*, *qard*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah* dari segi definisi, hukum dan dalil, rukun dan syarat, akhir sekali dijelaskan juga berkaitan perkara-perkara yang membatalkan kontrak. Hasil kajian ini diterangkan dalam bab kedua. Melalui kajian yang dilakukan, didapati bahawa *ar-rahn* merupakan mekanisme gabungan keempat-empat kontrak diatas. Hukum sesuatu kontrak dalam produk *ar-rahn* adalah harus berdasarkan dalil-dalil yang telah diterangkan. Namun apabila ianya digabungkan kempat empat kontrak tersebut dalam satu produk. Ia menimbulkan isu ketidakpatuhan Syariah.

Produk *ar-rahn* semasa dimodifikasi berdasarkan kontrak *tawarruq*. Banyak Perbahasan berkaitan kontrak ini di mana ada yang mengharuskan penggunaannya dan ada yang menolak. Sebilangan fuqaha' tidak mengharuskan aplikasi kontrak ini. Antaranya ialah Muhammad Hassan al-Shaybani. Beliau berpandangan kontrak ini adalah suatu transaksi yang makruh, dan perlu dielak daripada melakukannya. Begitu juga pendapat al-Zaylā'i, salah seorang daripada fuqaha' Hanafi. Beliau berpandangan kontrak *tawarruq* adalah makruh dan dicipta sebagai *hilah* menghalalkan riba.

Manakala pandangan yang mengharuskan *bay’ tawarruq* antaranya salah seorang fuqaha’ tābi‘īn iaitu Sa‘īd al-Musayyib. Selain itu, Ibn Hummam yang merupakan pendokong mazhab Hanafi, dalam ulasannya menunjukkan keharusan jual beli yang berbentuk *tawarruq*.³¹⁴ Beliau menyatakan jika seseorang yang membeli pakaian daripada satu pihak, kemudian menjualnya kepada pihak yang lain, maka ia tidak makruh. Seterusnya, Berdasarkan perbahasan fuqaha Maliki, aplikasi kontrak *tawarruq* diharuskan. Imam Malik melarang transaksi *bay’ al-‘inah* disebabkan oleh komoditi dijual semula kepada penjual asal. Walau bagaimanapun, jika komoditi tersebut dijual kepada pihak ketiga tidak dibahaskan. Fuqaha’ Shafī‘i turut menunjukkan penerimaan yang baik terhadap kontrak *tawarruq*.³¹⁵ Hal ini didapati melalui keharusan Imam Shafī‘i terhadap kontrak *bay’ al-‘inah* dalam karyanya *Al-‘Umm*.³¹⁶

5.2.2 Objektif 2: Mengenalpasti modus operandi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih.

Pengkaji telah memilih dua institusi perbankan Islam iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai Bank Rakyat dan seterusnya Bank Muamalat Malaysia Berhad. Antara subtopik yang dibincangkan ialah latar belakang Kedua-dua buah bank, diikuti pula modus operandi produk *ar-rahn* di Bank Rakyat dan Bank Muamalat yang terdiri daripada kontrak lama iaitu bermula daripada tahun 1990-an sehingga tahun 2019, dijelaskan juga berkaitan kontrak semasa produk ar-rahn yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2020 sehingga sekarang. Dalam objektif kedua yang dijelaskan dalam bab ketiga ini, dapat kita ketahui berkaitan struktur produk dahulu dan semasa di mana ianya mempunyai sedikit perbezaan.

³¹⁴ Ibn ‘Ābidin, Muhammad Amin, *Hāshiyah Ibn ‘Abidin* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 2000), 7:655

³¹⁵ Mohd Izuwan, “Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad” (Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015),46.

³¹⁶ Al- Shāfi‘ī, *al-‘Umm* (Beirūt: Dar al-Wafā) 4:33.

Produk *ar-rahn* sebelum tahun 2020 menggunakan kontrak *rahn*, *qard*, *wadi’ah* *yad dhamanah* dan *ujrah*. Keseluruhan perbankan Islam juga menggunakan pendekatan yang sama. Namun begitu terdapat perbezaan ke atas ciri-ciri produk *ar-rahn* yang ditawarkan oleh setiap institusi perbankan Islam sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

Manakala, produk *ar-rahn* pada masa kini menggunakan konsep *rahn* dan *tawarruq* yang telah diluluskan oleh penasihat-penasihat syariah. Terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua konsep yang lama dan semasa dari segi kontrak yang digunakan iaitu daripada konsep *rahn*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah* kepada konsep *rahn* dan *tawarruq*. Perbezaan di antara Bank Rakyat dan Bank Muamalat juga dapat dilihat di mana Bank Muamalat menggunakan kontrak *wadiyah yad dhamanah* sementara Bank Rakyat tidak menggunakan kontrak tersebut.

Perubahan kontrak pendasar yang digunakan dalam produk pembiayaan *ar-rahn* telah menyebabkan berlaku perbezaan kepada ciri produk *ar-rahn* seperti bank tidak lagi mengenakan caj upah simpan, tetapi ditukar kepada pembayaran keuntungan bank. Akhir sekali, dapat diketahui bahawa tiada perbezaan yang ketara dalam aplikasi produk, pelanggan masih boleh memohon pembiayaan *ar-rahn* seperti biasa. Penukaran konsep ini tidak sama sekali menjaskan masyarakat atau rakyat yang bergantung kepada produk *ar-rahn* sebagai sumber modal.

5.2.3 Objektif 3: Menganalisis isu-isu syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih menurut perspektif fiqh.

Persoalan yang timbul ialah apakah isu-isu syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di bank-bank terpilih menurut perspektif fiqh. Persoalan ini dirungkaikan dengan hasil pengumpulan data dan juga temu bual daripada dua orang informan yang terdiri daripada pegawai Syariah di Bank Rakyat dan Bank Muamalat. Dalam bab keempat ini pengkaji

membuat analisis berkaitan perbezaan kontrak *ar-rah*n yang terdiri daripada kontrak lama dan semasa serta menganalisis perbezaan struktur produk *ar-rah*n di Bank Rakyat dan Bank Muamalat. Seterusnya, pengkaji menganalisis isu-isu Syariah dalam aplikasi produk *ar-rah*n yang terdiri daripada isu kontrak lama dan isu kontrak semasa.

Hasil daripada analisis yang dibuat, kajian mendapati selain daripada isu syariah yang ditimbulkan oleh Bank Negara iaitu isu keterikatan setiap kontrak dan isu penggabungan kontrak, terdapat isu Syariah lain iaitu isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar dan isu memanfaatkan marhun yang timbul daripada produk pembiayaan *ar-rah*n sedia ada. Seterusnya, pengkaji mendapati terdapat isu-isu Syariah dalam aplikasi produk *ar-rah*n yang menggunakan kontrak tawarruq di mana risiko ketidakpatuhan Syariah akan lebih tinggi kerana tawarruq merupakan kontrak yang memiliki risiko ketidakpatuhan Syariah yang paling kerap bernbanding kontrak lain. Antara isu-isu Syariah melibatkan kontrak tawarruq ialah:

- a. Isu berkaitan dengan komoditi
- b. Isu berkenaan ketiadaan penyerahan dan pegangan
- c. Isu berkaitan pengaturan awal (pre-Arrangement)
- d. Isu *bay' al-'inah*
- e. Isu berkaitan perwakilan
- f. Isu- isu teknikal

Antara isu-isu di atas, isu yang paling kerap mengundang kepada ketidakpatuhan syariah ialah isu-isu teknikal yang sering berlaku akibat kecuaian oleh pihak perbankan dalam mengendalikan pelaksanaan akad *tawarruq* ini. Antaranya ialah transaksi tawarruq yang tidak lengkap dilakukan oleh Ejen Jualan Telemarketing BICC. Selain itu, kesalahan dalam pelaksanaan pembukaan akaun pembiayaan pajak gadai-I (*tawarruq*). Akhir sekali, kesalahan dalam merekodkan harga jualan dan sijil komoditi untuk produk pembiayaan pajak gadai-I (*tawarruq*). Isu Syariah yang lain adalah seperti isu-isu teknikal mungkin

terjadi apabila sistem bank yang digunakan tidak berfungsi dengan betul pada sesuatu masa dan proses pembiayaan akan dilaksanakan secara manual. Antaranya ialah tersalah memasukkan harga jualan, tersalah kira, tersilap memasukkan masuk jumlah pembiayaan, tersilap menjana keuntungan dan isu-isu teknikal yang lain. Kesalahan atau isu teknikal ini akan mengakibatkan transaksi yang dijalankan tidak memenuhi keperluan Syariah di mana bank tidak boleh mengambil keuntungan daripadanya dan tidak boleh dikira sebagai pendapatan bank.

Kesimpulannya, walaupun institusi perbankan telah bertukar arah kepada *alternatif ar-rah*n iaitu aplikasi *tawarruq*, tetapi masih terdapat banyak isu yang mungkin berlaku di dalam *tawarruq*. Namun begitu, pihak bank mempunyai mekanisme kawalan risiko yang khusus berhubung isu-isu yang timbul dalam *tawarruq* dan ditambah baik dalam pengurusan kontrak *ar-rah*n. Selain itu, perubahan kontrak yang dilaksanakan di institusi perbankan iaitu kepada aplikasi *tawarruq* kini dilihat tidak mempunyai perbezaan yang ketara cuma kontrak dan pelaksanaannya sahaja berbeza dan tidak membebangkan masyarakat sama sekali. Akhir sekali, dapat diketahui bahawa kontrak *tawarruq* merupakan kontrak yang mempunyai risiko yang tinggi untuk berlaku ketidakpatuhan Syariah berbanding kontrak lain.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Sebagai kajian lanjutan pengkaji mencadangkan beberapa kajian yang relevan dijalankan.

Antaranya:

1. Kajian berkaitan isu Syariah dalam produk perbankan lain yang berdasarkan kontrak *tawarruq* di institusi perbankan Islam Malaysia.
2. Kajian berkaitan kontrak baharu yang boleh menggantikan kontrak *tawarruq* dalam pelaksanaan produk *ar-rah*n.

5.4 Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan bahawa kajian ini telah menjawab semua persoalan kajian yang berbangkit seterusnya berjaya mencapai objektif kajian. Penemuan- penemuan kajian juga menyumbang kepada input atau info tambahan berkenaan isu-isu syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn* di perbankan Islam menurut perspektif fiqh. Namun begitu, masih wujud lagi lompang- lompang atau ruang- ruang penyelidikan yang boleh dilakukan bagi memantapkan kajian mengenai isu-isu syariah dalam aplikasi produk *ar-rahn*

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abdul Rahman al-Jaziri, *al-Fiqh ‘ala Madhahib al-Arba’ah*, juzuk 3 (Beirut: Dar al- Kutub al-Islamiyyah, (1470H), 150- 155

Ahmad Salamah Dr. (1968), Ar-rahni Al-Taliq Li al- Manqul: Dirasah Muqaranah, Matba‘ah Jami‘ah ‘Ain Shams.

Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 40.

Al-Fairuz Abadi, *Al-Qamus al-Muhit*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 2003, 342 ; Ibnu Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut, 1990, j.4,10.

Al-Haskafi, *al-Dur al-Muhtar Hashiyah Rad al-Muhtar*, (Beirut: Dar al-Fikr ,1992), 6:5.

Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, juzuk 3 (Beirut. Dar al-Kitab al-Arabi, (1987), 128- 133.

Abi Bakr Jabir al-Jazari (1421/2000), *Manhaj al-Muslim, Kitab Aqai’id Wa Adab Wa Akhlaq Wa Ibadat Wa Muamalat*, (al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Salafiyyah,2000), 309-311.

Al-Doktor Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juzuk 5, ed. Ke-4 (Damascus: Dar al-Fikr, (1989), 170-292.

Al-Mauwaq, *Al-Taj wa al-iklil bi Hamish Mawahib al-jalil*, (Beirut: Dar al- Ma’rifah, t.t), 5:389.

Al-Majma’ al-Fiqhi al-Islami bi Rabitat al-‘Alam al-Islami, “Hukm Bay’ al- Tawarruq”, Qararat al-Majma’ al-Fiqhi al-Islami bi Rabitat al-‘Alam al-Islami, *Resolusi no. 5* (1998), 320-321.

Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj* (al-Qahirah: Syarikah Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Halabi Wa Auladuh: 1993), 2:121-145.

Al-Najdi, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad, *Hāshiyah al-Rawd al-Murbi‘* (Riyad: Dār al-Watan, 1992), 4:389.

Abdul Ghafar et al., “Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle” An Option That Triggers New Issues,” 388-396.

Abū Ghuddah, “Al-Sila‘ Al-Dawliyyah wa Dhawābit al-Ta‘āmul fīhā” (Makalah, Nadwah al-Barakah al-Tāsi‘ah wa al-‘Ishrūn li al-Iqtisād al-Islāmī, Jeddah, 6-7 September 2008).

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2011), 65.

‘Ali Khafif, *Ahkam al-Mu’amalah al-Syar’iyyah*, (Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi, 1996) 465.

Fusayli al-‘Uaib al- (t.t.), Majmu‘ah Al-Rasa’il Al-‘Iimiyyah – Rahn Al-Safinah,Jami‘ah ‘Ain Shams.

John D. Anderson, *Qualitative and Quantitative Research* (Imperial COE, t.tp, 2006) 3.

Husain Bin Audah Awaysasyah “Şahīḥ al-Bukhārī dan Muslim”, *Kitab Al-Mausu’ah Al-Fiqhiyah*, Bab Ijarah, no. hadith 49.

Ibn Muflīḥ, *al-Mubdi‘ Sharḥ al-Muqni‘* (Beirūt: al-Maktabah al-Islamī, 1980), 2:49.
Ibn Qudamah, *Al-Mughnī*, (Riyadh: Dar ‘Ālam al-Kutub, 1997), 437.

Ibrahim Fādhil al-Dābū, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)”, 68.

Ibn Taimiyyah, Taqi al-Dīn Aḥmad, *Majmū‘ah al-Fatāwa lil Syaykh al-Islām Taqi al-din Aḥmad Ibn Taimiyyah*, (al-Mansūrah: Dār al-wafā’, 2005), 29: 442.

Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abi ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abi Bakr al-Zar’i, *I'lām al-Muwaqqi 'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, (Beirut: Dār al-Jeel, 1973), 3:170.

Imam Qalyubi dan Umayrah, *Qalyubi wa Umayrah*, juzuk 2 (Misr: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, (t.t), 261-272.

Ibrahim al-Dasuqi Abu al-Lail Dr. (t.t.), Al-Huquq al-‘Ainiyyah al-Ta'manat al-‘Ainiyyah : Ar-rahn al-Rasmi – Ar-rahn al-Hiyazi – Huquq al-Imtiyazi ,Jami‘ah al-Kuwait.

Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam, (Selangor: Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2009), 101.

Jihad Abdullah Husain Abu Uwaimir, *at-Tarsyid Asisyari lil-Bunuk al-Qaimah* (Kairo: al-Ittihad ad-Dauli lil - Bunuk al-Islamiah,1986).

‘Ali Ibn Muhammad al-Khazin al-Baghdadi, *Tafsir al-Qur'an al-Jalil al-Musamma Lubab al-Ta'wil fi ma' ani*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1970), 1: 256

John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*, ed ke-2 (London: Sage Publication, 2003) 188.

Mahbubi Ali dan Rusni Hassan, “Determinants of Shariah Non-Compliant Events in Islamic Banks In Malaysia: With Special Reference to Tawarruq-Based Financing,” *Al-Shajarah ISTAC* 21(3), (2016), 217-242.

Mohamad Wahid al-Din Suar (1995), *Sharah Al-Qanun Al-Madani Al-'Ainiyyah Al-Tabi'yyah Ar-rahn Al-Mujarrad, Ar-rahn Al-Hiyazi, Huquq Al-Imtiyaz, al-Kitab al-Thalith*, Maktabah Dar al-thaqifah, Jordon.

Mohd. Nasir Mohd. Yatim & Amirul Hafiz Mohd Nasir, *The Principles and Practice of Islamic Banking & Finance*, Selangor, Malaysia: Prentice Hall/ Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2007), 188.

Mu'min Ab. Ghani, “Sejarah Perkembangan Riba dalam Tamadun Manusia”, *Jurnal Syariah* 4 (1996), 124.

Musa Shahin Lashin, “*Şahih al-Bukhārī* dan Muslim, *Kitab Fathu al-Mun'am*, Bab *ar-rahn*, no. hadith 3621.

Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005), 105.

Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof, *Perbankan Islam di Malaysia*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2008), 5.

Nurasyraf Fahmi Azahari dan Asma Hakimah ab. Halim, *Ar-Rahnu dan Amalan di Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2019), 22.

Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Ar-Rahman*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 85.

Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, *Tafsir Mubin*, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2009), 3:204.

Shaykh Muhammad Amin Ibn 'Umar Ibn 'Abidin, Hadith *hasan* riwayat al-Harits ibn Abi Usamah, *Kitab al-Buyu'*, bab ar-riba, no. hadith 881.

Yahya B. Abi Al-Khair B. Salim B. As'ad al-Imam (2002), *Al-Bayan Fi Fiqh Al-Imam Al-Shafi'i*, Juz 7, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

ARTIKEL JURNAL

Aida Rasyiqah Zulkifli & Zamzuri Zakaria, “Analisis Perubahan Konsep Kontrak dalam prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu dan Kesannya”, *Juournal of Contemporary Islamic Law* 6 (2021), 146-154.

Asiah Alkharib Shah dan Dziauddin Sharif, “Kepatuhan Syariah Dalam Tadbir Urus Ar-Rahnu”, *Journal of Muwafaqat* 1.2 (2018), 37-57.

Asmadi Mohamed Naim, "Skim Ar-rahn-Antara Keaslian dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam", *Jurnal Pembangunan Sosial* 4 & 5, (Jun & Dis 2002), 141-166.

Asmak Ab Rahman dan Shamsiah Mohamad et al., "Bay' al-Tawarruq dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad" *Jurnal Syariah* 18(2), (2010) 333-360.

Habeebah Simisola Fa-Yusuf dan Ndeye Djiba Ndiaye, "Issues with the Use of Tawarruq in Malaysia," *Journal of Islamic Banking and Finance* 5.2 (2017), 30-36.

Lokmanulhakim Hussain dan Mohammad Mahbubi Ali, "Shariah non-compliant assets as *rahn* (pledge) in Islamic banking products: a *fiqhi* perspective" *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9.2 (2017), 196-199.

Munawwaruzzaman Mahmud, Muhammad Hisyam Hassan dan Nur Fathin Khairul Anuar, "Bay' wa salaf in Islamic banking current practices", *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10 No.2 (2018), 209.

Mohamed Fairooz, Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri and Lokmanulhakim Hussain, "Critical Appraisal of the Rahn-based Islamic Microcredit Facility", *ISRA International Journal of Islamic Finance* 7.3 (2013), 221-231.

Nurul Huda Md Yusuff, Azila Abdul Razak dan Fidlizan Muhammad, "Kepatuhan Proses Gadaian Dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia," *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9 (2015), 57-74.

Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, "Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu penilaian Semula", *Jurnal Fiqh Apium* 5 (2008), 48-65.

Mahadi Ahmad dan Riaz Ansary, Fiqhi views on Bay' wa al-Salaf and Qard-Based Islamic Banking Deposit Accounts in Malaysia," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(1), (2017), 106-112.

LAMAN SESAWANG

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, "Laporan Tahunan 2017", laman sesawang Bank Rakyat, diakses 30 Jan 2020,
https://www.bankrakyat.com.my/c/mengenai/maklumat_kewangan/annual

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, "Pembiayaan-i Pajak Gadai ar-Rahnu" laman sesawang Bank Rakyat, diakses 10 Januari 2020,
https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pajak_gadai_i_ar_rahnu-39/pawn

Bank Muamalat Malaysia Berhad, "Ar Rahnu, Islamic Pawn Broking (Tawarruq)," laman sesawang Bank Muamalat, diakses 7 Mac 2020,
<https://www.muamalat.com.my/consumer-banking/ar-rahnu-2/>

Bank Negara Malaysia, “Policy Document Wadiah,” laman sesawang Bank Negara Malaysia, diakses 25 Disember 2019,
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Wadiah_PD.pdf/

Bank Negara Malaysia, “Policy Document Wadiah,” laman sesawang Bank Negara Malaysia, diakses 25 Disember 2019.

https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Wadiah_PD.pdf/

Bank Negara Malaysia, “The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (the SAC) 194th and 195th Meeting,” laman sesawang Bank Negara Malaysia, diakses 20 Disember 2019, <https://www.bnm.gov.my/-/sac-194th-195th-meeting>.

Ethica Institute of Islamic Finance, “Is Tawarruq Really Islamic Finance?” laman sesawang Ethica Institute of Islamic Finance, diakses 20 November 2019,
<https://ethica.institute/Is-Tawarruq-Really-Islamic-Finance.aspx>

Ibn Bāzz, “Fatwā Tawarruq” dicapai pada 15 Januari 2019,
<https://binbaz.org.sa/fatwas>

‘Sabri Ahmad, “Ar-Rahnu Pajak Gadai Islam Pertama di Dunia” Laman Sesawang Emaskini dicapai 26 Oktober 2020, <https://www.emaskini.com/ar-rahnu-pajak-gadai-islam-pertama-di-dunia/>

Rafee Haneef, “Is the Band on “Organised Tawarruq” the Tip of the Iceberg?” *ISRA Research Paper (2/2009)*, laman sesawang ISRA, dicapai pada 8 April 2019,
<https://ifikr.isra.my/>.

Abd Hakim Ab Rashid, “Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-565: Adakah Pajak Gadai Ar Rahnu Riba?”, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 4 Mei 2021, diakses 10 Mei 2021, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4770-irsyad-al-fatwa-siri-ke-565-adakah-pajak-gadai-ar-rahnu-riba>

Rules of Bursa Malaysia Islamic Services Sdn. Bhd, Chapter 3 Participantship, Rule 301.5 (1), laman sesawang *Bursa Malaysia*, dicapai pada 25 Disember 2020, http://www.bursamalaysia.com/misc/system/assets/313/rules_bmis_chapter3.pdf

¹ Pakar Syariah 2, (Eksekutif Syariah, Bank Muamalat) dalam temubual bersama pengkaji pada April 2021.

Bursa Malaysia Berhad, laman sesawang *Bursa Malaysia*, dicapai pada 25 Disember 2013, <http://www.bursamalaysia.com/market/islamic-markets/products/bursa-suq-al-sila/commodities/>.

Bank Negara Malaysia “Policy Document Wadiah” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2016), 7.

Bank Negara Malaysia “Policy Document Ijarah” (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2018), 24.

TESIS/DISERTASI

Anuar Hj. Talib (1995), Konsep Ar-Rahn : Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad” (Akademi Pengajian Islam ,UM, 1995.)

Adam Tumiran, Ar-rahn – Suatu Cadangan di Johor, Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, (1999).

Azizah binti Othman, “Pelaksanaan Ar-rahnu Di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan Di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,Universiti Sains Malaysia,Penang, 2015.)

Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H Dr. (2006), Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari dan Institusionalisasi, Gadjah Mada University Press.

Anisah Mohamad, “Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam: Kajian Kes Ke atas Kedai Ar-rahn di Kelantan”, (Disertasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala

Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan akad pembiayaan peribadi-i tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, “Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam (ar-rahn): kajian di kedai Ar Rahnu Bank Rakyat cawangan Alor Setar, Kedah” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

Mohd Noor Sukrie Mohd Ridzuan, “Penilaian terhadap Skim Ar-Rahnu PRIMAS di Koperasi Nasional Malaysia Berhad dari perspektif Islam” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

Mohd Nor Hisham Mazlan, “Penggunaan tawarruq di Platform Bursa Suq Al-Sila' dan pelaksanaannya dalam perbankan Islam d Malaysia,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

Mohd Izuwan Mahyudin, “Aplikasi tawarruq dalam sistem perbankan Islam: kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

Muhammad Izzul Syahmi, “Produk Deposit Berasaskan Tawarruq Di Perbankan Islam Malaysia: Analisis Terhadap Elemen Hiyal,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2019).

Shamsiah binti Mohamad, “Pelaksanaan Gadaian Islam Di Malaysia: Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu”, (Disertasi Sarjana, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994).

Suriani Sulong, “Ar-rahnu: Teori dan Amalannya Di Bank Rakyat”, (Disertasi Akademi Pengajian Islam, UM, 2001).

Siti Aishah Kasmon, “Analisis pelaksanaan tawarruq dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia: kajian di Bank Islam Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank,” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

Zurina Abd. Khalid, Ar-rahnu Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat, (Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, 1995).

PERSIDANGAN

Ibrahim Fādhil al-Dābū, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 68.

Hasan ‘Alī al-Shazālī, “al-Tawarruq Haqīqatuhu wa Hukmuhu wa al-farqu Bainahu wa Baina al-‘Inah al-Tawarruq”(Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 110.

Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom, “An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia” (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9, Selangor, 2014), 561.

Sa‘īd Bouheraoua, “al-Tawarruq al- Masrafi Dirāsah Tahliliyyah Nuqūdiyyah Li Arā'a al-Fiqhiyyah” (Makalah, Persidangan Majma‘al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emeriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 348.

Syairazi Muhammad Husni and Rusni Hassan, “Comparing the Concept of Rahn and Debenture in Islamic Finance Perspective”, (e-Proceedings of the Global Conference on Islamic Economics and Finance, Kuala Lumpur, 2018), 99-111.

Muhammad Taqī al-Uthmānī, “Aḥkām al-Tawarruq wa Taṭbiqatuhu al-Maṣrāfiyah” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 519.

Wahbah al-Zuhaily, “al-Tawarruq Haqīqatuhu, wa Anwā‘uhu (al-Fiqhī al-Ma‘rūf wa al-Maṣrāfi al-Munazzam)” (Makalah, Persidangan Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26 Mac-3 April 2009), 789.

Nor Fadilah Bahari dan Nurul Akhtar Baharuddin, “Kontrak Shariah Al-Tawarruq: Konsep Dan Aplikasinya Dalam Produk Perbankan Islam,” (E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah, Selangor, 2014), 26-27.

Nurhayati Rasmin dan Ruzian Markom, “An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia” (Prosiding PERKEM Ke-9: Urus Tadbir Ekonomi Yang Adil: Kearah Ekonomi Berpendapatan Tinggi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 563-568.

Mahadi Ahmad dan Shamsiah Mohamad, “Bay‘ wa al-Salaf: Analisis Daripada Perspektif Fiqah” (Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, Putrajaya, 16-17 Mei 2017), 1-20.

TEMUBUAL

Husnan Syazwan Narzari (Ketua, bahagian pengawasan shariah, bank rakyat Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis 19 April 2021

Muhamad Fadhli Abdullah (Eksekutif Syariah, Bank Muamalat, Kuala Lumpur), dalam temubual bersama penulis pada 22 April 2021.